

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 21**

**Isnin**

**24 Julai 2017**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 37)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 (Halaman 38)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 24 Julai 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA  
MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2016) 2017;
2. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017;
3. Akta Mahkamah (Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivil) 2017;
4. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017;
5. Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017;
6. Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017;
7. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017;
8. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017;
9. Akta Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017;
10. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017;
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017;
12. Akta Cukai Pelancongan 2017; dan
13. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Sila.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“27 April 2017

### **Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017;
2. Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017;
3. Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Pemulaan Tindakan Sivill) 2016;
4. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2017;
5. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2017;
6. Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017;
7. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017;
8. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017;
9. Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017;
10. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017;
11. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017;
12. Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017; dan
13. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah impak sistem pengangkutan MRT yang dapat dibangunkan tanpa melibatkan sebarang perjanjian konsesi serta kejayaan menyiapkan projek tersebut dengan kos yang lebih rendah berbanding sasaran awal serta masih mengikut jadual.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin menjawab bersama soalan ini dengan soalan nombor 75 daripada Yang Berhormat Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak kelebihan apabila kerajaan membangunkan sesuatu projek infrastruktur terutamanya projek pengangkutan awam dengan menggunakan modul pembiayaan langsung dan bukan menggunakan modul konsesi. Kita baru sahaja melancarkan MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang dan projek ini telah dapat disiapkan menepati jadual malah dengan penjimatan sebanyak RM2 bilion daripada kos pembinaan projek. Ini merupakan contoh yang terbaik ataupun dengan izin *success story* untuk projek yang dibiayai secara langsung oleh kerajaan dan bukan menggunakan konsesi.

Kelebihan projek yang dibiayai secara langsung adalah kerajaan dapat mengawal dan mengawasi projek dengan lebih ketat dan rapi dengan menggunakan struktur projek yang baik.

### **■1010**

Struktur yang baik dari segi urus tadbir ataupun *governance*, sistem tender yang telus, pembiayaan mahupun implementasi dengan nyata telah menjadi faktor-faktor yang membawa kejayaan pada projek MRT. Bagi struktur urus tadbir projek MRT, terdapat jawatankuasa eksekutif atau EXCO projek MRT yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan ahli-ahlinya terdiri daripada agensi kerajaan yang terlibat dengan pembangunan projek MRT. Melalui EXCO ini, perkara-perkara seperti peruntukan ataupun kekangan yang menghalang kemajuan projek ini dapat diputuskan atau diselesaikan dengan segera. Struktur EXCO ini telah dapat mempercepatkan proses pelaksanaan projek ini dan menyumbang kepada faktor kejayaan projek. Amalan ini akan diguna pakai dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan yang lain bagi memastikan implementasi yang cekap bersandarkan ketelusan dan integriti dengan birokrasi yang minimum.

Dari segi pembiayaan pula, tanggungjawab untuk menyediakan dana pembiayaan projek ini telah diasingkan dan dikeluarkan daripada tanggungjawab pemilik projek MRT Corp. Dana untuk pembangun membangunkan projek MRT telah diuruskan oleh Dana Infra Nasional Berhad melalui terbitan sukuk. Ini telah dapat menyelesaikan isu pembiayaan projek dengan jayanya. Struktur implementasi projek yang dipakai untuk projek ini iaitu dengan pelantikan rakan pelaksana projek atau *Project Delivery Partner (PDP)* juga merupakan faktor

yang penting. Di samping mengawasi prestasi kesemua kontraktor-kontraktor, pihak PDP juga menampung segala risiko projek di mana PDP dikenakan penalti jika projek tidak dapat disiapkan pada tempoh yang ditetapkan ataupun kosnya melebihi apa yang disasarkan. Prestasi PDP ini pula diselia oleh MRT Corp. yang merupakan syarikat tujuan khas yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menjadi pemilik dan pemaju projek MRT.

Struktur-struktur yang dihuraikan ini dengan sendirinya tidak akan mendatangkan apa-apa hasil jika tidak wujud kerjasama dan persefahaman serta semangat berpasukan di kalangan semua pihak. Misalnya untuk projek MRT antara MRT Corp. dengan PDP ataupun antara PDP dengan kontraktor-kontraktor pakej kerja, antara kontraktor pakej kerja dengan sub kontraktor dan pembekal adalah merupakan perkara yang amat penting bagi menjayakan projek tersebut. Di kalangan pegawai kerajaan pula, kerjasama dan persefahaman ini wujud bukan sahaja di antara agensi-agensi Kerajaan Persekutuan malah juga antara agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dengan agensi-agensi kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan. Ketelusan urus tadbir yang baik dan integriti tidak sesekali dikompromi. Oleh itu, bagi projek MRT ini antara ahli EXCO projek MRT adalah terdiri wakil-wakil dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan juga dari Jabatan Audit Negara. Ini telah memastikan bahawa projek ini mempunyai tahap ketelusan dan integriti yang baik sekali.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Hulu Langat, melalui pembinaan projek MRT ini, beberapa kemudahan dan infrastruktur juga telah ditambah baik. Ini termasuk jalan-jalan utama di Kajang serta Jalan Cheras dan Jalan Reko yang telah ditambah baik dengan penambahan dari dua lorong kepada empat lorong dan penurapan semula jalan bagi keselesaan pengguna jalan raya. Pembinaan hentian bas perantara dan teksi turut tidak dilupakan bagi memastikan kesinambungan jaringan pengangkutan yang efisien dapat direalisasikan. Malah di Sungai Buloh dan Kajang, skop kerja projek MRT ini termasuk penambahbaikan fasiliti stesen KTM di mana bangunan stesen yang baru telah dibina oleh KTM.

Sepanjang proses memastikan projek MRT ini disiapkan mengikut jadual dan berjaya, pihak MRT Corp. tidak pernah mengabaikan kesulitan dan ketidakselesaan yang dihadapi oleh mana-mana pihak yang terkesan di sepanjang jajaran projek. Pihak MRT Corp. sentiasa bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang aduan dan kerosakan yang telah dibuktikan disebabkan oleh pembinaan projek MRT ini.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan ke atas kejayaan ini kerana dianggarkan seramai 400 orang dapat manfaat setiap hari. *[Tepuk]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** 400 sahaja?

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** 400,000 orang. 400,000 orang dapat manfaat setiap hari dan saya lihat sekali gus ia memberikan definisi baru dalam pengangkutan awam negara kita.

Sebagai soalan tambahan saya, bagaimanakah sistem MRT yang telah dibina ini dapat memberikan kemudahan pengangkutan menyeluruh walaupun di kawasan-kawasan dalam bandar yang tidak mempunyai jajaran laluan MRT. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menunggu pelaksanaan *line* dua dan *line* tiga, apabila *line* tiga siap nanti, keseluruhan Lembah Klang ini akan menyaksikan sistem MRT yang dapat memberi perkhidmatan secara menyeluruh. Dalam pada itu, beberapa kebaikan yang boleh diberikan ataupun boleh dinikmati oleh mereka yang tidak mempunyai jajaran laluan MRT ini termasuklah peluang menggunakan *feeder bus* dengan izin. Kita telah menyediakan 300 buah *feeder buses* dalam lingkungan lima kilometer radius.

Kedua, mereka boleh gunakan kemudahan *Park & Ride* di mana di 14 buah stesen, kita telah sediakan lebih kurang 7,800 *parking lot*. Jadi mereka boleh letakkan kereta mereka di situ dan gunakan MRT.

Yang ketiga secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua, dijangka apabila sistem ini digunakan sepenuhnya, 160,000 buah kenderaan akan berkurangan di atas jalan di Kuala Lumpur khususnya dan ini tentu sekali akan menjimatkan masa semua pihak yang menggunakan jalan raya di Kuala Lumpur.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Simpang Renggam ada satu fakta yang salah. *Daily ridership* itu 150,000 sahaja, itu adalah kenyataan dikeluarkan oleh MRT, bukan 400,000. Saya harap Yang Berhormat Simpang Renggam boleh baca dengan lebih telitilah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya juga ada baca laporan di mana penjimatan sejumlah RM2 bilion daripada kos anggaran RM23 bilion telah dilaporkan. Akan tetapi saya minta Yang Berhormat Perdana Menteri menjelaskan dan memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah perbelanjaan tambahan yang telah dibayar kepada PDP sebagai *payment* dan juga kos pengambilan tanah ataupun *land acquisition cost* dan yang juga penting ialah kos pembelian *train* ataupun *rolling stock*.

Kenapa saya hendak tanya maklumat tambahan ini? Saya rasa maklumat ini perlu diberitahu kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada rakyat umum kerana kesemua kos ini akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan secara langsung dan juga secara tidak langsung ia akan dibayar oleh *tax payer*, oleh pembayar cukai di Malaysia. Jadi saya rasa kita tidak sepatutnya memberi tumpuan kepada kos pembinaan sahaja tetapi saya rasa laporan mesti diberikan tentang kos keseluruhannya, termasuk kos yang saya nyatakan tadi. Jadi saya

harap Yang Amat Berhormat Pekan boleh memberikan maklumat ini kepada Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, semua kos-kos yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu, merupakan kos-kos yang memang munasabah dibiayai, maknanya mengikut kaedah yang telus dan tidak ada apa-apa yang boleh dipertikaikan.

■1020

Namun, saya boleh minta pihak MRT mengeluarkan maklumat tambahan untuk pengetahuan umum nanti.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Pekan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan dan juga kerajaan di atas kelancaran projek MRT yang pada hemat saya ia merupakan satu projek Kajang *move* yang benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat dan lebih-lebih lagi ia menunjukkan bahawa rakyat Selangor tidak dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan. [*Tepuk*] Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Pekan, saya ingin mendapatkan pandangan Yang Amat Berhormat Pekan mengenai kenyataan sesetengah individu yang pernah pada satu ketika dahulu menentang projek pembinaan MRT atas alasan ia merupakan satu pembaziran kepada rakyat. Saya hendak minta pandangan Yang Amat Berhormat Pekan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memang sekali projek ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat. Oleh sebab itu Yang Berhormat Kuala Selangor menyifatkan ini sebagai *the real Kajang move*. Namun, kalau dilihat dari segi kesan yang diterima, memang majoriti yang besar rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan MRT ini. [*Tepuk*] Jadi, kalau ada pihak yang kata bahawa ini satu pembaziran dan sebagainya, itu pendapat politik Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi hakikat di hati rakyat, di sisi rakyat, projek ini memang memberi manfaat yang sangat besar kepada rakyat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Izinkan saya juga memberi ucap Selamat Aidilfitri al-Mubarak kepada semua, maaf zahir dan batin. Juga sebelum saya menanyakan soalan Tuan Yang di-Pertua, saya perlu panduan daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai soalan saya yang pertama yang dikatakan mengikut Peraturan 23(3). Ia memang ada jawapan tetapi dikatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Soalan tentang Kertas Putih bagaimana menjelaskan campur tangan asing dalam kes 1MDB. Juga dikatakan oleh Yang Berhormat Marang. Jadi saya tanya, itu bukan tentang 1MDB tetapi tentang campur

tangan asing. Juga dikatakan ditimbang dalam mahkamah. 1MDB tidak ada dalam mahkamah, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya itu.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, biasalah petua daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengatakan kalau ada apa-apa pertanyaan mengenai Aturan Mesyuarat dan juga mengenai peraturan mesyuarat, eloklah kita selesaikan dan timbulkan selepas sesi soal jawab lisan. Saya akan respons selepas itu. Sila Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk jawapan soalan nombor dua.

**2. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan status semasa tindakan susulan kegagalan Program E-Kad Pekerja Asing; dan memberikan maklumat terperinci syarikat manakah yang akan membawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh ke dalam negara serta maklumat pengarah syarikat, pemegang saham dan individu yang terlibat dalam kemasukan pekerja Bangladesh tersebut.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh bersekali dengan 13 soalan lain yang turut menyentuh isu yang sama berkenaan Program E-Kad Sementara pekerja asing iaitu Yang Berhormat Jelutong pada 24 Julai, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Batu Gajah pada 25 Julai, Yang Berhormat Ipoh Timur pada 26 Julai, Yang Berhormat Batu Pahat pada 31 Julai, Yang Berhormat Sabak Bernam pada 1 Ogos, Yang Berhormat Gopeng 2 Ogos, Yang Berhormat Lembah Pantai pada 3 Ogos, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Pasir Mas pada 9 Ogos dan Yang Berhormat Keningau pada 10 Ogos.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program E-Kad Sementara Pekerja Asing merupakan inisiatif kerajaan untuk memberi peluang kepada pendatang asing tanpa izin atau PATI tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia supaya diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka bagi memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara ini bagi tujuan pemantauan serta memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Dalam Program E-Kad Sementara Pekerja Asing ini, majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapat dokumen perjalanan atau pasport daripada kedutaan masing-masing bagi membolehkan PATI berkenaan diberikan dokumen untuk melalui program ini.



Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan bahawa terdapat syarat-syarat yang ketat di dalam pemberian dokumen E-Kad ini. Antaranya, PATI harus mempunyai majikan, PATI harus bebas daripada sebarang rekod jenayah, PATI diwajibkan lulus pemeriksaan kesihatan dan PATI tidak tersenarai di dalam senarai syak atau *suspect list*. Di samping itu, majikan juga dikenakan syarat, terutamanya majikan mesti mematuhi program *rehiring* atau penggajian semula. Majikan juga mesti tersenarai di bawah sektor dan subsektor yang dibenarkan sahaja. Tidak tersenarai dalam senarai majikan yang digantung urus niaga oleh *one stop center* atau OSC, tidak disenaraihitamkan atau termasuk dalam senarai syak oleh KDN dan PDRM dan Jabatan Imigresen, perlu mematuhi syarat pengambilan pekerja asing yang telah ditetapkan oleh *one stop center* tadi, PATI yang telah dihantar pulang tidak dibenarkan masuk semula dan mereka akan disenaraihitamkan. Itu bahagian pertama soalan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Kedua, adalah mengenai soalan terhadap kononnya ada terdapat 1.5 juta orang pekerja asing warganegara Bangladesh yang akan dibawa masuk ke Malaysia. Kerajaan ingin menegaskan bahawa angka ini bukanlah angka yang mutlak. Jumlah 1.5 juta orang pekerja asing yang sering diperkatakan ini adalah merujuk kepada jumlah warga Bangladesh yang mendaftar dengan pihak kerajaan mereka yang berhajat untuk bekerja ke luar negara, bukan ke Malaysia. Ke luar negara. Jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh adalah bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat. Tidak ada satu-satu syarikat yang dilantik untuk membawa mana-mana Bangladesh masuk. Melalui sistem atas talian atau *online system*, majikan memohon untuk mendapatkan pekerja berkenaan secara terus tanpa melalui agen atau tanpa melalui mana-mana syarikat sebagaimana yang disebutkan itu.

Di dalam perkara itu, kita melakukan pemantauan, termasuk melakukan penyemakan di pintu-pintu masuk melalui biometrik yang dipanggil sebagai sistem pangkalan data dan juga melalui Sistem Sekuriti Nasional atau NSS. Saya harap dengan penjelasan ini dapat mencerahkan persepsi yang negatif mengenai situasi ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang soalan tambahan saya ini adalah apabila dalam satu dokumentari tiga hari sudah dalam Al-Jazeera dikatakan bahawa memang ada berjuta-juta dianggarkan yang tidak *documented* adalah empat juta yang terpaksa melalui satu sistem-walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sistemnya memang bagus tetapi pelaksanaannya. Ini adalah macam perdagangan manusia juga. Apabila mereka dieksploitasi, pekerja-pekerja ini dan juga teraniaya. Dalam dokumentari ini juga ada dimuatkan mereka yang memberikan keterangan. Jadi, apakah langkah-langkah pihak kementerian dan pihak Menteri menangani masalah ini sebab ini adalah satu jenayah antarabangsa.

## ■1030

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Permatang Pauh. Apa yang dilaporkan oleh Al Jazeera bukan hanya sekadar tiga hari yang lalu. Ia bersiri. Bersiri dan meletakkan bahawa Malaysia ini seolah-olah berada di dalam satu keadaan '*khumbah*'— menerima pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Sebenarnya, di dalam *investigation* yang saya lakukan pada program dokumentari Al Jazeera, mereka telah melakukan rakaman itu enam bulan yang lalu. Dan sekarang ini apabila kita melakukan permohonan secara *online* atau atas talian, perkara ini tidak timbul lagi. Kita tahu Al Jazeera bukan hanya menyentuh mengenai perkara ini. Banyak perkara lain yang negatif tentang Malaysia ini disentuh oleh Al Jazeera. Itu sebab mereka ada masalah dengan negara-negara yang lain. Jadi dalam perkara itu, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat tetapi saya harap dengan penjelasan ini membetulkan persepsi yang berlaku di negara kita.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengemukakan soalan tambahan.

Soalan tambahan saya adalah Program E-Kad Pekerja Asing ini dilaksanakan agak baik. Memang cukup baik sebab ia adalah salah satu untuk kita mengesan dari segi kedudukan berapa ramai pekerja asing di negara kita ini. Akan tetapi dalam soal ini, dalam pelaksanaannya haruslah diperbaiki.

Saya dapati bahawa punca-punca kenapakah serba sedikit kegagalan ini adalah disebabkan beberapa faktor dan juga faktor yang boleh menjejaskan adalah dari segi sektor pembinaan ataupun sektor perladangan yang melibatkan pekerja asing yang ramai dan duduk dalam hutan. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, adakah pihak Imigresen boleh turun padang sendiri ke mana-mana kawasan untuk memastikan mereka ini mendaftar? Ini kerana saya menerima aduan bahawa mereka kata bukan mereka tidak mahu mendaftar tetapi oleh kerana Putrajaya ini agak jauh dan mereka tidak tahu bagaimana hendak ke Putrajaya itu. Sebab itu saya katakan tadi mereka ini kebanyakannya bekerja di dalam hutan.

Jadi minta penjelasan daripada pihak Menteri, adakah Imigresen itu sendiri pula turun padang? Asyik serbu-serbu tetapi kita turun padang pula supaya mereka dapat mendaftar. Saya ada dengar juga Imigresen secara bukan rasmi boleh turun padang yang dibawa oleh syarikat-syarikat. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Imigresen sentiasa turun padang. Bukan hanya ketika melakukan penguatkuasaan. Dalilnya, apabila kita ada masalah di Cameron Highlands, apa yang dilakukan ialah Strategi Lautan Biru Kebangsaan dilakukan oleh Jabatan Imigresen bersama dengan pihak polis, RELA dan juga Angkatan

Pertahanan Awam serta Angkatan Tentera Malaysia untuk mendaftarkan mereka dengan Jabatan Imigresen. Di dalam keadaan yang begini, ertinya kita turun ke bawah. Dan mereka juga, pekerja-pekerja asing ini juga boleh mendaftar di pejabat-pejabat Imigresen di peringkat daerah dan kami mempunyai sistem yang mengizinkan mereka itu untuk didaftar.

Akan tetapi kalau mereka mengatakan bahawa hanya turun bawah ketika melakukan penguatkuasaan, takkan pegawai Imigresen hendak masuk ke hutan untuk mencari mereka dan daftarkan? Munasabahlah sedikit. Majikan ini harus bertanggungjawab. Jadi saya harap Yang Berhormat Lipis menolong majikan yang degil itu supaya dapat mendaftar. Bawa mereka. Imigresen bersedia untuk membantu mereka.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan E-Kad ini. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan khususnya Imigresen terhadap majikan-majikan yang gagal untuk mendaftar? Dan setakat ini, berapa majikan yang telah diambil tindakan?

Ini kerana kalau ikut laporan media baru-baru ini, iaitu kenyataan pemangku Pengerusi FGV, Tan Sri Dr. Sulaiman menyatakan bahawa FELDA rugi RM2 juta sehari kerana operasi E-Kad yang dibuat oleh Imigresen. Jadi sudah tentu ada majikan-majikan yang *supply* pekerja kepada FELDA dan sebagainya tidak mendapat pekerja yang menyelesaikan masalah E-Kad ini. Jadi apa tindakan kepada majikan-majikan ini?

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, apa langkah kerajaan terhadap mengawal keadaan yang berlaku sekarang ini ekoran daripada Ops E-Kad ini, iaitu dalam laporan media baru-baru ini, ada sekumpulan pekerja Indonesia yang lari ke hutan, lari sembunyi ke hutan kerana Ops E-Kad ini. Jadi saya bimbang takut nanti akan timbul masalah yang lain seperti mana kes kematian pekerja Rohingya di Perlis satu ketika dahulu akan berlaku lagi. Jadi apa langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan khususnya kepada majikan yang gagal mendaftar pekerja-pekerja sehingga pekerja itu terpaksa lari ke hutan dan menimbulkan masalah kepada kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Selamat hari raya, maaf zahir batin. Kerana beliau telah memohon maaf lebih awal dengan saya.

Saya amat bersetuju dengan keprihatinan Yang Berhormat. Ingin dimaklumkan bahawa tindakan yang dilakukan terhadap majikan ialah tindakan untuk membawa mereka ke mahkamah dan kita melakukan pertuduhan. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, Ops ataupun— operasi yang dilakukan bukan operasi E-Kad tapi Ops Mega. Bermula 1 Julai yang lalu dan berakhir pada 24 Julai di mana setakat ini sebanyak 1,066 buah premis telah diperiksa, 14,585 orang juga telah diperiksa dan seramai 4,576 orang PATI telah ditahan. Saya ingin memaklumkan bahawa majikan-majikan ini telah ramai yang ditahan dan pertuduhan telah dikenakan kepada mereka.

Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi, kita cukup prihatin terhadap pemerdagangan manusia. Di dalam hal ini, kita tidak akan pernah berkompromi untuk melakukan tindakan-tindakan yang lebih tegas di dalam menangani permasalahan itu. Di samping itu, kita juga mengambil tindakan-tindakan selanjutnya bagi menentukan bahawa hanya mereka yang berdokumen dan bermajikan sahaja yang dibenarkan untuk bekerja di Malaysia.

**3. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) impak berganda nilai ringgit yang mengukuh; dan
- (b) impak berganda harga minyak mentah yang menurun ke atas ekonomi modal dan ekonomi rakyat.

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.6 peratus sehingga 21 Julai 2017 berbanding dengan Dolar Amerika pada tahun 2017. Ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti peningkatan harga minyak mentah dunia Brent dalam tempoh enam bulan pertama 2017 serta kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan bermastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

Seperti mana-mana pergerakan kadar pertukaran, ia akan memberi keuntungan dan kerugian kepada sektor tertentu. Nilai ringgit yang lebih kukuh akan mengurangkan kos untuk perniagaan yang mempunyai kandungan import yang tinggi. Ia juga akan mengurangkan harga barang-barang import dan seterusnya menggalakkan perbelanjaan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan nilai mata wang ringgit sejak awal tahun ini disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi semakin menggalakkan juga dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Selain daripada itu, langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung tahun 2016 dan April 2017 oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia juga telah menyumbang kepada kestabilan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

#### ■1040

Kesan langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan penghujung tahun 2016 dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan, *non-deliverable*

*forward* (NDF) dalam pasaran luar pesisir telah berkurangan. Monitoriti nilai ringgit juga telah berkurang dengan ketara.

Tuan Yang di-Pertua, harga minyak mentah dunia Brent meningkat kepada USD52.20 setong dalam tempoh enam bulan pertama 2017, dibandingkan dengan USD40.16 setong bagi tempoh yang sama pada tahun 2016 dan USD44.00 setong pada keseluruhan tahun 2016. Peningkatan ini disumbangkan oleh usaha-usaha pengeluar utama minyak mentah dunia yang mengehendkan pengeluaran untuk mengelakkan harga untuk terus turun serta disokong oleh pemulihan dalam permintaan global.

Meskipun harga Brent menjunam kepada USD48.40 setong pada Januari 2015 dan berterusan rendah sehingga akhir 2016, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5 peratus pada tahun 2015 dan 4.2 peratus pada tahun 2016. Pertumbuhan ini disokong oleh struktur ekonomi yang berbagai di mana sektor perkhidmatan menyumbang kepada 54.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar diikuti sektor pembuatan sebanyak 23 peratus dan sebaliknya sektor perlombongan hanya menyumbang sebanyak 9 peratus. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang cukup berimbang sekali. Saya sangat bersetuju bahawa sebenarnya kedua-dua fenomena yang berlaku ini impaknya adalah berbeza kepada kumpulan yang berlainan. Bagaimanapun, kumpulan berkenaan seharusnya menghargai bahawa sekiranya impak sama ada rugi ataupun untung ataupun impak positif atau negatif boleh berlaku pada suatu masa.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, pertama tentang ringgit. Jadi berdasarkan fundamental kita yang tertinggi, apakah sebenarnya nilai ataupun tahap ringgit kita berbanding dengan USD1? Jadi kita hendak lihat bahawa kalau sekiranya ada aliran-aliran ataupun pergerakan yang cukup ketara, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan melalui Bank Negara ataupun sama ada telah menyediakan dana bagi memastikan kita dapat mempertahankan pergerakan tersebut supaya kita tidak terdedah kepada spekulator-spekulator yang tidak bertanggungjawab.

Seterusnya berdasarkan kepada harga minyak mentah kita pada ketika ini, apakah unjuran sumbangan mereka kepada hasil negara kita berbanding dengan 2010? Saya hendak tanya juga kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah lain untuk mempertingkatkan lagi, mempelbagaikan lagi *base* hasil kita supaya kita tidak bergantung sahaja kepada hasil minyak. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi unjuran *currency* kita ini, sebenarnya kita tidak boleh menetapkan unjuran ini sekiranya kita masih dan kita praktikkan polisi *flexible exchange rate regimes*. Kita tidak buat *pegging on our currency*. *Therefore* kita tidak boleh *predict in specific*

sama ada *currency* kita ini, “*what is the fair value?*”. *The fair value of our currency is depend on kita punya fundamental economy.*

Saya bagi contoh pada *first quarter* Januari tahun ini, kalau kita tengok kita punya *exchange rate*, kalau boleh saya bacakan dekat sini, pada Januari kita punya *exchange rate* di antara ringgit dengan US Dolar RM4.42, setiap US Dolar kita punya ringgit RM4.42. Pada ketika itu kalau Yang Berhormat lihat, kita punya *outflow on money* yang telah *direddeem* oleh pelabur-pelabur dalam bon dan *capital market* kita adalah sebanyak hampir mencecah RM32 bilion *outflow*. Kemudian dalam masa *second quarter*, kita dapat *inflow money* datang daripada pelabur-pelabur ini, datang semula bila dia tengok kedudukan global ekonomi dan kita merupakan salah satu daripada *beneficiary country* yang dapat kesan daripada pemulihan ekonomi ini, maka *inflow fund* itu masuk balik. Bila dia masuk balik waktu *second quarter* RM22 bilion, maka *currency* kita daripada RM4.48 sudah turun jadi RM4.29. Jadi kedudukan *currency* ini bergantung kepada kedudukan ekonomi kita, *confidence* daripada pelabur-pelabur dan juga aktiviti ekonomi kita.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai apakah kesan pendapatan kerajaan dari segi kejatuhan harga minyak, memang kita mempunyai kesan. Kalau kita lihat dahulu waktu kita *on price trading at USD100 per barrel*, kerajaan dapat hampir lebih kurang RM66 bilion setahun. Akan tetapi bila harga minyak jatuh kepada USD30 dan *average* kita lebih kurang USD44, kita cuma ada *income* lebih kurang RM30 bilion – RM31 bilion. Bermakna kita telah kehilangan lebih kurang RM36 bilion.

Sekarang ini pada *first quarter or second quarter of this year*, kita punya *average* daripada USD44 telah meningkat kepada USD51. Ini bermakna USD44 ke USD51 *on average*, *every dollar* kerajaan akan dapat lebih kurang dalam RM300 *million additional income*. Jadi, jauh lagi kalau dibandingkan pada tahun 2014 di mana harga minyak mencecah sehingga USD100. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, dalam pasaran mata wang, nilai mata wang ringgit boleh dinyatakan satu mata wang yang terteruk di dalam rantau ini. Saya boleh bagi contoh, nilai wang ringgit RM1 pada masa itu boleh tukar THB10, pada hari ini hanya tukar RM1 dengan THB7 sahaja. Ini bermakna turun 30 peratus dan renminbi, RM10 boleh tukar RMB20, sekarang RM10 hanya RMB16 sahaja. Ini saya ingin tanya Yang Berhormat, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengukuhkan mata wang Ringgit Malaysia ini? Soalan yang kedua, berapakah jangkaan penjimatan ringgit oleh para pengguna negara ini berikutan langkah menetapkan harga minyak mingguan ini? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Dia kalau kita tengok dari segi ekonomi kita ini, kita kalau banding dengan Thailand, dengan China, kita

agak berbeza kerana dalam *this region* kita merupakan *next exporter of commodity* iaitu dari segi kita punya gas dan minyak kita *next exporter*. Hampir 20 peratus daripada kita punya eksport datang daripada eksport komoditi minyak dan juga gas.

Oleh kerana sebab itu, apabila harga komoditi ini jatuh, maka kita adalah *country* yang paling terkesan sekali. Kalau kita tengok di Thailand, kalau harga minyak jatuh *it is good for them. Why? It is because* dia membeli minyak dengan begitu murah. Kita pula, kita jual kita punya minyak. Dahulu kita biasa jual USD100 setong, sekarang kita jual lebih *kurang on average about* USD51, maka kita kurang kita punya. Jadi impak kesan ini di *factor in* dalam kita punya *currency*. Kalau kita tengok dari segi *why other region* dalam kawasan kita ini *currency* dia agak kuat sedikit kalau dibanding dengan kita, fasal kita *20 percent our export based on commodity*. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kerajaan telah mengusahakan berbagai-bagai cara. Kalau dahulu kalau tahun 2009 kita bergantung kepada hasil minyak ini hampir 41 peratus daripada kita punya pendapatan, tetapi hari ini hasil minyak ini hanya lebih kurang dalam 13 peratus atau 14 peratus daripada kita punya pendapatan. *That is how slowly* kita *diversify* kita punya ekonomi.

Kedua, kita juga berdagang bukan kepada *single market*. Bermakna kalau dahulu kita banyak berdagang dengan mungkin satu negara sahaja, tetapi hari ini kita berdagang dengan semua negara. Contoh daripada *total trade* kita RM1.5 trilion, kita berdagang dengan China – 16 peratus, dengan Amerika – 9 peratus, kemudian dengan *European companies* yang 27 *plus* UK 28 – 10 peratus, Japan – 8 peratus.

#### ■1050

Kemudian dengan negara-negara ASEAN yang kita berdagang ini, ada 10 negara ASEAN, hampir 27 peratus kita berdagang. Kita ada Korea, Taiwan dan juga Hong Kong, lebih kurang dalam 10, 11 peratus. Kemudian India 3.5 peratus. Dengan *diversification* ini, *over the long term*, maka kita akan memastikan bahawa *currency* kita ini tidak terjejas begitu teruk oleh kerana kejatuhan minyak ataupun naiknya minyak. Yang itu yang kita hendak kena buat *diversification*. Untuk buat *diversification* ini, *it takes time for us to make sure* kita *structure* kita punya ekonomi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Tuan Ramkarpal Singh A/I Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kes-kes buli (*bullying*) yang direkodkan di sekolah-sekolah dari tahun 2000 hingga sekarang dan sama ada kes-kes tersebut telah pun mengakibatkan kematian ataupun kecederaan yang serius

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat 25 pertanyaan yang berhubung kait dengan gejala buli di sekolah termasuk 12 pertanyaan pada minggu pertama. Sehubungan dengan itu izinkan saya

menjawab pertanyaan ini bagi minggu pertama iaitu sebanyak 12 pertanyaan secara serentak kerana mempunyai hubung kait di antara satu sama lain iaitu pada hari ini Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Pada 25 Julai Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Batu Kawan. 26 Julai, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Tanjong Manis, Yang Berhormat Kinabatangan dan pada 27 Julai Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peratusan murid terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam sistem sahsiah diri murid bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah terkawal dengan trend yang menurun iaitu 0.08 peratus kepada 0.06 peratus. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut. Bagi negeri Sabah, hanya 0.019 peratus murid terlibat dalam tahun 2016 dan 0.003 peratus pada pertengahan tahun 2017.

Berdasarkan rekod sistem pengurusan isu disiplin dan pendidikan, tiada kes yang melibatkan kematian akibat perbuatan buli dalam kawasan sekolah dalam tempoh tahun 2012 hingga sekarang. Walaupun kes buli di sekolah secara relatifnya sangat kecil, namun Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah memandang ringan. Saya ingin tegaskan bahawa kes-kes yang terlibat telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah, mahupun peringkat mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak dahulu, KPM serius menangani buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, ko-kurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi Pembimbing Rakan Sebaya melalui Kelab Pakaian Beruniform dan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah. Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang.



Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PBT, PIBG, polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah. KPM juga menyediakan prosedur dalam usaha pemulihan kepada murid yang menjadi mangsa buli. Peranan utama dimainkan oleh kaunselor sekolah dengan kerjasama ibu bapa murid yang terlibat. Jika kes melibatkan masalah rumah tangga, kes akan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Setakat ini semua murid yang terlibat dalam gejala buli berjaya dibantu dan meneruskan pembelajaran dan mengelakkan trauma yang berpanjangan. KPM telah menjalankan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberi latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu disiplin murid termasuk buli melibatkan banyak faktor termasuk di luar sekolah.

Oleh itu, mekanisme permuafakatan telah digunakan untuk melahirkan murid bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga mempunyai sahsiah terpuji. Peranan ibu bapa di peringkat sekolah dipertingkatkan melalui program penglibatan ibu bapa dan komuniti di peringkat sekolah. JPN dan PBT juga telah diarahkan menubuhkan jawatankuasa *task force* penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta di semua peringkat. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh AI Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tujuan soalan saya ini adalah jelas oleh kerana baru-baru ini seperti yang Yang Berhormat Menteri tahu dan semua Dewan yang mulia ini tahu, terdapat beberapa buli *high profile* yang telah pun melanda negara seperti kes T. Nhaveen di mana beliau telah pun dikatakan dibuli sehingga beliau telah pun meninggal dunia pada 10 Jun 2017 ataupun 9 Jun 2017 di mana insiden itu berlaku juga terdapat insiden-insiden lain seperti kes Zulfarhan daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada bulan Jun juga tahun ini. Juga kes Muhammad Alif Shukran, seorang pelajar, hanya berumur 8 tahun di mana beliau telah pun juga di subjek kepada gejala buli di sekolahnya.

So, semua perkara ataupun insiden ini adalah satu—telah pun membangkitkan isu keselamatan murid-murid bukan sahaja di bangku sekolah tetapi selepas mereka habiskan pengajian mereka di sekolah seperti dalam kes Nhaveen di mana saya difahamkan, *perpetrator* ataupun orang-orang yang buli tersebut termasuk murid-murid sekolahnya dahulu. Jadi *obviously* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the bullying started in school which extended to after school*. Jadi persoalan yang saya ingin tambah di sini Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada pihak Yang Berhormat Menteri adalah sama ada pihak Kementerian ada mempunyai apa-apa cadangan ataupun mempunyai apa-apa langkah yang ingin diambil selepas kes-kes

*high profile* ini untuk memberi *empowerment* ataupun penguasaan yang lebih kepada pihak penguasa sekolah seperti *disciplinarian* dan sebagainya untuk mengelakkan ataupun memberi *education*, mendidik murid-murid yang mempunyai tabiat *bullying* ini supaya trend ini tidak akan berterusan dan kami tidak akan mempunyai kes-kes baru seperti kes Nhaveen juga kes Zulfarhan pada masa depan yang terdekat. Itu saja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang telah dinyatakan tadi, nyata bukanlah berlaku di sekolah kita, sekolah KPM. Kematian yang berlaku itu berada di kes kolej dan universiti. Saya setuju bahawa kes buli kadang-kadang dia bukannya berlaku di universiti tetapi bermula dari sekolah. Akan tetapi apabila kita menyiasat semula kes Nhaveen, didapati dalam rekod sekolah, tidak pernah dilaporkan apa-apa kes buli terhadap beliau.

■1100

Jadi itulah bila kita menyiasat semula mungkin itu merupakan kes yang berlaku di luar sekolah ataupun hubungan antara beliau dengan pihak pembuli. Walau bagaimanapun bila kes itu termasuk dalam kes kategori jenayah, kes-kes ini dirujuk kepada PDRM dan kita sentiasa bekerjasama dengan pihak PDRM untuk menyiasat dan memberitahu kita keputusan siasatan dan selepas itu kita akan mengambil tindakan dari peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apakah tindakan pihak sekolah, sebelum dan selepas kes-kes yang dikatakan *high profile* ini berlaku memang KPM memandang serius terhadap kes-kes buli di sekolah. Walaupun kes-kes yang telah saya tunjukkan tadi bahawa jumlahnya tidak begitu banyak, tetapi kita memandang serius. Ini kerana, dengan adanya sosial media ini kita nampak dengan sendiri bagaimana perbuatan buli itu berlaku. Maka ia memberikan impak yang besar kepada sosial dan anak-anak kita di sekolah. Tindakan-tindakan yang telah kita ambil itu semuanya mengikut SOP yang telah kita berikan, pekeliling yang telah kita turunkan kepada pihak sekolah dan pihak sekolah mempunyai panduan yang jelas untuk mengambil tindakan yang sepatutnya mengikut keseriusan kes-kes buli tersebut daripada diberikan amaran keras, memanggil ibu bapa datang ke sekolah untuk berbincang, merotan sehingga membuang sekolah.

Akan tetapi apa yang lebih penting ialah kaunseling yang kita berikan kepada mangsa buli dan pembuli. Sebab di peringkat sekolah, tujuan dan tanggungjawab kita ialah mendidik anak-anak kita. Jadi tindakan tersebut hanyalah tindakan yang terakhir dan apa yang kita pentingkan kaunseling dan pendidikan untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap risiko kes buli di sekolah. Sekian, Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas menjawab soalan tadi. Saya amat setuju sekali bahawa isu ini bukanlah mudah dan kita tidak mahu anak-anak kita ini terus

sahaja dikenakan tindakan tanpa memahami psikologi dan latar belakang kepada permasalahan ini. Saya ingin bangkitkan walaupun ini bukan di bawah bidang Kementerian Pendidikan kerana hanya meliputi sekolah tetapi tentang kes berprofil tinggi di UPNM. Beberapa daripada mereka yang didakwa itu telah diketemui oleh warden di Penjara Sungai Buloh dan didapati mereka tidak mempunyai kekesalan langsung di atas tindakan yang mengakibatkan kematian Allahyarham Kadet Zulfarhan. Maka, saya ingin menanyakan adakah kementerian mengambil kira, bila masa kita bercakap kebertanggungjawaban, bercakap tentang isu kesedaran, kemungkinan untuk menutup beberapa sekolah termasuk UPNM contohnya. Sehingga seluruh sekolah menyedari bahawa bila masa berlaku pemangsaan sedemikian tanggungjawabnya bukan hanya berpusat kepada pelajar-pelajar tersebut. *But it is a holistic responsibility* dengan izin.

Maka tindakan drastik sebegini pernah dilakukan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim di Sekolah Menengah Teknik contohnya, semasa dua bulan untuk memberi sedikit kesedaran bahawa para guru, semua ibu bapa secara bersama cuba mencari penyelesaian. Saya mohon maklum balas, kerana sebagai seorang ibu saya pasti, bila kita ada anak-anak kita yang bersekolah di setiap peringkat sekalipun kita mahu dalam suasana yang selamat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya setuju dengan Yang Berhormat, bahawa isu buli ini ataupun isu disiplin yang melibatkan buli bukan ialah satu isu yang boleh kita lihat secara *silo*. Ia merupakan satu isu holistik yang melibatkan latar belakang budak yang dibuli atau yang membuli. Jadi untuk menyelesaikan masalah ini, kementerian telah menyeru, bantuan dan sokongan semua pihak termasuk penglibatan ibu bapa, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini kerana bila kita menyiasat kes-kes yang berlaku ini, kadang-kadang kita mendapati bahawa latar belakang keluarga sosioekonomi, status sosioekonomi itu memainkan peranan yang penting. Jadi tidak boleh diselesaikan hanya melihat secara *case by case* yang berlaku di sekolah.

Maka, kita selalu mengadakan Jawatankuasa Permuafakatan yang melibatkan ibu bapa, PDRM, PIBG supaya kita tahu bahawa penyelesaiannya bukan hanya di peringkat sekolah atau di kawasan sekolah tetapi kepada peringkat keluarga. Mengenai tindakan drastik untuk menutup sekolah atau memberhentikan pengoperasian sekolah itu tidak ada dalam cadangan pihak kementerian pada takat ini. Berkenaan kes-kes yang berlaku di universiti itu saya tidak boleh menjawab bagi pihak yang lain. Sekian terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Soalan tambahan saya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Sebenarnya, KPM ada melaksanakan program Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) tidak hanya keluarga tetapi komuniti. Saya ingat untuk kita menyelesaikan masalah secara holistik, selain daripada kita menangani isu-isu

yang ekstrem tadi macam UPNM, adalah lebih baik kita melihat kepada proses pembesaran anak-anak di sekolah. Jadi PIBK adalah satu pendekatan yang amat baik di samping PIBG. Saya dapat lihat peningkatan pelajaran anak-anak di bawah program ini amat baik. Saya rasa ianya perlu diperkasakan lagi pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya lihat penglibatan komuniti secara holistik lebih membantu keluarga-keluarga bermasalah dan akhir kata pandangan saya ini tidak terletak bahu guru-guru sahaja. Ibu bapa mesti ambil tanggungjawab pada peringkat rumah, peringkat asal. Jadi PIBK ini mesti diperkasakan dan mesti ada peruntukkan khusus untuk PIBK. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih soalan tambahan ataupun pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Tinggi yang mana kita melibatkan keluarga, ibu bapa dan komuniti. Oleh itu kita juga mengadakan konsep Sekolah Penyayang di mana kita mahu guru-guru kita bukan hanya mengajar di sekolah, tetapi juga menjadi rakan sebaya yang boleh membimbing anak-anak kita. Jadi antara konsep Sekolah Penyayang ialah guru akan juga menyambut anak-anak kita di luar sekolah semasa mereka datang ke sekolah. Kita mahu persahabatan itu terjalin di antara guru dan murid supaya apa-apa kes yang berlaku dapat dilaporkan kepada guru dengan secepat mungkin. Kita juga ada peti aduan yang dilancarkan pada awal tahun ini dan juga mendapat respons yang bagus sebab kita mempunyai saluran yang terbaru untuk murid-murid melaporkan kes-kes mereka. Jadi sekali lagi terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat, datanglah bersama untuk kita menyelesaikan isi ini secara holistik. Sekian, terima kasih.

**5. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah bantuan yang telah diberi oleh kerajaan kepada Proton sejak ia ditubuhkan dan adakah kerajaan yakin rakan kongsi Proton yang baru ini dapat membawa Proton ke satu tahap yang lebih maju dan menaikkan nama negara.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada Rompin bersama dengan tujuh soalan lain berkaitan dengan kerjasama strategik antara Proton dan Geely dan isu-isu yang berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** Soalan tersebut selain daripada Yang Berhormat Rompin adalah daripada Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang

Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Saratok, Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama strategik di antara Proton dan Geely, salah sebuah syarikat automatif China yang terbesar diumumkan pada 26 Jun yang lalu. Kerjasama strategik ini memberi impak yang positif kepada industri automatif negara. Selain daripada membuktikan keyakinan pelaburan asing terhadap Malaysia, ia juga diterima baik oleh warga Proton. Moral warga Proton semakin mantap kerana masa depan mereka lebih terjamin. Vendor Proton juga menyambut baik kerjasama ini kerana menjanjikan peluang yang lebih besar kepada mereka.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1983, Proton Tuan Yang di-Pertua telah banyak menyumbang kepada pembangunan industri automotif negara. Sepanjang 34 tahun, Proton telah melalui pertukaran hak milik yang melibatkan pada awalnya 70 peratus kepentingan kerajaan sehinggalah pada tahun 2012 apabila Proton menjadi sebuah entiti swasta yang dimiliki seratus peratus oleh kumpulan DRB HICOM. Pada tahun 1984 sehingga sekarang kerajaan telah menyalurkan pelbagai bantuan kewangan yang merangkumi pinjaman mudah ataupun *soft loan* dan geran, berjumlah 15.3 bilion ringgit. Pecahan adalah seperti berikut Geran Pelancaran pada tahun 1984 sebanyak RM500 juta, yang kedua Dana Pembangunan Automotif RM110 juta, yang ketiga Geran *Fleet Test Vehicle* dengan izin, RM100 juta. Geran antara tahun 2006 sehingga tahun 2010 sebanyak RM494 juta. Pinjaman mudah RM1.5 bilion pada tahun 2016, yang menjadikan kesemuanya RM2.7 bilion dan selebihnya RM12.6 bilion adalah dalam bentuk dengan izin *revenue foregone*.

#### ■1110

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 34 tahun Proton telah membayar cukai sebanyak RM24 bilion. Sebahagian besar adalah duti eksais dan cukai jualan. Proton merupakan sebuah syarikat yang penting dalam ekosistem industri automotif negara. Proton kini menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 10,000 rakyat tempatan yang bekerja secara langsung dengan syarikat tersebut dan sebanyak 50,000 lagi terlibat dalam, dengan izin *supply chain* Proton.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab kenapa Geely dipilih dan bukannya pembida ataupun syarikat-syarikat lain. Selain daripada Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Saratok turut mengutarakan pertanyaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab kenapa Geely dipilih, yang pertama ia membolehkan perkongsian modal dan platform, *shared platform* daripada Geely, kedua-dua pihak akan berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Kedua, ia dapat membantu Proton menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi ataupun *economies of scale* dengan izin. Ketiga, berpeluang untuk memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada

Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan Proton mempertingkatkan jualan kepada kereta 500,000 unit setahun, *insya-Allah* dalam tempoh 10 tahun. Keempat, menjadikan Proton sebagai pusat pembuatan model-model Geely bagi pemanduan sebelah kanan.

Manfaat perkongsian strategi ini tidak akan terhad kepada warga Proton sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif sebagai contoh, vendor tempatan akan berpeluang untuk mendapat kerjasama teknikal bagi meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam *supply chain* Geely dan pasaran eksport serantau. Di samping itu, Geely juga merupakan salah satu pengeluar kereta terkemuka di China. Syarikat tersebut mempunyai rekod jualan sebanyak 1.2 juta unit setahun dan mengeksport kepada 23 buah negara tahun lepas. Geely turut mempunyai rekod cemerlang dalam memulihkan Volvo umpamanya yang dimiliki oleh Geely pada tahun 2020 dan tahun lepas Volvo sebanyak 535,000 unit Volvo telah dijual.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dungun dan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu berhubung vendor dan pekerja tempatan dengan ekspresi dan pelan perniagaan 10 tahun yang akan dimuktamadkan, Proton dan Geely yakin Proton akan menjadi lebih kompetitif dan seterusnya akan meningkatkan prestasi keseluruhan. Bilangan pekerja akan bertambah di masa akan datang. Pembekal-pembekal tempatan juga berpeluang untuk meningkatkan daya saing dan mengembangkan perniagaan melalui global *shared purchases system* dengan izin yang melibatkan Geely, Volvo dan London Taxi.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, berkaitan suntikan tunai yang diterima Proton hasil penjualan ekuiti Proton dan Lotus kepada Geely, saya ingin menekankan bahawa suntikan yang diterima oleh Proton adalah dalam bentuk tunai berjumlah RM170 juta dan pemberian model *Boyer* yang dinilai sebanyak RM290 juta serta wang tunai daripada penjualan Lotus berjumlah RM280 juta menjadikan semuanya RM740 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan sama ada Proton masih diberikan pengecualian dan keistimewaan seperti yang diutarakan Yang Berhormat Kota Melaka. Pada masa ini Proton tidak mempunyai sebarang keistimewaan. Jenis-jenis insentif yang diterima oleh syarikat lain juga dinikmati oleh Proton seperti pengurangan ataupun pengecualian duti import dan duti eksais, *investment tax allowance* dengan izin, *money status* berdasarkan aktiviti nilai tambah yang dijalankan oleh syarikat-syarikat automotif seperti digariskan oleh Dasar Automotif Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya warga Proton, DRB-Hicom sebagai pemilik Proton, Kerajaan Malaysia dan malah rakyat Malaysia secara umumnya menerima baik kerjasama strategik ini. Ia mampu memulihkan syarikat Proton yang menghadapi beberapa masalah *structural* untuk menjadi sebuah syarikat yang menguasai bahagian yang lebih besar dalam

pasaran tempatan serta mampu menembusi pasaran eksport luar negara. Ini seterusnya sudah pasti akan memberikan faedah kepada negara kita Malaysia. Ia masih lagi merupakan sebuah syarikat nasional, Proton tidak menggadaikan maruah negara kita. Ia sudah pasti tidak mengakibatkan kita hilang kemerdekaan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harap isu Proton ini akan, dengan izin kita *move on*, kita lihat kepada masa depannya dan masa depan Proton kerajaan yakin adalah lebih cerah daripada kedudukan sebelum 23 Jun apabila perjanjian strategik antara Proton dan Geely ditandatangani. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Kalau kita melihat untuk 10, 20 tahun kebelakangan ini, sebagai perbandingan di antara Thailand dengan Malaysia. Malaysia menekankan *brand* untuk *develop* industri kereta. Tetapi di Thailand ia menekankan kepada *car industry*, tidak menekankan kepada *brand*— satu-satu *brand*. Ternyata bahawa pendekatan yang dilakukan oleh Thailand lebih berjaya dan pendekatan yang dilakukan oleh Malaysia hanya menumpukan satu *brand* yang mempunyai kapasiti market yang terlalu kecil dalam negara kita ternyata menimbulkan banyak masalah. Adakah kerajaan akan memutar dasar bukan mengutamakan *brand* tetapi mengutamakan industri kereta itu sendiri, harus *develop* dalam negara kita ini yang memberi kesan yang lebih besar seperti yang dilakukan oleh negara Thailand. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya adalah benar bahawa industri automotif negara Thailand lebih berjaya daripada Malaysia, buktinya kita mulakan industri automotif lebih awal daripada negara Thailand. Thailand lebih lewat daripada kita dan buktinya ialah bilangan pengeluaran di Thailand telah melebihi dua juta dan lebih besar *market* negara Thailand kira-kira satu juta sahaja, lebih satu juta apabila dalam tahun-tahun yang baik lebih satu juta dieksport. Maksudnya jumlah eksport kereta Thailand melebihi jumlah pengeluaran untuk kegunaan tempatan. Ini antara dalil-dalil kejayaan industri di Thailand.

Keduanya, industri komponen. Industri kereta dua komponen yang pertama ialah CBU, eksport kereta-kereta yang sudah siap. Kedua ialah industri komponen. Ia juga lebih besar di Thailand. Antara sebab kenapa Thailand lebih berjaya ialah Thailand telah membuat keputusan untuk mengambil pendekatan yang terbuka— ia terbuka seratus peratus kepada pemilikan asing. Malaysia memilih umpamanya untuk memastikan bahawa sebahagian daripada industri automotif dimiliki oleh tempatan, Proton umpamanya bermula dengan 70 peratus milik Kerajaan Malaysia.

Jadi dasar kepada pandangan kita, pada pandangan saya dasar keterbukaan ini telah membolehkan negara Thailand lebih berjaya daripada Malaysia. Betul Thailand tidak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin, tidak menekankan mana-mana *brand*, kita menumpukan kepada *brand* ataupun jenama Proton dipromosikan satu masa *market share*

Proton melebihi 50 peratus pada banyak tahun Proton mendominasi pegangan pasaran pada tahun lepas cuma sekitar 14 peratus sahaja. Jadi betul adalah benar bahawa strategi kita ialah untuk mempromosikan *brand* sebagai *national car* dan ini masih lagi menjadi *main* strategi kita tetapi *insya-Allah* dengan kerjasama strategik antara Proton dan Geely, sebuah syarikat ternama China diketuai oleh *Chairman* Lee seorang antara orang yang kaya di negara China mempunyai *net worth* lebih USD7 bilion. Berjaya memulihkan Volvo, London Taxi umpamanya diambil alih dan diberi jaminan akan ditukar menjadi seratus peratus kereta elektrik menjelang tahun 2020. Jadi *track record* Geely adalah begitu baik maka kerajaan sama-sama yakin dengan Proton bahawa masa depannya lebih cerah daripada tiga, empat tahun kebelakangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita memastikan pembekal kilang tempatan ini di mana selepas Proton diambil alih bekerjasama dengan Geely dengan China, bagaimana memastikan Proton tidak *direct* untuk mengimport— membeli alat pembakar kereta ini dari China kerana peralatan dari China ini dari segi kosnya, *price*-nya lebih kompetitif lebih murah daripada di Malaysia. So, bagi memastikan kilang tempatan ini dilindungi juga memastikan kilang tempatan pembekal tempatan ini dapat menjalankan *business* biasa. Terima kasih.

■1120

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih PJS. Pada masa ini Proton mempunyai kira-kira 240 vendor yang membekalkan komponen-komponen kepada Proton yang merupakan satu komponen yang penting dalam ekosistem Proton, malah masalah-masalah yang dihadapi oleh Proton sebelum ini sehingga kerajaan menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM1.5 bilion adalah berkaitan dengan hutang-hutang yang tidak dapat dibayar oleh Proton kepada pembekal-pembekalnya. Maka itu vendor merupakan satu komponen yang terpenting dalam membuat mana-mana kereta di mana-mana dunia.

Dalam pada itu vendor hendaklah memastikan bahawa komponen dikeluarkan itu mempunyai standard-standard tertentu dari segi keselamatan, dari segi kualiti. Itu sebabnya mana-mana syarikat kereta pun mereka akan membuat penilaian dari semasa ke semasa tentang kemampuan sebuah syarikat vendor. Dalam kes Proton ini, kita sudah pasti kerajaan di bawah Dasar Automatif Nasional negara, polisi ingin melihat penglibatan yang bermakna dari syarikat-syarikat tempatan, ia tidak boleh bagi jaminan bahawa kesemua barang akan dibeli tempatan. Sekarang pun sebahagian daripada komponen dibeli daripada luar kerana itu *nature of business*, *global sourcing* adalah satu perkara yang penting dan sekarang pun Proton pun ada membeli komponen— sekarang pun, sebelum ada *strategic partnership* sudah membeli barang-barang daripada luar negara. Jadi tertakluk kepada kualiti dan harga, ini dua perkara.



Maka kita yakin bahawa vendor-vendor tempatan akan terus mendapat perniagaan ataupun *business* daripada Proton. Ini bukan perkara yang luar biasa, ini ialah amalan setiap syarikat. Apa pun selari dengan dasar automatif negara, kerajaan akan memastikan bahawa kita ada program *capacity building* atau membina upaya. Inilah antara janji-janji yang dibuat oleh syarikat. Jadi kepada Proton iaitu untuk mengadakan program bina upaya memastikan bahawa kemampuan, keupayaan vendor-vendor tempatan ini dapat dipertingkatkan, bukan sahaja untuk membekalkan Proton tetapi kereta seperti Boyue iaitu jenama yang paling popular, SUV Geely di negara China membekalkan juga Volvo yang dimiliki oleh Geely.

Jadi vendor-vendor Malaysia yang berkualiti, komponen yang berkualiti dengan harga yang boleh setanding negara asing bukan sahaja dapat membekalkan kereta Proton tetapi masa depan jika mereka ada kemampuan boleh mengeksport komponen tersebut kepada kereta-kereta Volvo Geely dan malah syarikat-syarikat pengeluar kereta yang terkemuka di seluruh dunia.

**6. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah dasar liberalisasi tarif insurans motor yang baru berkuat kuasa itu dapat melindungi hak pengguna sedangkan harga premium kini ditentukan oleh penanggung insurans secara bebas tanpa terikat lagi kepada tarif yang ditentukan oleh Bank Negara.

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Langkawi memandangkan ia menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, liberalisasi insurans kenderaan motor adalah lanjutan daripada rangka kerja motor baharu yang dilaksanakan bermula pada Januari 2012 yang mana di bawah rangka kerja ini penyelarasan premium insurans kenderaan motor telah pun dilakukan secara berperingkat pada jumlah yang kecil sehingga tahun 2015. Di samping penyelarasan premium, inisiatif-inisiatif yang membendung pembayaran pampasan yang didorong oleh penipuan tuntutan dan juga penambahbaikan infrastruktur bagi manfaat pengguna juga telah diperkenalkan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan dan kehakiman. Ini termasuklah penubuhan pusat panggilan setempat untuk menyediakan bantuan segera.

Oleh itu polisi liberalisasi adalah bertujuan untuk memastikan pengguna mendapat akses kepada pelbagai jenis perlindungan motor secara adil berdasarkan profil risiko masing-masing secara mampan. Justeru itu, fasa pertama liberalisasi ini telah diperkenalkan pada

Julai 2016 di bawah fasa permulaan ini, industri insurans dan takaful dibenarkan untuk menawarkan produk motor baharu yang tidak diperuntukkan di bawah tarif yang sedia ada pada harga yang ditentukan oleh pasaran dan tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaan liberalisasi secara teratur dan beransur-ansur, produk motor sedia ada terus ditawarkan oleh penanggung insurans bersekali dengan pengendali takaful bagi kemudahan pengguna yang sudah biasa membeli produk-produk berkenaan.

Di bawah fasa kedua yang baru bermula sejak 1 Julai 2017, liberalisasi kadar premium produk yang menyediakan perlindungan komprehensif dan perlindungan pihak ketiga bersama dengan perlindungan kerugian akibat daripada kebakaran dan kecurian telah dilaksanakan yang mana penanggung insurans masing-masing dibenarkan menentukan kadar premium yang berpadanan dengan faktor risiko yang lebih luas daripada yang sedia ada. Hal ini termasuklah ciri-ciri keselamatan kenderaan, tempoh kenderaan dipandu jalan raya dan lokasi kenderaan yang di *parking*.

Walau bagaimanapun, kemajuan liberalisasi akan dikaji semula pada tahun 2019 dan penilaian terhadap kesan langkah-langkah ini terhadap pengguna serta tahap ketersediaan industri insurans akan dibuat sebelum melangkah ke peringkat liberalisasi seterusnya. Tuan Yang di-Pertua, banyak manfaat yang kita akan dapat daripada liberalisasi tarif motor premium ini. Di antaranya ialah pertama, penentuan kadar premium yang lebih adil dapat dilaksanakan berdasarkan perlindungan yang diperlukan oleh pengguna. Kedua, dapat menyelaraskan subsidi bersilang *cross subsidy* yang ketara pada masa ini yang mana sesetengah pemegang polisi membayar premium yang lebih mahal daripada yang sepatutnya untuk menyokong pemandu dan kenderaan yang berisiko tinggi.

Ketiga, dapat menggalakkan amalan pengurusan risiko yang lebih baik di kalangan pengeluar kenderaan dan pengguna termasuk memupuk kesedaran yang lebih mendalam tentang keselamatan jalan raya dan hasil daripada perubahan tingkah laku ini boleh menyumbang kepada pengurangan kes kemalangan dan kecurian secara keseluruhan. Dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik serta penawaran produk motor yang berinovatif kepada pengguna akibat persaingan antara penanggung-penanggung insurans. Akhir sekali pengguna berpeluang untuk membeli produk-produk baru yang tidak ditawarkan di bawah tarif seperti insurans *telematics* yang mengambil kira tahap penggunaan kenderaan dan tabiat pemandu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Dengan 27 juta lebih kenderaan yang mendaftar dengan jabatan pendaftaran kenderaan, bukankah insurans yang berdasarkan profil risiko kepada pemegang insurans ini lebih nampak menguntungkan syarikat insurans berbanding kepada pengguna yang telah pun berada dalam keadaan kos sara hidup yang telah pun tinggi. Saya mengatakan demikian

kerana dari sudut risiko bagi warga senior kita melalui proses pemeriksaan kesihatan bagi penyelenggaraan kenderaan, kita ada PUSPAKOM dan juga JPJ. Bagi orang yang mendapatkan lesen juga, ia melalui pemeriksaan ataupun ujian-ujian JPJ maka saya melihat risiko kepada kemalangan jalan raya ini lebih kepada sikap dan juga kepada kualiti jalan raya itu sendiri. Manakala sikap dan kualiti itu perlu kepada cara lain untuk mengatasinya dari sudut pendidikan dan sebagainya.

Jadi persoalan saya telah pun dijawab sebenarnya, saya bertanya adakah kementerian ingin mengkaji ataupun menilai balik program ini. Kalau begitu saya ingin bertanya soalan yang lain, adakah tempoh berapa lama tempoh percubaan untuk kita melihat program ini supaya pengguna mendapat manfaat yang lebih dalam keadaan ekonomi semasa.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, liberalisasi insurans premium ini sangat penting kepada rakyat kerana dalam jangka masa panjang ia akan memberi kebaikan kepada mereka-mereka yang mengendalikan kenderaan dengan *reduce* kan dia punya *profile risk* mereka. Saya bagi contoh, kalau mengikut sistem yang ada sebelum ini setiap RM1 insurans premium, syarikat insurans *company* keseluruhannya membayar hampir RM1.02 bermakna dia punya *claim ratio*, jumlah *claim ratio* ini melebihi had 100 peratus.

#### ■1130

Akhirnya apa yang berlaku, apabila syarikat-syarikat ini rugi dari segi dia punya *claim ratio on general insurance* atau *motor insurance* ini, maka mereka terpaksa meningkatkan premium. Apabila dia meningkatkan premium, oleh kerana kita mengamalkan insurans ini secara *fixed tariff* maka kalau katakan Yang Berhormat bawa kereta lima tahun tidak pernah *accident*. Ada tiga, empat biji kereta semua tidak pernah *accident*, Yang Berhormat patutnya dapat premium yang rendah. Bukan dapat premium berdasarkan *claim ratio* syarikat-syarikat insurans ini. Ini sebab liberalisasi dilakukan supaya kepada mereka yang tidak berprofil tinggi maka mereka akan mendapat manfaat.

Contoh kalau kita ada dua, tiga biji kereta, dua kereta kita ini kurang pakai satu pakai. Akan tetapi yang satu pakai ini pun empat, lima tahun tidak pernah buat *claim*. Maka *benefit* yang kita dapat sebagai pemandu dua kereta kita itu pun juga sebenarnya boleh dapat pengurangan dari segi premium kerana dia tidak ada *claim* yang kita buat *historical claim* kita itu rendah. Maka kita akan mendapat manfaat. Akan tetapi kalau ikut sistem yang sebelum ini, kalau kita tidak ada buat liberalisasi *tariff* ini, bermakna kalau kita yang tidak pernah *claim* dua, tiga tahun, empat tahun lima tahun pun premium kita masih tinggi kerana *claim ratio* itu sentiasa naik. Yang ini kita hendak elakkan. Jangka masa panjang Yang Berhormat, dia akan memanfaatkan pengguna-pengguna yang berprofil kurang *risk* dan dapat *benefit* yang kurang dari segi insurans premium. Jadi soalan Yang Berhormat tadi sebut berapa lama kita

hendak tengok ini? Jadi *claim ratio* ini dia tidak boleh pakai satu tahun, dia kena ada jangka masa.

Jadi jangka masa yang kita hendak kendalikan adalah 2017, 2018, 2019. Bila 2017, 2018, 2019 kita akan tengok *claim ratio* itu sama ada dia ada *improve* tidak. Kalau ada *improve* kemudian kita akan buat satu *threshold* baru untuk mereka *flexible* dari segi menetapkan harga premium kepada setiap pengguna-pengguna motor ataupun motorkar kita. Yang paling penting kalau Yang Berhormat berdepan dengan mana-mana *complaint* ada *insurance company* yang *charge insurance* yang terlampau tinggi, yang tidak munasabah, tiada justifikasi boleh melaporkan kepada Jabatan Pengaduan Bank Negara, mereka akan buat penyiasatan dan kita akan panggil insurans-insurans *company* ini. Mereka tidak boleh meningkatkan *insurance* premium ini dengan sewenang-wenangnya tanpa justifikasi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Datuk, Pokok Sena...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan mengenai liberalisasi tarif insurans ini. Soalan saya mudah sahaja. Dengan pelaksanaan dasar baru liberalisasi tarif insurans ini, di manakah kedudukan ataupun terjejas atau tidak kedudukan Biro Insurans Motor, satu institusi yang mengendalikan tuntutan mereka yang terlibat dalam kemalangan dengan kenderaan yang tidak mempunyai insurans. Jadi, adakah ia menjejaskan kedudukan ini dengan dasar baru ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Dasar itu tidak akan terjejas. Biro ini akan terus berjalan dia akan mengendalikan kes-kes yang seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, dan dia akan sentiasa dipantau oleh pihak Bank Negara. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh *kot* Tuan Yang di-Pertua?  
*Last.*

**7. Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan bagaimanakah kementerian akan memastikan universiti awam di Malaysia akan terus melonjak tersenarai sebagai 5 dari 10 universiti terbaik ASEAN yang tentunya menjadikan Malaysia sebagai "hab pendidikan tinggi" di rantau ini berdasarkan QS World Universiti Ranking. Apakah strategi seterusnya bagi memastikan lebih ramai pelajar antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai pendidikan pilihan.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas soalan berkaitan dengan kelestarian kecemerlangan universiti awam. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai ini bersekali dengan dua lagi pertanyaan iaitu daripada Yang Berhormat Pasir Mas pada 31 Julai 2017 dan Yang Berhormat

Kulim Bandar Baharu pada 7 Ogos 2017 memandangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat universiti awam (UA) kita telah merekodkan pencapaian yang cukup membanggakan baru-baru ini. Berdasarkan laporan QS World Universiti Ranking dengan izin 2017 dan 2018, Universiti Malaya berada di tangga 114 berbanding 133 pada tahun yang lalu.

Universiti penyelidikan turut tersenarai di kalangan lapan universiti terbaik di peringkat ASEAN di mana UM berada di kedudukan ketiga, diikuti UPM kedudukan keempat, UKM kedudukan kelima, USM kedudukan ketujuh dan UTM di kedudukan lapan. Serta turut tersenarai dalam senarai *top one percent* dari sejumlah 26,000 buah universiti di seluruh dunia. Manakala laporan Universitas 21, Malaysia menunjukkan peningkatan berterusan pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2012 dengan berada di kedudukan 25 daripada 50 buah negara.

Selaras dengan matlamat dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi dirantau ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengagihkan universiti-universiti awam kepada tiga kategori iaitu:

- (i) universiti penyelidikan;
- (ii) universiti komprehensif; dan
- (iii) universiti fokus (teknikal pendidikan pengurusan dan pertahanan)

Setiap kategori universiti ini, mempunyai fokus yang berbeza namun saling menyokong antara satu sama lain. Bagi Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), ketiga-tiganya merupakan universiti yang dikategorikan sebagai universiti komprehensif iaitu universiti yang berperanan untuk menyampaikan program pendidikan kepada pelajar di semua peringkat. Selain itu juga, berperanan dalam menyediakan bakat yang relevan kepada keperluan semasa negara dan memenuhi keperluan pasaran.

Dalam usaha sesebuah universiti untuk tersenarai dalam ranking, universiti perlu memberikan fokus yang tinggi kepada penyelidikan yang menghasilkan output yang berkualiti dan berimpak tinggi. Di samping memperluaskan kerjasama penyelidikan di dalam dan luar negara terutamanya dengan institusi bereputasi tinggi. Ini bukan fokus penubuhan universiti komprehensif, sebaliknya merupakan fokus universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. KPT turut mempertingkatkan usaha bagi memperkukuhkan kedudukan universiti awam di peringkat antarabangsa. Antaranya, mempertingkatkan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi dan bekerjasama dengan institusi antarabangsa yang bereputasi

tinggi, memperluaskan jaringan kolaborasi bersama industri dan agensi lain terutamanya di peringkat antarabangsa.

Universiti awam terutamanya universiti penyelidikan telah bersedia mempunyai kerjasama bersama universiti terkemuka dunia seperti *University of Oxford, MIT-Imperial College London, Yale University, University of Glasgow* dan banyak lagi. Bagi tempoh di antara 2013 hingga 2016, lima universiti penyelidikan telah bekerjasama dengan sebanyak 7,961 institusi di seluruh dunia dalam pelbagai bidang.

#### ■1140

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, QS merupakan agensi penarafan universiti pertama di dunia yang diiktiraf oleh *The International Ranking Expert Groups*, dengan izin, atau IREG. Untuk itu, semua *ranking* yang dikeluarkan oleh QS adalah diluluskan oleh IREG dan menjadi rujukan pihak kepentingan di seluruh dunia. Penilaian *QS World University Ranking* adalah berdasarkan kepada enam petunjuk prestasi utama iaitu reputasi akademi iaitu 40 peratus, untuk reputasi majikan 10 peratus, nisbah pelajar dan pensyarah 20 peratus, nisbah *citation* pensyarah 20 peratus, pensyarah antarabangsa lima peratus dan pelajar antarabangsa lima peratus. Sistem *ranking* ini menilai dalam empat bidang utama iaitu penyelidikan, pengajaran, kebolehpasaran graduan dan pengantarabangsaan. KPT tidak mengabaikan tanggungjawabnya dalam melahirkan insan berkualiti dan berkredibiliti.

KPT melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 untuk pendidikan tinggi telah menggariskan sepuluh lonjakan. Di mana, lonjakan satu mensasarkan untuk membangun dan menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Pelbagai inisiatif dan sasaran KPI telah digariskan di bawah lonjakan satu iaitu melaksanakan program akademik dalam mod 2u2i, Program Kolaborasi Industri Akademia, pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average*, dengan izin, atau iCGPA dan Program Keusahawanan Siswa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang lain jawapan bertulis ya.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat. Tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita pada hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya sebab apa, soalan saya telah diberikan jawapan bahawa ditolak kerana sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikarangkan, bercakapnya sekiranya harus melencongkan perkara yang sedang dibicarakan oleh mahkamah dan tidak boleh ditanya

berkenaan dengan apa-apa perkara yang dalam pertimbangan oleh mahkamah. Soalan saya adalah mengenai adakah kerajaan bersedia untuk membentangkan Kertas Putih bagi menjelaskan campur tangan asing berkaitan dengan penyiasatan skandal 1MDB. Jadi, saya nak tanya sebab, ini adalah berkenaan dengan campur tangan asing, bukannya skandal 1MDB dan juga apabila kita ada jawapan macam ini, tidak ada apa-apa mahkamah dalam Malaysia yang menjalani perbicaraan tentang skandal 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Jadi, bolehlah dipertimbangkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan mesyuarat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum habis lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh dan saya yakin Yang Berhormat Permatang Pauh juga telah menerima surat sebab-sebab penolakan dan di hadapan saya juga telah ada sebab-sebab dan asas-asas penolakan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker bahawa soalan tersebut memang menurut Yang Berhormat Tan Sri Speaker adalah ditolak kerana *subjudice*. Jadi, kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati, bolehlah membuat apa-apa usul persendirian atau berjumpa dengan Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(h) di mana ada persoalan pertanyaan yang ditolak juga. Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa semua soalan yang dibangkitkan oleh pembangkang berkenaan dengan kes SRC dan 1MDB ditolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa, kenapa ia ditolak? Ini adalah Parlimen dan soalan-soalan yang dibangkitkan ini cukup jelas. Kita minta apakah status siasatan? Apakah masalah dengan sebut, apakah status siasatan? Kalau kita tak boleh tanya dalam Parlimen, kita nak tanya di mana, Tuan Yang di-Pertua?

*[Dewan riuh]*

Ini sangat jelas. Takkan kita nak tolak semua soalan? Saya ada tiga soalan. Bukan saya tanya berkenaan 1MDB. Saya tanya status siasatan. *This is Parliament. We have the rights to ask questions.*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You cannot cover up by stopping us from asking questions.*

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** So, kenapa ini berlaku?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya nak satu penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa semua rakyat Malaysia tanya kenapa ini boleh berlaku.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sepatutnya kerajaan mengambil peluang ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong. Tak payahlah jerit-jerit, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Please sit down. I am not talking to you.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No.* Tak payahlah jerit-jerit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya nak tanya, kenapa tidak diambil peluang?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau kata Parlimen, ini bukan tempat samseng, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa tidak diambil peluang?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau *respect* Parlimen, cakaplah baik-baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Hei, can you keep quiet and sit down? I am not talking to you. This is peraturan mesyuarat.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You don't have to make noise. Why are you making noise? You are irritating us.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalan saya cukup jelas. Kenapa tidak diambil peluang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta Yang Berhormat Baling duduk tak? *He is interrupting the House.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You should asked in a proper manner.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Menteri, jawab soalan ini.



**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta Yang Berhormat Baling keluar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya nak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat , Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini adalah peluang keemasan untuk pihak Menteri untuk menjawab soalan ini.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita sebagai pembangkang, kita datang ke sini bagi peluang kepada kerajaan untuk jawab.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa peluang ini tidak diambil? Seolah-olah tidak ingin dibangkitkan perkara 1MDB langsung dalam Dewan yang mulia ini. Walhal ini adalah satu perkara yang dinantikan jawapannya oleh seluruh masyarakat negara ini dan juga dilihat oleh seluruh dunia. Kenapa Parlimen Malaysia ini tidak ada peluang untuk Ahli-ahli Parlimen untuk tanya soalan ini? Kenapa kerajaan tak nak jawab soalan ini dalam Parlimen Malaysia? Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk beri saya satu jawapan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Peraturan Tuan Yang di-Pertua. Peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Peraturan 23(1)(h) juga sebab saya menerima surat yang sama juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu yang sama?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sedangkan soalan saya itu berkaitan dengan respons kerajaan terhadap kes saman DOJ, Kerajaan Amerika. Saya rasa perkara itu bagi Ahli Parlimen yang merasakan ini isu yang menyebabkan maruah negara. Ini bukan isu 1MDB, *per say*, dengan izin, tapi ini adalah isu satu kerajaan besar telah menyaman kita. Maka, sebab itu saya rasa tempat terbaik kita buka dada kita secara lapang, tempat terbaik untuk menjawabnya ialah di dalam Parlimen. Kalau kita bercakap di luar, nanti kata kita ini memburukkan nama Malaysia dan sebagainya. Maka, saya kira sebagai Ahli Parlimen

yang *civilize*, yang bertanggungjawab, yang bertamadun, segala satu dunia menyerang kita dengan isu ini, kita tak dapat bincang dalam Dewan. Saya minta kita terbuka sikitlah dua-dua pihak. Ini bukan isu pembangkang. Ini adalah isu negara.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya mohon supaya perkara ini dibincangkan dan soalan-soalan ini dilayan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota, isu yang sama?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Speaker sudah panggil Yang Berhormat Indera Mahkota, yang lain duduk diam dulu ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkit dalam Peraturan Mesyuarat 23(1)(c), ini soalan saya yang bertanya ini, cukup mudah. Ini jabatan DOJ ini, banyak sangat keluar kenyataan yang menjejaskan nama baik negara Malaysia. Saya bertanya, apakah langkah-langkah kita, kementerian untuk respons, memberi gambaran yang benar bagi meredakan tekanan ke atas imej negara? Ini pun ditolak sebab soalan ini adalah sangkaan. Sangkaan. Saya tanya, apakah langkah-langkah kita untuk membersihkan imej buruk yang dibawa oleh DOJ, apakah langkah-langkah kita? Ini sangkaan dan soalan ini menyakitkan hati. Hati siapa?

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya tak puas hatilah.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Izinkan satu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tidak, tidak. Minta maaf, nanti dulu. Saya jarang sangat nak cakap macam ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Speaker ini kena betulkan balik pemikiran dia. Kalau tidak, ini menjejaskan imej Parlimen. Ini menjejaskan imej Parlimen. Saya tanya *simple question*, apakah langkah-langkah yang kerajaan ambil untuk membersihkan nama kita? Oh! Tanya soalan yang menyakitkan hati siapa. Hati Speaker kah? Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Minta laluan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain- yang lain duduk. Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang lain duduk ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pernah ada satu soalan yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Barisan Nasional akan

sudi menerima balik wang dan barang kemas yang bernilai berbilion-bilion ringgit yang disita oleh Jabatan Keadilan, *Department of Justice* Amerika Syarikat dari mereka yang bersalah dalam pengubahan wang haram tabung 1MDB dan ditolak atas dua perenggan 23(1)(c) ialah *amputation*, *apartheid* dan tohmah atau keji atau mengandungi kalimah-kalimah yang mengelirukan, menyindir atau menyakitkan hati ataupun mengenai apa-apa perkara dangkal atau meminta penerangan mengenai perkara-perkara yang remeh. *Irrelevant*.

■1150

Tidak ada apa-apa sebab yang boleh menunjukkan soalan ini di bawah P.M. 23(1)(c) dan ditolak di bawah P.M. 23(1)(h) mengenai *hypothetical question*. Ini bukan *hypothetical question*. Ada satu kes dalam Mahkamah California untuk sita harta benda yang ada bersangkutan paut dengan 1MDB dan apa pendirian kerajaan? So, adakah kita kata bahawa sungguh pun sita, kita tidak mahu terima balik? Sungguh pun Leonardo DiCaprio ada mengembalikan, memulangkan apa yang dia dapat daripada Jho Low, sungguh pun *supermodel* Miranda Kerr pun ada pulangkan itu *jewelry* kepada *Department of justice*, adakah kita kata "Oh, ini bukan duit 1MDB"? Jadi duit siapa? Duit hantu? Adakah ini hantu yang memberi hadiah kepada DiCaprio dan Miranda Kerr?

Sebab itu kita perlu satu jawapan. Sangat jelas, berpuluh-puluh kalau bukan beratus-ratus soalan ada dikemukakan ditolak. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh sewenang-wenangnya menyalahgunakan peraturan mesyuarat untuk tolak soalan yang spesifik. Dalam *House of Common*, *early notice motion* ada dikemukakan mengenai 1MDB. Adakah kita dalam Parlimen mahu terus berpura-pura tidak ada skandal 1MDB? Apabila ada ini, kita sudah menjadi global *kleptocracy*. Dunia kenali kita sebagai satu kerajaan pencuri, perompak dan penyangak dan semua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sama macam itu banglo. Banglo Pulau Pinang pun samalah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Baling...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu banglo, banglo Pulau Pinang samalah, hantu punya. Hantu punya, hantu punya. Serupalah itu banglo. Jawab itu banglo Pulau Pinang. [*Dewan riuh*]

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, *you are an idiot*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Malulah. Kerajaan *kleptocracy*. Pencuri, perompak, penyamun, penyangak.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Banglo ada, tanah ada Pulau Pinang, banyak curi! Tanah, banglo, itu semua hantu curi!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Perdana Menteri yang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, kenapa Yang Berhormat Baling boleh bising dalam Dewan Rakyat macam ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *The Prime Minister, you are shame to the House.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Please get the House in order.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Bahawa kita ada suatu jawapan dan kalau kita tidak boleh, kita semua yang ada ditolak berkumpul untuk kemukakan satu usul tidak bersetuju, untuk *review* di bawah peraturan 44 kalau P.M. 30, 40, 50 dan perlu satu perbahasan. Tidak boleh beri notis tetapi tidak ada perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Boleh kah kita berjanji kalau P.M. 30, 20 untuk bersama kemukakan satu usul mengenai semua penolakan tidak berasas, satu *assurance* satu perbahasan?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput satu lagi. Saya kira Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Saya kira semua yang bangun ini adalah hendak menyuarakan bahawa ketidakpuasan hati dengan keputusan Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua.

Ya Yang Berhormat Kinabatangan. Satu *last* ya sebelum saya bagi *ruling*.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kinabatangan, takkan tidak puas hati?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini saya punya *floor*, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang Melayu Kedah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Kinabatangan, peraturan mesyuarat berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soalan saya pun kena tolak tetapi saya melihat bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad, saya diam. Kita ikut peraturan. Yang ini...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Soalan apa yang kena tolak itu? 1MDB kah?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Soalan apa yang ditolak?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soalan saya berbunyi bagaimana Yang Berhormat Bagan boleh beli rumah tidak ikut *market price*? Tetapi dia kata tidak boleh tanya sebab *court case*. Inilah soalnya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tunjuk, tunjuk.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apa mahu tunjuk? Kau siapa?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Mana surat kuning? Surat kuning ada?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak bawa.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini penipu!

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat, ini baru dapat hari inilah! Jangan kelentonglah Yang Berhormat Kinabatangan. Baru dapat hari ini. Hari ini baru mula Dewan, bukan semalam.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Kinabatangan bohong!

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kamu yang biasa menipu memang kaki penipu.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Kinabatangan ada surat kah? Tunjuk surat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kepala dia pun sudah botak, tipu hari-hari.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Surat tolak tunjuk.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kepala dia botak, penipu hari-hari. Dia punya kerja tipu orang sahaja. Habis dia punya pengundi dia tipu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduk diam.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, ambil tindakan

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ambil tindakanlah!

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ambil tindakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tindakan apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Timur duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Pembetulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong. Saya minta semua Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat. Saya sudah dengar semua. Saya sudah bagi peluang kepada semua Yang Berhormat yang tidak berpuas hati saya sudah bagi peluang untuk memberikan penjelasan panjang lebar Yang Berhormat, dan semua isu adalah sama. Saya juga mendengar daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat juga merujuk kepada peraturan mesyuarat yang kita sama-sama persetujui bersama. Sila rujuk Peraturan Mesyuarat 99, Yang Berhormat. Kalau kita tidak berpuas hati dengan keputusan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua— keputusan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua muktamad. Kalau tidak berpuasa hati, boleh buat usul persendirian. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, hanya untuk rekod.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 99 Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat. Sila Setiausaha.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua dan ketiga pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.57 pg.**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan buat kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 atau selepas ini disebut sebagai akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] buat kali kedua selepas dipinda kali pertama pada tahun 2012.

Akta Keganasan Rumah Tangga telah digubal dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 1994 apabila kerajaan mendapati bahawa jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumah tangga kian meningkat dan mula menjadi masalah sosial pada masa tersebut. Akta tersebut telah diluluskan di Parlimen dan telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia mulai 1 Jun 1996.

Pindaan kali pertama telah dibuat pada tahun 2012 bagi memperluaskan tafsiran keganasan rumah tangga daripada bentuk fizikal untuk turut meliputi penderaan emosi, mental dan psikologi, penggunaan bahan yang memabukkan dan bahan yang menyebabkan delusi kepada mangsa dan mangsa kanak-kanak.

Pihak kementerian melalui agensinya termasuk Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan pelbagai program kekeluargaan dan pembangunan keluarga seperti Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN, Program *Parenting@Work*, Program Pra Perkahwinan SMARTSTART bagi mengukuhkan institusi keluarga dan secara langsung diharapkan dapat mengelakkan tercetusnya kejadian keganasan dalam keluarga atau rumah tangga.

Mengikut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, sebanyak 3,325 intervensi kes iaitu termasuk kaunseling kepada mangsa, pelaku dan juga keluarga telah dibuat dari tahun 2012 hingga tahun 2016 bagi membantu menangani dan menyelesaikan kes keganasan rumah tangga ini.

**■1200**

Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui perundangan dan program yang dinyatakan tadi, pihak kerajaan mendapati bilangan kes keganasan rumah tangga masih meningkat dari tahun ke tahun. Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia,

bermula pada tahun 2014 sehingga Disember 2016, sebanyak 15,617 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 74 peratus adalah mangsa wanita dan selebihnya 26 peratus adalah mangsa lelaki termasuk suami.

Sehubungan itu, pihak kerajaan telah mengadakan konsultasi dengan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk mengenal pasti permasalahan di peringkat akar umbi termasuk kelemahan dari segi perundangan. Sebuah jawatankuasa kajian semula undang-undang berkenaan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak telah ditubuhkan dan diketuai oleh Peguam Negara sejak tahun 2013. Jawatankuasa ini dianggotai oleh *Women's Parliamentary Caucus*, pejabat Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal undang-undang, wakil agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, JAKIM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, PDRM, Pejabat Peguam Besar Sabah, Pejabat Peguam Besar Sarawak, Majlis Peguam dan badan-badan bukan kerajaan yang berkepentingan dalam kes-kes keganasan rumah tangga.

Konsultasi lanjutan juga diadakan di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan pindaan ini inklusif dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk pihak yang berkepentingan. Berdasarkan syor jawatankuasa dan konsultasi tersebut, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil tindakan untuk merangka akta yang dicadangkan. Dalam hal ini, pihak kerajaan ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh NGO-NGO termasuk Gabungan Kumpulan Wanita Bertindak bagi Kesamarataan Gender (JAG), *Women's Aid Organisation*, *Women's Centre for Change Penang*, *All Women's Action Society*, *Perak Women for Women Society*, Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor, Persatuan Sahabat Wanita Selangor, *Sabah Women's Action-Resource Group*, Tenaganita, Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia dan banyak lagi NGO-NGO yang tidak dapat disebutkan semuanya di sini bagi membolehkan akta yang dicadangkan ini dibentangkan pada hari ini. Tidak lupa juga kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang tabah berkongsi pengalaman mereka untuk memberi panduan kepada cadangan-cadangan dasar yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama akta yang dicadangkan adalah untuk:

- (a) Mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dengan mengadakan peruntukan:
  - (i) Bagi perintah perlindungan kecemasan sebagai tambahan kepada perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan sedia ada; dan



- (ii) perluasan tafsiran keganasan rumah tangga untuk membolehkan mangsa mendapat perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan
- (b) Membantu memulihkan institusi kekeluargaan dengan mengadakan program pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 15 fasal kesemuanya dan ingin saya menarik Dewan yang mulia ini kepada fasal-fasal utama dalam akta yang dicadangkan ini. Fasal-fasal yang tidak dinyatakan adalah fasal yang melibatkan pindaan-pindaan kecil. Antara pindaan utama adalah seperti berikut:

Fasal 2 bertujuan antaranya memperluaskan takrif keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan tiga lagi hal keadaan di bawah keganasan rumah tangga boleh berlaku seperti berikut:

- (i) curang, menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- (ii) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya. Takut akan keselamatan pihak ketiga atau mengalami kesedihan;
- (iii) berhubung dengan mangsa atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa melalui apa-apa cara elektronik atau selainnya.

Pindaan yang dicadangkan ini akan memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa keganasan rumah tangga kerana mangsa boleh membuat permohonan bagi perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan apabila hal keadaan itu timbul.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan perintah perlindungan kecemasan. Seksyen baharu 3A yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa kepada pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan untuk mangsa keganasan rumah tangga yang melibatkan ketakutan atau kecederaan fizikal. Suatu permohonan bagi perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada atau tidak suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau suatu permohonan bagi perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan masih belum selesai.

Perintah perlindungan kecemasan hendaklah sah selama tujuh hari sahaja dan tempoh yang diberikan sepanjang perintah perlindungan kecemasan tersebut adalah juga sebagai suatu tempoh bertenang atau *cooling period* kepada pihak-pihak dengan intervensi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Seksyen baharu 3B, 3C dan 3D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan tatacara bagi penyampaian dan penyampaian ganti perintah perlindungan kecemasan

termasuk memfailkan bukti penyampaian salinan perintah perlindungan kecemasan dan memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan itu kepada mangsa dalam masa 12 jam selepas penyampaian itu. Seksyen baharu 3E memperuntukkan hukuman bagi pelanggaran perintah perlindungan kecemasan.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 521 bagi membolehkan mahkamah memberikan perlindungan tambahan yang sama bagi suatu perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim. Antaranya mangsa di bawah perintah perlindungan interim akan mendapat perlindungan dengan hak penghunian eksklusif kepada mangsa, melarang atau menyekat pelaku daripada memasuki tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah atau institusi lain mangsa, membuat hubungan diri dengan mangsa, mengelakkan daripada membuat perhubungan bertulis atau telefon dengan mangsa dan membenarkan mana-mana orang dilindungi itu untuk terus menggunakan sesuatu kenderaan yang sebelum itu yang biasanya digunakan juga terpakai bagi sesuatu perintah perlindungan interim.

Pindaan di subfasal 4(b) bertujuan untuk menjelaskan tempoh kuat kuasa suatu perintah perlindungan interim.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 521 untuk memberi hak penghunian eksklusif bagi keseluruhan kediaman bersama kepada mangsa bagi memastikan keselamatan mangsa.

#### ■1210

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, mahkamah tidak lagi dibenarkan untuk memberikan hak pengurniaan eksklusif hanya bagi bahagian tertentu kediaman bersama kepada yang dilindungi.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 521 untuk mengadakan suatu program pemulihan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan syarat bahawa suatu perintah untuk merujuk mangsa kepada program pemulihan hendaklah dibuat hanya dengan persetujuan mangsa. Program pemulihan merupakan suatu program yang disediakan oleh kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan bagi maksud pembangunan keluarga dan masyarakat.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 12A Akta 521 subfasal 9 (b), (c) dan (d) bertujuan untuk menjelaskan bahawa permohonan bagi perintah perlindungan interim hendaklah dibuat secara '*ex parte*' oleh mangsa, peguam mangsa atau seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak mangsa itu.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 13 Akta 521 untuk memperuntukkan hal keadaan yang baginya perintah perlindungan boleh diminta. Suatu perintah perlindungan boleh diminta dalam masa tujuh hari selepas mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis di bawah perenggan 4(4B) yang dicadangkan bahawa prosiding jenayah yang

berhubungan dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Suatu perintah perlindungan boleh juga diminta pada mana-mana peringkat prosiding jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang tertuduh itu dipertuduh dengan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga sama ada atau tidak suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan kecemasan telah diminta dan terkeluar terhadap tertuduh.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukan seksyen baru 13A ke dalam Akta 521 untuk memperuntukkan bahawa permohonan bagi perintah perlindungan hendaklah dibuat oleh mangsa, peguam mangsa, seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi mangsa itu atau seorang pegawai polis bagi pihak mangsa itu.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda perenggan 14 (a) dan (d) Akta 521 untuk menjelaskan bahawa permohonan bagi suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim yang terlibat aduan keganasan rumah tangga boleh difailkan dalam mana-mana daerah di mana mangsa itu tinggal atau mangsa itu ditempatkan buat sementara.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda subseksyen 17(2) Akta 521 untuk mengehendaki pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis itu atau mana-mana pegawai polis di bawah pemerintahnya untuk memaklumkan penyampaian perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan yang telah dilaksanakan kepada mangsa dalam tempoh tujuh hari selepas penyampaian itu.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 19(2) Akta 521 untuk mengenakan kewajipan tambahan ke atas pegawai penguat kuasa yang merupakan seorang pegawai polis untuk memaklumkan kepada mangsa mengenai status penyiasatan yang berhubungan dengan suatu kesalahan keganasan rumah tangga dan status permohonan bagi perintah perlindungan interim dan perintah perlindungan dan sebagainya.

Secara kesimpulannya, keprihatinan terhadap perlindungan mangsa keganasan rumah tangga di negara ini dijangka membawa keharmonian dan kestabilan sosial dalam negara dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedar bahawa pindaan kepada undang-undang hanyalah langkah pertama. Pihak kementerian akan mengatur langkah seterusnya bagi memastikan penguatkuasaan kepada akta yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan baik dan agensi-agensi penguatkuasaan terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) di hospital awam dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga akan diberi pengetahuan dan latihan yang mencukupi bagi tujuan melaksanakan undang-undang ini kelak. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

### 12.16 tgh.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama berbahas dalam suatu usul untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ini. Pertama saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang peka yang menghalusi isu-isu penting seperti jenayah keganasan rumah tangga di Malaysia ini terutamanya dalam usaha untuk memastikan institusi kekeluargaan di negara ini terus harmoni dan juga berada di tahap yang sangat baik. Saya melihat tujuan utama akta ini dicadangkan adalah untuk menambah baik perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga itu sendiri.

Akan tetapi kalau kita tengok hakikatnya terutamanya kalau kita sering baca surat khabar dan melihat atau membaca daripada sosial media. Hakikatnya jenayah keganasan rumah tangga ini merupakan suatu yang saya kira tidak asing lagi dalam persekitaran semasa kita. Peningkatannya semakin tinggi dan setiap tahun ataupun saban tahun membuktikan bahawa mungkin jenayah ini agak kronik di dalam masyarakat kita. Jadi, sudah semestinya perkara ini nanti kalau kita tidak buat sesuatu ia akan merosakkan institusi kekeluargaan kita dan kita pun faham institusi kekeluargaan adalah satu komponen yang sangat penting dalam proses pembentukan suatu masyarakat dan satu negara.

Saya terpanggil untuk memberikan satu laporan yang saya hendak kongsi mengenai satu laporan menerusi World Health Organization (WHO). Pada November 2016, dia dalam laporan ini dia katakan lebih kurang anggarannya adalah hampir 35 peratus golongan wanita di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia —di seluruh Malaysia telah mengalami kecederaan oleh pasangan masing-masing sekurang-kurangnya sekali seumur hidup. Jadi seterusnya laporan World Health Organization (WHO) ini juga mendedahkan sebanyak 38 peratus pula, pembunuhan kaum wanita itu juga melibatkan pasangan masing-masing.

Jadi laporan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa mungkin kah ini disebabkan peredaran zaman yang begitu pantas dan juga perubahan peradaban tamadun

yang semakin membangun yang masih tidak boleh menghakis soal penindasan yang berlaku terhadap golongan wanita terutamanya yang melibatkan krisis rumah tangga. Namun begitu, saya juga tertarik sedikit sebanyak —untuk menyentuh sedikit sebanyak mengenai beberapa faktor yang membawa kepada pindaan ini yang mana ada dicatatkan sebanyak 15,617 kes bermula dari tahun 2014 hingga Disember 2016 termasuk 26 peratus yang melibatkan kaum lelaki yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebelum ini, lelaki ini, kita tengok sifat lelaki ini begitu dominan. Dia macho. Macho macam Yang Berhormat Lenggong inilah, macho, macam abang sado lah. Macam Yang Berhormat Baling, semualah. Akan tetapi, saya tengok statistik ini menunjukkan bahawa lelaki juga tidak lepas daripada keganasan rumah tangga itu sendiri. Satu kajian itu ada dibuat daripada sejumlah 33 mangsa lelaki yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, seramai 23 daripadanya telah dilindungi menerusi perintah perlindungan sementara. Ini semua fakta yang menunjukkan bahawa lelaki juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa dan tindakan ganas pasangan menerusi jenayah keganasan rumah tangga itu.

Ada beberapa perkara yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian. Yang pertamanya, apakah prosedur sebenar untuk yang menjadi mangsa ini untuk membuat laporan? Kadang-kadang malu, Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, malu terutamanya kalau terkena kepada kaum lelaki, mungkin dia akan berasa malu untuk membuat laporan. Jadi sebab itulah saya hendak tanya, bagaimana prosedur sebenarnya dan adakah prosedur yang perlu dia lalui itu adalah satu sifat prosedur yang *simple*, yang ringkas ataupun dia perlu melalui satu proses yang panjang? Sebab yang pentingnya adalah apa juga proses, ia perlu untuk memudahkan si mangsa membuat laporan serta mendapatkan perlindungan secepat mungkin.

Seterusnya soalan saya adalah, saya hendak minta penjelasan. Adakah pindaan ini juga turut membolehkan pihak ketiga membuat laporan sekiranya dia tahu, dia mengetahui bahawa ada terjadi kepada mungkin kepada orang yang dikenali ataupun *maybe* ataupun mungkin jiran tetangga, dia tahu perkara yang tepat ada berlaku dan tanpa pengetahuan mangsa itu sendiri, pihak ketiga ini sebab dia tahu, dia mungkin kena *physical abuse* dengan izin, dan mungkin terkena kepada *mental abuse*, jadinya dia bertanggungjawab pula untuk membuat laporan. Adakah ini dibolehkan di dalam RUU ini?

Saya juga hendak memuji ataupun mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian sebab memperkenalkan pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa. Saya habiskan para ini. Nanti saya bagi kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini bukan fasal abang sado itu, ya? Jadi memperkenalkan pemberian hak penghunian eksklusif terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim dan

juga perintah perlindungan. Jadinya langkah ini dilihat, saya lihat ia tepat bagi memastikan keselamatan mangsa terus terpelihara dengan arahan yangengehendaki si pelaku meninggalkan kediaman bersama mangsa selama satu minggu. Okey, Yang Berhormat Kuala Selangor dipersilakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Saya tertarik dengan statistik Yang Berhormat Parit Sulong bangkitkan terutama sekali dari segi keganasan rumah tangga yang melibatkan kaum lelaki kerana bagi mana pada hemat saya, ini satu perkara yang sangat serius sekali ketika ini.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Parit Sulong, berdasarkan mungkin kajian yang beliau baca mengenai statistik keganasan rumah tangga terhadap orang lelaki ini. Apakah contoh-contoh keganasan itu? Mungkin kerana kita harus mengambil iktibar sebagai orang lelaki yang mempunyai isteri dan lebih-lebih lagi kaedah-kaedah yang mungkin kita jadikan sebagai satu pengajaran. Saya hendak tahulah kepada Yang Berhormat Parit Sulong, contoh-contoh keganasan rumah tangga terhadap kaum lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ha, Yang Berhormat Parit Sulong kena bagi *detail*.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Kedua Yang Berhormat Parit Sulong, apakah—Apabila menyebut tentang statistik keganasan rumah tangga terhadap lelaki ini semakin meningkat, kewajaran bagi pihak kerajaan untuk mewujudkan satu jabatan atau kementerian menjaga hal ehwal lelaki dan rumah tangga. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong ada pengalaman, Yang Berhormat Parit Sulong?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Tidak ada.

**Seorang Ahli:** ..... lelaki.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya— Nanti Yang Berhormat Menteri mungkin boleh membantu untuk, boleh menjawablah soalan-soalan yang dibuat. Yang Berhormat Menteri nanti boleh menjawab sebab dia lebih arif dan lebih tahu untuk menjawab sebab saya hendak mengutarakan pelbagai soalan juga kepada Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan ini. Jadinya kita tinggalkan di situ. Yang Berhormat Menteri akan menjawabnya.

Jadinya tadi kita bercakap mengenai perlindungan interim dan juga perintah perlindungan. Jadinya, sehubungan itu, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai sejauh manakah pihak kementerian menilai langkah ini boleh mampu untuk menjamin keselamatan mangsa serta apakah tempoh satu minggu itu sebab satu minggu,

adakah dilihat cukup untuk mangsa tersebut memperoleh ketenangan sebab dia mungkin *abusive* itu terlampau mendalam. Jadinya, mungkin ia memerlukan satu minggu. Bagaimanakah satu minggu ini ditentukan oleh pihak kementerian? Jadinya, seterusnya saya mohon juga mendapatkan kepastian bagaimanakah langkah ini juga mampu untuk melindungi anak-anak yang mungkin menjadi mangsa keadaan akibat permasalahan ini, yang berlaku antara ibu dan bapa mereka?

Seterusnya juga, mengenai perluasan tafsiran keganasan rumah tangga ini. Mangsa kini boleh mendapatkan IPO dan PO apabila pelaku menggelapkan harta mangsa sehingga mangsa mengalami kesedihan yang dalam akibat kerugian kewangan. Namun saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian. Sejauh manakah pihak kementerian menilai tahap kesedihan ataupun kemurungan yang disebutkan di sini, sebab dia mungkin sedih. Adakah dengan menangis sampai 10 hari menangis maka itu dikira sebagai kesedihan dan kemurungan yang terlampau, yang menyebabkan boleh dimasukkan ke dalam kategori ini? Bagaimanakah pihak bertanggungjawab akan melihat daripada aspek psikologi si mangsa itu bagi memastikan tidak berlaku sebarang penipuan terhadap mana-mana pihak.

Jadinya soalan seterusnya, saya juga hendak memohon pencerahan daripada pihak kementerian mengenai gangguan daripada pelaku sebab sekarang ini kita berhadapan dengan suasana yang terbuka kepada sosial media. Jadinya, saya hendak bertanya juga kalau bagaimanakah, apakah tindakan kepada gangguan menerusi media sosial? Mungkin melalui *Facebook*, dia tulislah macam-macam dan segala-galanya. Jika pelaku menggunakan khidmat ketiga pula, orang lain pula untuk mengacau ataupun membuat ganggu gugat kepada si mangsa. Jadinya untuk menghubungi mangsa itu. Jadi adakah ini boleh diiktirafkan sebagai larangan yang termaktub di bawah IPO dan juga PO?

Seterusnya dalam mewujudkan pindaan ini mengenai terutamanya mengenai program pemulihan pula. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah program ini memberikan hasil yang positif kepada pasangan yang terlibat dan bagaimanakah pihak kementerian melihat langkah memberi pendedahan mengenai seksual keganasan rumah tangga menerusi kursus pra perkahwinan dapat membantu mengurangkan jumlah jenayah keganasan rumah tangga pada masa yang akan datang? Adakah statistik ada dibuat ataupun *projection*-kah dan bagaimanakah dan apakah cara-cara yang hendak dibuat? Apakah pihak kementerian juga bercadang untuk mewujudkan satu program khas untuk menilai sikap dan personaliti pasangan yang bakal berkahwin agar kadar jenayah ini dapat dikurangkan satu hari nanti.

Jadinya keseluruhannya, saya melihat pindaan ini sangat baik. Ia menjamin keselesaan, keselamatan dan juga kebajikan terutamanya mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga tetapi saya juga hendak bertanya sama ada ia terpakai juga kepada bekas pasangan sebab kita, rumah tangga ini, suami isteri. Macam mana pula dengan bekas?

Adakah ia termasuk sekali di dalam pindaan ini? Saya memuji apa sikap yang dibuat pihak kementerian dalam usaha untuk meneliti semula RUU ini. Dengan itu, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

■1230

12.30 tgh.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama kali saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana dapat membawa pindaan ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong, keseluruhannya adalah baik.

Cuma saya hendak mengambil kesempatan ini sebenarnya untuk membawa kepada pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sedikit sebanyak mengenai psikologi penderaan dan mangsa penderaan ini kerana tidak semua kita berpeluang ataupun pernah berjumpa dengan mangsa-mangsa penderaan ini. Saya bernasib baik mungkin di dalam kerjaya saya dapat bertemu dengan mereka dan pengalaman ini sebenarnya membawa kita untuk memberi pendidikan kepada keluarga.

Psikologi pendera ini kalau boleh kita perlu uar-uarkan sedikit. Ramai orang yang kita tengok yang Tuan Yang di-Pertua, lemah-lembut kadang-kadang, sangat— orang kata tidak disangka kerana pembawaan diri, personalitinya sangat mengagumkan. Akan tetapi, di belakang tabir dalam rumah tangga dia adalah pendera isteri. Saya biasa berjumpa dengan seorang mangsa seorang isteri yang suaminya mendapat *Datukship* dari tiga negeri dan dia menjadi mangsa kepada suaminya bertahun-tahun lamanya.

Psikologi seorang mangsa adalah mereka sentiasa mengharapkan suami mereka berubah dan ini yang menyebabkan kadang-kadang kita kata macam mana kamu boleh duduk di dalam satu perkahwinan berbelas tahun dan pada akhirnya orang kata *it is the straw that breaks the camel's back*. Barulah dia mengadu hal ini dan menuntut perceraian.

Ini adalah kerana psikologi seorang pendera itu dia hebat. Di luar kalau diceritakan kisah dia isterinya menceritakan kisahnya kepada ahli keluarga terdekat, besar kemungkinan tidak ada orang yang mempercayai kerana dia dilihat sebagai seorang yang berhemah, berakhlak tetapi di belakangnya isterinya menjadi mangsa.

Jadi, ironinya atau peliknya dalam kes ini yang terpaksa melalui rawatan psikologinya ialah si isteri, si mangsa kerana mangsa mengalami kemurungan yang amat sangat. Akan tetapi, si suaminya walaupun orang kata memang pendera tegar tidak pernah melaluinya dan apabila kita bertanya kepada mereka-mereka ini kenapa tidak berpisah. Jawab mereka kerana anak-anak.



Anak-anak, anehnya sesetengah pendera ini sangat baik dengan anak-anak, sangat menyayangi anak-anak dan sentiasa memegang anak-anak ini sebagai ugutan kepada isteri sekiranya kamu keluar daripada rumah ini kamu akan kehilangan anak-anak ini dan kebanyakan isteri tidak semua isteri yang kita katakan tidak bekerja sahaja atau suri rumah tangga malah ada isteri-isteri yang profesional, berpangkat tinggi, berpendidikan juga menjadi mangsa deraan suami-suami mereka.

Jadi inilah yang perlu kita didik kepada semua wanita terutamanya saya tahu sekarang ini lelaki pun kena tetapi tidak seramai wanita. Bahawa keganasan dalam rumah tangga *is a no go*, tidak boleh diterima sama sekali oleh kaum wanita dan perlu diajar kepada semua anak-anak kecil, anak-anak wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita sedikit tentang pesanan ibu saya yang telah Allahyarhamah. Semasa saya berkahwin, saya ini memang tidak tahu apa-apa, dia cuma pesan satu perkara sahaja. Dia kata kalau tangan suami kamu naik atas kamu *walk out*, itu pesan dia tapi masa ketika itu saya tidak tahu perkara-perkara ini sehinggalah kita bekerja dan *alhamdulillah* kita tidak mengalaminya. Menunjukkan bahawa ramai orang tidak menyedari bahawa penderaan boleh berlaku dengan orang-orang yang mengakui mencintainya kerana di belakang psikologi pendera ini, beliau sebenarnya kebanyakan mereka sudah terdedah dengan keganasan rumah tangga sebelumnya dan mereka tidak tahu macam mana hendak menyelesaikan masalah emosi tekanan mereka dan mereka melepaskan kepada isteri-isteri mereka dan anak-anak mereka.

Kalau ini kita boleh terima bahawa pendidikan anti keganasan ini bukan sahaja terhadap wanita tetapi terhadap semua orang. Yang saya risau adalah baru-baru ini apabila kes penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang mati dibuli oleh kawan-kawannya. Kawan-kawan jenis ini esok ini sekiranya tidak mengubah sikap mereka, apabila mereka bukan sahaja ganas terhadap kawan-kawan tetapi besar kemungkinan mereka juga akan ganas terhadap bakal-bakal atau isteri-isteri mereka.

Sebenarnya orang kata dia punya riak-riak keganasan ini boleh dilihat walaupun semasa mereka sedang *courting* atau sedang berpasangan ini tetapi oleh kerana cinta itu buta, ramai wanita yang memaafkan begitu sahaja dan banyak kalau kita dengar cerita belum kahwin lagi tangan sudah naik di muka, sudah kena penampar, sudah kena tendang tetapi oleh kerana cinta buta ini, maka dia kata dia ingat berharap bahawa suaminya atau bakal suaminya akan berubah. Ini tidak mungkin akan berlaku.

Saya punya cadangan, saya punya saranan pada wanita semua kalau ada teman lelaki macam itu *goodbye, walk out*. Ini kita perlu ajar kepada anak-anak kita dan sekiranya baru dalam di dalam perkahwinan benda ini berlaku, jangan tunggu suami ini berubah. Begitu juga kita *walk out*. Lebih baik kita *walk out*, bila anak dia satu sebelum anak dia enam orang. Dan saya sebut tadi apabila kita melihat seorang lelaki kadang-kadang dia sangat kencang

dan sebagainya tidak semestinya dia *abusive*. Ini adalah perkara-perkara yang mungkin dari segi psikologi baru dididik kepada masyarakat kita.

Saya agak terkilan dalam akta ini, pindaan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai bangun. Hendak bagi Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kota Raja sedikit?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Okey, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya mendengar dengan teliti perbahasan Yang Berhormat Kota Raja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai sudah alih kerusi Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, hari itu dekat sini?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Betul-betul sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya juga seorang pengamal perubahan sebelum ini dan juga telah melihat beberapa kes yang dikatakan penderaan ini. Akan tetapi, saya dengar tadi yang kata cinta itu buta. Cinta buta ini sebelum kahwin lagi sudah kena penampar, setuju tidak dengan saya Yang Berhormat Kota Raja itu bukan cinta buta, yang itu cinta bodoh namanya?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Panggillah apa sahaja tapi memang bodoh pun ada, buta pun adalah. Sesetengah orang itu dia hendak kahwin juga, dia tidak kira lelaki apa— macam mana dia hendak kahwin. Jadi itulah nasib dia kalau dia bodoh.

Saya juga ingin menyebut di sini ada sedikit yang saya rasa ini ialah kalau kita tengok akta ini, mereka yang ditakrifkan sebagai yang boleh menggunakan akta ini Akta Keganasan Rumah Tangga adalah suami atau isteri, bekas suami, bekas isteri, anak lelaki, anak perempuan, ibu atau bapa, abang, kakak dan adik dan mana-mana saudara lain di dalam keluarga.

*Boyfriend* tidak ada, teman lelaki tidak ada. Ini sebab orang kita sekarang ini banyak sangat *coupling* ini, kalau dulu ya tapi sekarang ini berlaku. Jadi tidak ada, jadi kalau berlaku penderaan ini ataupun keganasan mungkin di bawah akta lain diguna sebagai keganasan, tidak di bawah ini. Mungkin ada begitu tapi kita tahu juga tidak semua orang dalam keadaan masyarakat kita sekarang dia berkahwin, dia *cohabit* ramai.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ada yang telah menjalani hidup seolah-olah suami isteri tidak kiralah awak Muslim kah, atau *non-Muslim* kah dan perkara ini berlaku.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Minta izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izin saya *just* hendak tanya satu soalan berkenaan dengan isu *domestic violence* ini sekiranya disambungkan ataupun di-*extend* kepada bukan sahaja kepada suami isteri tapi juga kepada pasangan *what was the word just now*— yang *cohabit*, *cohabit* dan juga macam *boyfriend*, *girlfriend*.

■1240

Seperti yang saya dimaklumkan, di Australia, contohnya. Di Australia, *maintenance* untuk *spousal support* juga di-*extend* kepada *ex-boyfriend* dan *ex-girlfriend*, bukan sahaja *ex-husband and wife*. Jadi, di negara-negara seperti itu diiktiraf, adalah *directly* bahawa *boyfriend* dan *girlfriend* juga mempunyai hak-hak yang boleh disamakan dengan *husband and wife*. Apakah pandangan Yang Berhormat Kota Raja sekiranya *protection* yang sama di-*extend* kepada *boyfriend* dan *girlfriend* untuk mengelakkan bencana-bencana seperti *domestic violence* ke atas mereka juga. Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasik Gelugor. Ini yang saya sedang bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri tentang satu lagi kumpulan iaitu yang bukan suami isteri tetapi mempunyai hubungan yang agak intim ataupun terlebih intim, *whatever*. Akan tetapi ada *emotional tie between them*, ada ikatan emosi di antara mereka seperti suami isteri.

Kita bukan hendak mengiktiraf tetapi maknanya perkara ini berlaku dan kalau boleh pindaan-pindaan seterusnya akan memasukkan perkara ini.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kota Raja, minta sedikit Yang Berhormat Kota Raja. Minta jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita hendak *extend* kepada *boyfriend* dengan *girlfriend*, adakah mereka ini dikira sebagai-maknanya ada hubungan dalam rumah tangga? Itu yang saya hendak cuba sebab kita bincang sekarang tentang rumah tangga. Adakah bila ada *girlfriend* dengan *boyfriend* itu dikira sebagai mereka ini juga berumah tangga? Jadi minta tolong jelaskan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, saya setuju itu. Dari segi kontraknya tidak ada tetapi saya sebut tadi tentang *cohabit*. Saya tidak melihatnya kepada orang Islam semata-mata, ia juga kepada *non-Muslim* dan sebagainya. Kita juga lihat di sesetengah tradisi dan budaya itu dia tidak kahwin, dia *register* kemudian. Dia duduk dahulu

bersama dan sebagainya. Jadi ini mungkin ia boleh dipertimbangkan kerana itu adalah realitinya.

Akan tetapi kalau sekiranya, sebab kalau kita boleh, saya setuju kalau memang kita boleh bawa *report* kepada polis saya telah diganasi seperti juga undang-undang *penal* yang lain, namun oleh sebab dalam kes ini dia ada pertalian emosi, jadi keadaannya adalah berlain daripada kalau misalnya orang yang saya tidak kenali memukul saya, ataupun mengugut saya dan sebagainya kerana tidak ada pertalian emosi.

Akan tetapi yang kes ini ada pertalian emosi kerana saya belum habis lagi menceritakan bahawa bagaimana bijaknya pendera ini, suami yang ganas ini ataupun mungkin isteri yang ganas ini, dia fasal pujuk memujuk ini dia cukup hero, pandai. Kebanyakan mereka daripada perkongsian yang kita dapat, setelah dipukul isteri, kadang-kadang sampai lebam mata, pecah bibir dan sebagainya dia akan minta maaf, dia akan minta maaf, dia akan pujuk, berjanji tidak akan melakukannya lagi.

Orang perempuan ini cairlah bila suami pujuk. Dia cair dan dia pun memaafkan, sehinggalah berlaku lagi. Ini yang saya sebut tadi bertahun-tahun berkahwin hanya pada akhirnya selepas berbelas-belas tahun, hanya satu peristiwa kecil mungkin baru dia buat keputusan inilah kali terakhir, baru dia hendak keluar daripada perkahwinan itu. Saya ingin bertanya juga kepada Menteri, di dalam kes-kes yang dikendalikan oleh kementerian, ada atau tidak di kalangan suami-suami yang bila dia memukul isteri dia mengatakan ini hak dia, Islam memberi hak dia untuk memukul isteri dan ini berlaku.

Semasa saya berinteraksi dengan NGO-NGO wanita luar negara, di sesetengah negara Islam dia akan *quote* ayat Quran dalam hadis, Surah An-Nisa ayat 34, di mana dikatakan firman Allah SWT yang bermakna, "*Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka...*". Jadi ini yang diambil dan menjadi peluru kepada mereka-mereka, orientalis dan juga mereka-mereka yang ingin mencari kecacatan di dalam agama Islam bahawa ada ayat Quran yang menghalalkan perkara ini.

Jadi, ada atau tidak di dalam kajian kementerian, mereka-mereka ini menggunakan agama sebagai perisai ataupun sebagai sebab kenapa mereka melakukan atas sebab kerana si isteri itu derhaka, si isteri itu nusyuz. Saya ingin menyampaikan bahawa di dalam menangani masalah rumah tangga, isteri itu derhaka macam mana pun, nusyuz macam mana pun bukan solusinya dengan memukul isteri lebam dan biru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kawan baik saya. Saya cuma hendak menimbulkan satu isu tentang akta ini. Akta ini nampaknya meliputi bukan sahaja suami isteri, ia juga meliputi juga kanak-kanak, OKU yang

duduk dalam rumah tangga itu dan juga bekas isteri dan bekas suami. Jadi kalau boleh itu, Yang Berhormat Kota Raja boleh persembahkan isu lebih besar tentang isu OKU khususnya sebab di kawasan saya memang banyak OKU yang didera ataupun orang yang usia sudah tua, usia emas. Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, saya ingat akta ini *cover*. Dia meliputi kerana di sini disebut anak lelaki, anak perempuan, ibu atau bapa, abang, kakak, adik dan mana-mana saudara lain yang pada pendapat mahkamah adalah seorang anggota keluarga tersebut sama ada dia OKU ataupun dia orang yang cukup anggota dan sifatnya maka sekiranya berlaku penderaan maka kita boleh menggunakan akta ini.

Maknanya bekas suami dan isteri juga walaupun sudah bercerai, sudah berpisah kerana ini adalah masalah seperti yang saya sebut ada pertalian emosi dan sebagainya, kadang-kadang si pendera itu akan terus menerus *stalking*. Saya tidak tahu apa bahasa Malaysia *stalking* ini. Dia akan mengikuti isterinya dan ini pun tidak ada dalam pindaan kita ini. Bahawa sesiapa yang mengikuti ataupun *the word is stalking* bahasa Malaysianya minta maaf saya kurang arif itu, menyakat, mengikuti. *[Disampuk]* Menghantui, apa pun Menteri faham ya. Makna dia mengikuti bekas isterinya dan menakutkan isterinya dan masih lagi mengugut tentang anak-anak dan sebagainya.

Jadi ini adalah luas cuma yang tidak masuk tadi mungkin istilahnya *stalking* itu sebab selepas perpisahan dia masih lagi boleh untuk mengintip isterinya itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sikit, sikit.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ada lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak, saya hendak rujuk balik kepada ayat Quran yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja sebentar tadi. Saya rasa kalau kita baca secara tidak mengkaji, secara mendalam ayat Quran itu membenarkan isteri dipukul. Akan tetapi sedar tidak pihak Yang Berhormat Kota Raja, bahawa maksud pukulan yang dibenarkan itu adalah dia ada beberapa cara. Tinggalkan tempat tidur dulu tiga kali dan akhirnya pukulan menggunakan tuala yang lembut di bahagian kaki sahaja.

Bermaknanya kita kena bagi penerangan, kita tidak boleh kita kata kerana ayat Quran membenarkan makanya ada orang akan menggunakan peruntukan dalam Quran untuk memukul isteri ataupun mangsa-mangsa. Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Setiu. Apa yang saya tanya kepada Menteri, saya faham ayat itu. Apa yang saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri adalah dalam kajian, di dalam kes-kes yang ditemui ada tidak sang-sang suami ini menggunakan dalil ini? Kita tahu kalau kita baca begini sebagai

orang biasa ini memang boleh salah tafsir. Akan tetapi ini berlaku dalam tradisi yang agak ke belakang yang kurang maju, ini diguna, ayat ini diguna tanpa mereka memahaminya kerana mereka mengambilnya secara literal, secara ayatnya sahaja tanpa memahami tafsirannya.

Saya memang bersetuju dengan ini cuma saya hendak bawa ini ke depan ini supaya bila di dalam kajian yang dibuat oleh kementerian, antara perkara yang perlu kita dedahkan pada masyarakat adalah latar belakang mereka, latar belakang mereka dan kefahaman mereka tentang hak seorang suami ke atas seorang isteri.

#### ■1250

Sebenarnya kejadian meningkatnya keganasan terhadap lelaki ini, itu pun kita perlu kaji psikologinya. Bagaimana seorang lelaki atau suami yang berkuasa ataupun yang sepatutnya melindungi isterinya gagal. Akan tetapi saya biasa menonton beberapa filem di mana ini adalah kes di mana sang isteri itu barannya terlampau dan dia memang memukul. Kita tengok kita kata kenapa tidak – mungkin psikologinya samalah juga dengan wanita, tidak tahulah sama ada dia menguasai ekonomi rumah tangga maka suaminya itu dilihat sebagai subordinat atau seterusnya. Seterusnya saya sedikit sahaja lagi...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Raja, boleh saya mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak tambah sedikit satu sudut, maafkan saya kalau saya cakap dari segi akta ini saya sokong tetapi perlindungan sementara ini kepada pegawai-pegawai dan sebagainya. Akan tetapi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi contoh *when you said* naik ke tangan *you out* itu pun saya ambil Yang Berhormat Kota Raja bermaksud melalui posisi-posisi yang sebagaimana tadilah, tiga hari selepas itu pukul dengan *towel* lembut dekat kaki jadi *literally means work out*, esok pagi tinggal ke rumah, itu pun jadi gambaran yang salah, itu satu.

Keduanya, selalunya Yang Berhormat Kota Raja yang menjadi rakan kita, jiran terdekat kita ialah jiran-jiran kita. Kadang-kadang kita yang mangsa ini dia hendak pergi jumpa pegawai susah, dia hendak pergi jumpa orang lain susah. Jadi akta ini memberi *empowerment* perlindungan kepada pegawai kadang hendak cari pegawai pun dia tidak tahu pegawai, yang paling dekat kita ialah jiran kita. Keluarga kita yang terdekat ialah jiran kita. Adakah kita bercadang untuk memasukkan sedikit akta-akta atau *empowerment* ini kepada kumpulan-kumpulan masyarakat? Contohnya jiran kita, JKKK kita, kita punya kariah kerana mereka ini lebih kenal kita sebab pegawai-pegawai ini dia tidak kenal, banyak sangat tempat.

Akan tetapi kalau jiran kita tengok anak kita menangis kena pukul dia lebih peka. Jadi saya minta apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja, dalam akta ini perlu kita ambil kira peranan jiran kita, keluarga terdekat kita sepanjang masa. Jadi saya harap ini menjadi satu peranan sebagai yang saya sebut dalam pelajaran UPNM anak-anak kita secara holistik, jiran kita ini kena ambil peranan. Di sekolah penglibatan ibu bapa dan komuniti, kalau kita harap ibu bapa sahaja contohnya ibu bapa ini kedua-duanya dadah, anak-anak itu siapa yang hendak tengok? Jiran yang terdekatnya tengok.

Jadi peranan komuniti mesti diperkasakan. Saya berharap kementerian ambil peranan bukan sahaja ini, NBOS dengan Kementerian *Home Affairs* dengan pelajaran, pendidikan dan juga kementerian lain yang melihat peranan kejuruan itu sendiri. Amat penting untuk kita menjadi satu *frontline* yang boleh membantu mengekang isu-isu keganasan rumah tangga sebab kalau menangis jiran dulu dengar bukan pegawai yang dengar. Bila pegawai dengar dua, tiga hari kemudian cerita sudah lain. Jadi kita mesti luaskan peluang-peluang untuk mangsa-mangsa ini berjumpa atau berkomunikasi dan menyampaikan mesej-mesej ini. Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sebenarnya ini pun lagi satu kekurangan di dalam akta ini...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, Kota Tinggi.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *Sorry*, minta maaf.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tidak apa selamat hari raya, maaf zahir batin.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, tadi Setiu. Ya, ini lagi satu saya rasa kekurangan di dalam akta ini kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa penderaan ini bukan berlaku sehari dua, dia mengambil masa bertahun-tahun. Kadang-kadang sanak saudara semua tahu, jiran tahu tetapi tidak siapa pun boleh melaporkan pada sedikit masa dahulu sebelum ada *Domestic Violence Act* ini apabila mangsa pergi ke balai polis untuk mengadu dia didera, polis akan menjawab "*This is the domestic issue*". Betul tidak Yang Berhormat Menteri? Ini dulu sebelum ada Akta Keganasan Rumah Tangga ini bahawa pihak polis sendiri menganggapnya suatu ketika dulu ini adalah hal domestik, hal rumah tangga. Tidak ada orang boleh masuk campur.

Jadi sekiranya kita luaskan sedikit tentang pihak ketiga yang mengenali, yang tahu perkara ini berlaku kerana pihak mangsa ini kadang-kadang tidak di dalam satu *frame* ataupun kerangka pemikiran untuk menyelamatkan dirinya. Ini kerana dia selalu memikir untuk menyelamatkan rumah tangganya dan juga untuk berada dengan anak-anaknya kerana bila diugut dengan bahawa sekiranya dia mengadu dan bawanya kepada pihak berkuasa maka beliau akan hilang hak penjagaan beliau ke atas anak-anak. Kita tidak boleh hendak salahkan

dia kerana kebanyakan mereka tidak tahu undang-undang dan mereka menganggap bahawa mereka tidak dipercayai.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Tinggi bahawa kita meluaskan seperti mana untuk Akta Penderaan Kanak-kanak, di mana guru boleh mengadu, dalam kes ini jiran, mungkin ipar ramai, mungkin orang yang duduk satu rumah mengetahui perkara ini maka dia juga boleh membawa aduan ini kepada pihak berkuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya suka hendak memetik isu ini sekali lagi iaitu tentang pandangan masyarakat secara umumnya bahawa masalah keganasan rumah tangga ini sebenarnya masalah peribadi dalam keluarga. Saya rasa ini satu perkara yang amat serius yang patut ditangani sebab seperti yang telah dikatakan bukan sahaja masyarakat secara amnya malah pihak polis, banyak kes di mana apabila dilaporkan polis menasihatkan supaya bertenang sahajalah ataupun cuba berbaik-baik. Saya hendak bagi satu contoh bahawa pandangan sebegini bukan sahaja membahayakan malah ia boleh membawa maut.

Pada tahun 2013 di kawasan saya, mendiang Lai Siew Fong selepas berlaku pertelingkahan yang dianggap selama ini oleh rakan-rakan dan juga oleh polis sebagai hal peribadi telah dibakar oleh suaminya dan akhirnya meninggal dunia. Apabila kita buat siasatan didapati bahawa telah banyak kali beliau cuba untuk membuat laporan polis dan telah banyak kali cuba untuk mendapatkan IPO atau *Interim Protection Order* tetapi gagal. Kegagalan inilah yang menyebabkan akhirnya berlaku kematian, satu perkara yang amat menyedihkan. Saya rasa apa yang kita patut lakukan di sini selain daripada saya rasa perintah perlindungan kecemasan ini merupakan satu *upgrade* atau *improvement* daripada sistem sedia ada.

Akan tetapi saya rasa apa yang lebih penting adalah untuk mendidik ataupun mengasuh masyarakat termasuk pihak polis sekalipun bahawa *domestic violence is not a private family matters, it is a crime*. Ia merupakan satu jenayah dan bukan satu masalah peribadi keluarga. Jadi dari satu pihak kalau ada ahli keluarga, *in fact* ada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya akan gulung. *In fact*, ada sesetengah kes di mana ahli keluarga tersebut menghalang daripada si mangsa daripada membuat laporan kerana takut akan berlaku apa-apa kepada ahli keluarga yang menjadi pemangsa. Saya rasa patut dijadikan satu kes ataupun perkara jenayah di mana sesiapa yang melindungi pemangsa patut dilihat sebagai *accompish of the crime*. Terima kasih.



**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi. Saya hendak habis Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya kerana ini melibatkan rumah tangga, jadi ada klausa baru tentang pemulihan dan sebagainya. Sejauh mana, lama mana kementerian diberi kuasa untuk memantau keluarga ini kerana biasanya dalam kes-kes sebegini kita cuba hendak menyelamatkan keluarga kerana kita memikirkan anak-anak. Tetapi yang biasanya pergi kaunseling adalah isterinya ataupun yang didera. Adakah undang-undang boleh memaksa si suami untuk juga turut pergi kaunseling dan menerima rawatan pemulihan. Kalau tidak ada kuasa ini kepada pihak yang berkuasa, tidak ada di dalam klausa ini maka perkara itu akan berulang dan malah setelah diadu kepada kebajikan masyarakat, pada polis dan menjadi kes polis dan sebagainya si pendera mungkin jadi lebih pendendam.

Jadi orang kata pemulihan, kaunseling adakah ia mandatori dan sejauh mana dari segi hukuman seorang suami atau seorang pendera, hukumannya bagaimana? Sebab saya tahu kementerian kerana menjaga keluarga. Dia tidak menyelesaikan kadang-kadang masalah apabila si suami dipenjarakan dan kemudian anak tidak ada saraan dan sebagainya. Jadi kita tidak hanya boleh berhenti di situ, setelah mendapat perlindungan polis, perlindungan pegawai kebajikan, jadi akhirnya rumah tangganya bagaimana?

Adakah satu strategi satu pelan jangka masa panjang untuk memantau sehingga yang menjadi mangsa sama ada suami dan isteri itu betul-betul bebas daripada ketakutan sama ada tekanan emosi, deraan emosi ataupun deraan fizikal itu sendiri. Kerana kalau tidak kita hanya melaksanakan tugas kita sampai ke satu tahap dan selepas itu kita macam melepaskan mereka tanpa pantauan dan perkara itu boleh berlaku lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor boleh mula petang nanti ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mula petang Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Keganasan rumah tangga. Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.

**2.30 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk saya membahaskan usul Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada rang undang-undang ini, saya melihat satu perkataan yang menjadi ikutan saya iaitu perkataan perkahwinan. Perkahwinan merupakan satu detik yang membahagiakan bagi setiap pasangan. Si isteri dianggap bagaikan permata yang berharga, begitu juga sebaliknya. Perkahwinan adalah ikatan yang membuahkan rasa cinta, bahkan juga mendidik rasa tanggungjawab dan saling bekerjasama serta bantu-membantu di dalam mendidik anak-anak. Justeru itu, setiap pasangan mengimpikan perkahwinan yang dibina ini membentuk keharmonian dan kedamaian mental agar ia kekal sepanjang hayat.

Namun begitu, sekiranya syurga yang dinanti tidak kunjung tiba, sebaliknya neraka yang ditemui di persimpangan, sehingga bermulanya episod duka dan derita dalam kehidupan berumah tangga. Fenomena keganasan rumah tangga ini menjadi satu isu yang amat serius di kalangan komuniti masyarakat dan mendapat liputan di kalangan media massa. Oleh itu, secara amnya dapat diringkaskan bahawa keganasan rumah tangga ini merupakan penggunaan tingkah laku yang sungguh menakutkan, manipulatif atau memaksa oleh satu pasangan dengan tujuan untuk meraih atau mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas pasangan intimnya. Keganasan rumah tangga bersifat lazim, berulang dan rawak dan penderaan boleh dilakukan secara fizikal, psikologi, sosial, seksual atau penyalahgunaan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender, KANITA di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan bahawa satu angka yang membimbangkan kita semua. sembilan peratus daripada wanita yang pernah berpasangan di Semenanjung Malaysia mengalami keganasan rumah tangga pada suatu

ketika dalam hidup mereka. Ini bermakna, lebih 800,000 orang wanita di Malaysia yang berkemungkinan besar telah mengalami masalah keganasan rumah tangga. Manakala, berdasarkan statistik yang diperolehi daripada pihak PDRM, jelas menunjukkan trend kes keganasan rumah tangga di negara ini kian meningkat:

TAHUN	JUMLAH KES
2010	3,173
2011	3,277
2012	3,488
2013	4,123
2014	4,807
2015	5,014
2016	5,796

#### ■1440

Kalau kita lihat di negeri Selangor sebagai contohnya, kes melibatkan lelaki sebanyak 46 orang manakala perempuan 852 orang kes yang telah dicatatkan sehingga tahun 2017 daripada awal Januari. Ini menunjukkan satu trend peningkatan yang bukanlah sesuatu yang harus kita banggakan. Sebaliknya, ia merupakan satu trend yang amat mencemaskan. Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, pindaan terhadap akta ini amatlah sangat penting dan perlu bagi membendung gejala negatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada pindaan ini, jika sebelum ini peruntukan undang-undang sedia ada dilihat tidak cukup kuat untuk melindungi mangsa sehinggakan ada yang berpendapat bahawa peruntukan sedia ada sememangnya mempunyai mekanisme melindungi mangsa keganasan rumah tangga, namun ia dilihat lemah daripada segi aspek penguatkuasaan. Ia berpunca daripada kegagalan sistematik untuk memperoleh perlindungan secara berkesan disebabkan wujud keperluan dan keperluan ini dikaitkan untuk membuktikan penderaan yang dilakukan. Prosedur ini memerlukan pengeluaran perintah perlindungan dan siasatan jenayah yang perlu dilengkapkan terlebih dahulu sebelum keganasan selanjutnya boleh dihentikan. Sementara itu, sesetengah mangsa terus dcederakan ada kalanya sehingga ke penghujung hayat mereka.

Pada ketika ini, mangsa hanya boleh mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan daripada mahkamah. Namun, banyak aduan keganasan rumah tangga berlaku pada hujung minggu dan menyebabkan mangsa tidak dapat mendapatkan perintah tersebut pada kadar segera dan terpaksa menunggu mahkamah beroperasi.

Ini saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, melihatkan daripada segi pindaan yang memperuntukkan kepada perintah perlindungan kecemasan atau dengan izin, *emergency*

*protection order (EPO)* yang akan memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga untuk menghalang si pelaku daripada mencederakan mangsa, menghasut orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga dan juga melarang pelaku memasuki dan seterusnya terlibat di kawasan yang selamat, tempat berlindung, tempat kediaman terutama sekali kediaman bersama atau kediaman alternatif. Perintah ini sangat penting. Ia untuk menghalang terutama sekali bagi mereka yang melakukannya untuk terus melakukan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui EPO, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan segera dalam tempoh 24 jam yang mana prosedur secara *ex parte* dalam keadaan kecemasan iaitu mangsa dalam keadaan ketakutan dcederakan secara fizikal dan telah dcederakan secara fizikal membolehkan mangsa dilindungi. Mengikut pindaan ini juga, perintah EPO berkuat kuasa selama tujuh hari dan jika ianya dilanggar oleh pelaku yang melakukan keganasan rumah tangga tersebut dengan menggunakan keganasan ke atas orang yang dilindungi, boleh didenda RM4,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Ia menjadikan EPO ataupun dengan izin, *emergency protection order* sebagai satu mekanisme perlindungan yang segera dan cepat untuk melindungi mangsa demi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian, masalah ini pada hemat saya, tidak akan berkesudahan sekiranya kalau kita lihat masyarakat di sekeliling mengambil sikap tidak peduli di atas permasalahan yang berlaku. Ini bukan bermaksud masyarakat harus sentiasa mengambil sikap menjaga tepi kain orang, tidak. Akan tetapi, dalam aspek keganasan rumah tangga, elemen mengambil tahu apa yang berlaku di rumah jiran bukan bermaksud kita harus terlibat dalam elemen perhubungan keluarga tersebut. Ini kerana hal yang perlu diambil tahu itu bukan bersifat peribadi sebaliknya lebih kepada memastikan kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Oleh itu, pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membanteras keganasan rumah tangga bukan hanya kita letakkan di bahu kementerian atau kerajaan semata-mata, sebaliknya ianya merupakan satu tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuk NGO, swasta dan masyarakat termasuk juga orang awam di samping memerlukan penggemblengan tenaga yang tinggi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin balik kepada EPO yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Kini kita ada IPO atau *interim protection order*. Masalah dengan IPO adalah pelaksanaan dia.

Sama juga bila kita ada EPO nanti, saya hendak Yang Berhormat Menteri jelaskan, apakah garis panduan atau SOP yang akan diguna pakai sebelum EPO ini diselaraskan

kepada si *victim* nanti? Sebagai contoh, dalam akta kita, kita ada seksyen 3 dan seksyen 4 menerangkan tentang siapa *ex parte* dan juga *protection* ini di kawasan mana dan sebagainya. Terus masuk ke seksyen 5 menerangkan tentang— dan menerima EPO. Tetapi masalah di antara dua bahagian ini— satu permintaan dan satu dah dapat— bagaimana nak dapat ini? Bagaimana nak selaraskan benda ini? Apa SOP dia? Dalam masa 24 jam kita akan dapat tetapi bagaimana nak dapat itu?

Lepas itu, persoalan yang perlu ditunjukkan juga, *special officers* ini siapa? Adakah mereka dilatih? Adakah setiap *district* akan diletak dengan satu pegawai khas untuk menangani masalah begini? Yang itu *practicality* selalunya di IPO kekurangan. Adakah kita akan baiki bila EPO ini ada? Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya mengambil maklum perkara yang dinyatakan dan kemungkinan kalau kita lihat daripada segi akta ini telah jelas tentang daripada segi prosedur EPO tersebut. Cuma daripada segi pelaksanaan untuk memastikan ianya akan dijalankan mengikuti hasrat pindaan akta tersebut.

Saya nak teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Bila merujuk kepada elemen masyarakat yang telah saya nyatakan sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada penggembengan untuk memastikan keganasan rumah tangga ini dapat dibendung, pada hemat saya, kejayaan dasar mahupun program bagi menangani jenayah tersebut bergantung kepada kerjasama padu dan komitmen semua pihak yang terlibat. Dan pendekatan yang diambil haruslah, pada hemat saya, melalui pendekatan yang holistik, menyeluruh, meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian yang begitu komited terutama sekali dalam usaha-usaha melindungi khususnya golongan yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Usaha bersepadu ini perlu dilakukan...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Kuala Selangor setuju, pada pindaan ini disebut hanya pegawai kebajikan masyarakat sahaja sebagai pegawai yang akan menjadi pendamai ataupun pelindung kepada keganasan rumah tangga. Apa kata kalau saya cadangkan supaya tok-tok penghulu, penghulu-penghulu mukim yang lebih dekat dengan masyarakat, lebih rapat dengan masyarakat, lebih tahu keadaan masyarakat terutama melalui ketua-ketua kampung dimasukkan sebagai unsur dalam rang undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit. Saya fikir cadangan itu sangat baik kerana yang paling penting bila sesuatu pindaan itu dilakukan, daripada segi pelaksanaan dan objektif itu dapat merentasi masyarakat terutamanya sekali daripada segi pencegahan.

## ■1450

Saya fikir ini satu perkara yang harus mungkin kementerian boleh ambil maklum, kaedah-kaedah dari segi pelaksanaan. Ini kerana yang paling penting sekali penglibatan masyarakat ini bukan hanya terletak kepada pegawai JKM semata-mata. Ini kerana contoh di kawasan saya Kuala Selangor, penduduk 473,000 orang Tuan Yang di-Pertua. Tentang masalah keganasan rumah tangga saya mungkin tidak dapat maklumat daripada pegawai JKM, sudah tentu mendapat maklumat daripada mungkin ketua-ketua masyarakat yang ada. Jadi saya fikir ini satu kaedah dan cadangan yang sangat baik yang boleh difikirkan dan dihalusi terutama sekali bagi pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk tentang perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Parit itu juga, elemen intervensi ini sangat penting apabila melihat kepada pindaan akta. Ini kerana apabila merujuk kepada usaha bersepadu khususnya bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita terhadap tanggungjawab dan menangani isu keganasan rumah tangga ini harus dipertingkatkan.

Tadi saya mendengar daripada perbincangan oleh Yang Berhormat Parit Sulong menyatakan ada statistik keganasan rumah tangga yang menjadi mangsanya lelaki. Pada hemat saya ini sangat membimbangkan. Ini kerana ia boleh menjejaskan struktur masyarakat yang ada. Jadi pada hemat saya, sudah tentu mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bagi contoh nanti, bentuk apakah keganasan rumah tangga terhadap lelaki Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana pada hemat saya ini sangat penting. Takut nanti ia akan menjadi trauma bagi lelaki untuk berkahwin pada masa akan datang. Jadi pada hemat saya, ini sangat penting sebagai satu ingatan dan kesedaran lebih-lebih lagi bagi generasi muda supaya mereka boleh menganggap perkahwinan ini penting dalam membentuk satu masyarakat terutama sekali bagi Malaysia yang akan menjadi sebuah negara maju pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada memperkasakan pelaksanaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini, saya percaya pindaan undang-undang ini telah berjaya memperuntukkan satu bidang kuasa yang menyeluruh bagi menangani keganasan rumah tangga. Namun demikian, saya juga percaya bahawa ia tidak akan berjaya sekiranya ...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sibuti.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Silakan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar bahawa keganasan itu selalunya berlaku kepada pihak wanita ataupun isteri. Tadi saya dengar ada juga pihak lelaki. Sebenarnya lelaki banyak juga yang kena dera ini tetapi tidak mudah diperbesar-besarkan ataupun diuar-uarkan sebab perlindungan kepada isteri adalah lelaki. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor bahawa kita lelaki ini patut juga berani menampilkan diri dan laporkan bahawa kita pun kena dera oleh isteri kita

yang tidak pernah kita dengar pun. Kalau ada, baiklah Yang Berhormat Menteri nanti memberi satu jalan bagaimana kita boleh meyakinkan bahawa pihak yang berkuasa menerima laporan lelaki. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Apabila saya mendengar apa yang beliau nyatakan, mungkin ada trauma tertentu yang mungkin berlaku mungkin dalam kawasan beliau ataupun kenalan yang beliau temui terutama sekali bagi lelaki.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kenangan.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena? Ini kerana bagi saya yang paling penting kita hendak membina masyarakat, kita hendak membina institusi keluarga yang harmoni lebih-lebih lagi apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju, elemen-elemen keganasan ini sepatutnya dikurangkan. Akan tetapi yang menjadi menakutkan saya, tadi Yang Berhormat Sibuti menyatakan lebih-lebih lagi keganasan rumah tangga ini lelaki juga menjadi mangsa. Ini satu perkara yang sangat serius yang harus ditangani.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pasal isteri hendak berlian.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Itu mungkin andaian. Akan tetapi yang paling penting mungkin pihak kementerian pada hemat saya dan saya menyokong kepada saranan Yang Berhormat Sibuti, sudah sampai masanya kalau wanita bangkit untuk menyatakan bagaimana hak mereka itu dilindungi terutama sekali dalam menangani keganasan rumah tangga ini, lelaki juga harus bangkit dan bangkit mereka ada beberapa keadaan sama ada bangkit itu dengan menyuarakan pandangan mereka. Mungkin di peringkat kementerian ada sektor kaunseling yang boleh mereka nyatakan secara terus. Cuma dari segi pandangan kaunseling ini, mungkin ada laporan yang saya terbaca dari segi elemen kaunseling lelaki ini dia mudah bicara dengan kaunselor perempuan berbanding lelaki dengan lelaki. Jadi saya tidak tahulah sama ada ini benar atau tidak benar.

Jadi oleh sebab itu saya lihat perkara ini semakin hari semakin mencabar lebih-lebih lagi kalau kita lihat statistik yang telah ditunjukkan iaitu terutama sekali kajian daripada Universiti Sains Malaysia menunjukkan *trend* penderaan terutama sekali golongan lelaki semakin meningkat saban tahun. Mungkin Yang Berhormat Pokok Sena juga mungkin ada formula kalau difikirkan andaian tersebut boleh dinyatakan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, isteri saya tidak dera saya dan dia pun tidak minta berlian warna merah jambu itu.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, ini andaian. Yang Berhormat Pokok Sena memberikan andaian Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak balik kepada akta ini Tuan Yang di-Pertua. Apabila merujuk kepada pelaksanaan akta ini, sudah tentu Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya apabila merujuk

kepada akta ini saya fikir bagaimana kejayaan pindaan akta ini sudah tentunya harus kita perkasakan institusi-institusi, terutama sekali dari segi elemen pencegahan. Ini kerana kalau kita lihat dari segi peruntukan undang-undang ...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya sila.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya cuma ingin hendak mendapatkan sedikit penjelasan mungkin melalui Yang Berhormat Kuala Selangor menyebutkan tentang penderaan terhadap orang lelaki ataupun dalam konteks ini adalah suami.

Jadi kalau boleh saya minta untuk Yang Berhormat Kuala Selangor untuk meneliti semula bahawa orang lelaki yang menjadi statistik kepada Akta Keganasan Rumah Tangga ini adalah akibat dari mereka itu dipukul ataupun dikasari oleh saudara-saudara lelaki kepada isteri seperti abang dia, adik dia, sepupu dia, bapa dia, *uncle* dia. Jadi saya ingat statistik itu mesti harus lebih tepat agar tidak memberikan gambaran bahawa seolah-olah lelaki, suami ini sudah jadi suami dayus ataupun suami lembik yang isteri pula pukul dia. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Saya fikir ini andaian yang harus diperjelaskan oleh pihak kementerian. Ini kerana statistik tidak boleh menipu, statistik merupakan satu elemen yang menjadi perkara yang dinyatakan hasil daripada berlakunya sesuatu perkara. Jadi sudah tentu pada hemat saya, kita kena hentikan andaian-andaian yang boleh menjejaskan sesuatu persepsi. Jadi pada hemat saya, pihak kementerian boleh menyatakan contoh-contoh supaya kita tidak lari daripada garis sebenar perkara yang dikaitkan dengan keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, menjurus kembali kepada pelaksanaan akta ini. Saya lihat usaha dilakukan oleh pihak kementerian begitu murni. Saya percaya pindaan undang-undang ini juga telah memperuntukkan bidang kuasa yang menyeluruh bagi menangani keganasan rumah tangga.

Namun demikian, sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, pelbagai pihak harus bersama-sama terlibat terutama sekali bagi memperkasakan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga PDRM, Strategi NBOS (National Blue Ocean Strategy) ini perlu diperluaskan di antara dua agensi bagi mengurangkan birokrasi dan perbezaan serta ketidakfahaman bidang tugas masing-masing agar mangsa keganasan rumah tangga mendapat pembelaan sewajarnya dan bukannya disepak ke sana ke mari bagaikan bola apabila mereka meminta pertolongan daripada pihak berkuasa.

Kita kena hentikan elemen golongan mangsa yang diarah pergi ke pelbagai tempat dan tidak ada penyelesaian untuk menanganinya. Jadi saya fikir bagi memastikan kejayaan pelaksanaan rang undang-undang ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan PDRM mungkin



perlu mengambil pelbagai inisiatif mengadakan kursus atau seminar untuk menambahkan ilmu dan kefahaman kepada para petugas dan juga anggota. Ini supaya mereka benar-benar faham apa itu perintah EPO, IPO dan PO supaya tidak ada lagi penganiayaan terhadap ibu-ibu tunggal, anak-anak dan wanita untuk mendapatkan perintah tersebut.

■1500

Saya amat yakin usaha ini telah dilakukan dengan begitu baik di bawah Kementerian Yang Berhormat. Cuma ianya perlu agar ia tidak sekadar indah di atas kertas tetapi sebaliknya disebabkan oleh pelaksanaannya yang tidak bersungguh-sungguh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya, silakan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Izinkan saya mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor supaya khususnya agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengadakan kursus-kursus. Saya ingin mencadangkan kepada – pandangan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor agar agensi seperti JKM ataupun agensi-agensi lain yang difikirkan sesuai menjadikan KPI mereka untuk membuat *community engagement* ataupun *interfacing* dengan kumpulan-kumpulan masyarakat.

Contohnya macam JKK kampung, kariah, yang mana mereka ini akan menjadi platform dan memahami dan menjadikan KPI menangani keganasan rumah tangga itu sebahagian daripada skop kerja mereka ataupun skop pengawasan dan pemantauan mereka dan ini akan menjadikan mereka lebih mengetahui isi kariah mereka atau kumpulan masyarakat di bawah pengawasan mereka. Ini akan lebih memberi ruang yang lebih besar kepada kejiwaan ataupun mangsa-mangsa untuk berjumpa dengan mereka dan sekiranya laporan-laporan ini dibuat, pemantauan dibuat dan dilaporkan kepada pihak-pihak tertentu contohnya Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun polis, ia akan lebih membawa *weightage* ataupun berat yang lebih baik untuk mangsa. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya fikir apa yang telah dinyatakan, dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi ada benarnya untuk diperluaskan dari segi NBOS, Strategi Lautan Biru ini kerana jangan kita letakkan bahu JKM dan PDRM semata-mata dalam usaha untuk menangani keganasan rumah tangga. Mungkin boleh diperluaskan kepada JKK bahkan saya ingin memuji tindakan Yang Berhormat Menteri memperkenalkan Sukarelawan *Home Help* sebagai contoh. Sukarelawan *Home Help*, begitu juga sukarelawan-sukarelawan yang lain kerana pada hemat saya, mereka juga harus dilibatkan secara menyeluruh.

Ini kerana mengambil contoh dalam Parlimen saya, Kuala Selangor, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat antara agensi yang melakukan tugas menjaga masyarakat di samping JKM dan PDRM, Sukarelawan *Home Help* ini tanpa memikirkan soal-soal wang ringgit, mereka sentiasa pergi ke komuniti antara komuniti yang lain untuk menggerakkan aktiviti di bawah objektif kementerian.

Jadi pada hemat saya, sudah tentunya apabila menyebut tentang menangani keganasan rumah tangga dan menerusi pindaan ini, saya fikir sudah sampai masanya kita harus bergerak seiring dan sekata dengan hasrat kementerian terutama sekali Yang Berhormat Menteri yang memperkenalkan pindaan ini supaya akhirnya nanti bila kita merujuk sebagai rumusan perbahasan saya, wanita diciptakan daripada tulang rusuk lelaki dan bukannya daripada kepala untuk disanjung dan bukannya daripada kaki untuk dijadikan alas. Sebaliknya supaya ia kekal di sisi dan disayangi dan inilah falsafah kenapa perlu pindaan ini wajar kita sokong dan kita gerakkan semangat pindaan ini di peringkat akar umbi. Akhir kata, Kuala Selangor mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

### **3.03 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017.

*Alhamdulillah*, kita sekali lagi mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan tahniah kepada pihak kementerian kerana berjaya mengadakan pindaan terhadap akta yang cukup penting untuk kita memastikan terutama kebajikan kepada institusi keluarga. Satu institusi yang cukup penting dalam membina sebuah negara yang berjaya. Kita mengharapkan dengan pindaan akta ini supaya kita dapat menangani segala isu-isu yang berbangkit terutama yang melibatkan keganasan rumah tangga yang kita melihat statistiknya 74 peratus adalah melibatkan mangsa di kalangan kaum wanita dengan kita tidak menafikan 26 peratus mangsanya adalah di kalangan kaum lelaki.

Ini bermakna akta ini bukan semata-mata untuk membela wanita malah membela kedua-dua tidak kira lelaki dan wanita dan kita mengharapkan kerjasama daripada seluruh masyarakat untuk memastikan pindaan yang kita buat ini, akta yang kita buat ini benar-benar dapat menjadi penyelesaian terhadap pelbagai isu terutamanya yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, institusi perkahwinan adalah institusi yang cukup penting. Satu ikatan yang ikhlas, yang suci, yang diikat dengan ikatan perkahwinan semata-mata untuk mendapat kalau dalam Islam untuk mendapat redha Allah SWT. Seharusnya perkahwinan ini

adalah satu yang boleh mencapai kebahagiaan antara dua insan dan bukannya meletakkan keganasan menjadi perkara yang menjadi isu dalam keluarga. Ini kerana isu ganas ini tidak sepatutnya berlaku pada insan. Sepatutnya isu ganas ini berlaku pada binatang ataupun makhluk yang bukan manusia. Akan tetapi hari ini apabila manusia tidak berpegang kepada agama, kita melihat bagaimana institusi ini begitu parah dan paling malang sekali mangsanya adalah di kalangan anak-anak. Ramai anak-anak yang terabai hasil daripada keganasan dan membawa kepada penceraian rumah tangga.

Angka 15,617 keluarga yang terlibat dengan keganasan dalam tempoh dua tahun daripada tahun 2014 sehingga 2016 adalah satu angka yang cukup besar. Maknanya purata kita melihat di sini 650 kes sebulan ataupun lebih daripada 21 kes sehari. Angka ini mungkin akan bertambah lagi dalam masa-masa yang akan datang. Jadi pindaan rang undang-undang ini cukup tepat dengan keadaan yang masih ada pada hari ini. Cuma saya ingin penjelasan di sini ialah sejauh mana kementerian melihat pindaan akta ini menjadi penyelesaian yang menyeluruh terhadap permasalahan yang ada. Ini kerana kita lihat banyak perkara yang tidak hanya selesai dengan undang-undang. Banyak perkara yang perlu selesai dengan melalui pendidikan, melalui ilmu kefahaman yang perlu kita terapkan terutama di kalangan pasangan atau keluarga yang terlibat.

Merujuk kepada akta yang telah dipinda, saya ingin penjelasan sejauh mana perkara ini, undang-undang yang telah digubal ini dapat memberi pembelaan terhadap terutama kepada kaum wanita khususnya. Saya bagi contoh sekiranya suami di penjara dan dikenakan hukuman sebagai mana yang disebut dalam undang-undang ini. Apabila suami ataupun isteri yang terlibat dengan kesalahan ini, mana-mana orang yang terlibat, mereka akan didenda tidak melebihi RM2,000 atau di penjara dalam tempoh tidak melebihi enam bulan ataupun mana-mana sengaja melanggar perintah, diberi denda sebanyak RM4,000 atau penjara ataupun selama tidak lebih daripada satu tahun. Ketiga, di penjara tidak lebih daripada dua tahun dan juga didenda tidak melebihi RM5,000. Ini pelanggaran terhadap perlindungan perintah. Jadi saya ingin tahu sejauh mana undang-undang yang kita tetapkan ini dapat betul-betul boleh memberi pengajaran kepada pesalah. Mungkin pesalah yang melakukan keganasan ini orang yang kaya, orang yang berharta. Bagi mereka denda RM2,000 dan RM5,000 ini tidak ada apa-apa. Jadi sudah tentulah tidak memberi kesan terhadap penyelesaian.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana undang-undang ini dilihat dapat menyelesaikan segala masalah. Bagi yang melibatkan keluarga-keluarga miskin, adakah ada inisiatif daripada kerajaan untuk memberi elaun kepada mangsa-mangsa yang terlibat terutama isteri ataupun keluarga yang menjadi mangsa penderaan oleh suami yang ganas yang mereka tidak boleh mencari sara hidup sendiri. Jadi dalam keadaan apabila suami di penjara, ibu pula dalam keadaan mungkin cedera kerana keganasan, maka anak-anak terabai. Jadi dalam

keadaan ini, apakah satu alternatif bagi keluarga ini untuk menyara kehidupan mereka dalam keadaan suasana keluarga yang dalam bermasalah seperti ini.

Saya ingin tahu juga sekiranya kes ini berulang, sekiranya keganasan ini berlaku berulang kali, jadi apakah tindakan yang akan dilakukan kepada pesalah? Apakah solusi terhadap permasalahan yang ada? Adakah akhirnya keluarga ini akan bercerai ataupun sebagainya.

#### ■1510

Ini saya ingin jawapan daripada pihak kementerian. Saya ingin tahu juga apakah wanita boleh menuntut pampasan atau kerugian daripada pihak suami sekiranya disebabkan keganasan dilakukan menyebabkan kecacatan. Saya bagi contoh ada satu kes seorang wanita yang didera oleh suami sehingga membawa kepada maut. Satu kes yang cukup menyentuh hati. Ini akibat daripada suami yang mungkin terlibat dengan masalah mental, ada juga mungkin terlibat dengan dadah dan sebagainya. Dia baling isteri dia melalui tingkap, ini kes *real* sehingga patah tulang tengkuk dan perkara ini diketahui lebih daripada setengah hari makna lebih kurang enam jam selepas berlaku baru jiran dia sedar. Maknanya isteri dia pengsan terus. Jadi apabila perkara ini dibawa ke hospital dan setelah beberapa bulan di hospital dirawat, akhirnya isteri dia meninggal dunia yang menjadi mangsa adalah anak-anak.

Jadi amat malang sekiranya perkara ini berlaku. Sekiranya berlaku isu-isu yang seperti ini apakah pampasan ataupun ganti rugi ataupun apa yang patut oleh pihak isteri supaya maknanya keganasan yang dilakukan ini yang boleh membawa kecacatan kekal dan sebagainya. Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri dan sekiranya berlaku saya ingin tahu juga berlakunya unsur penipuan.

Dalam dunia akhir zaman ini bermacam-macam orang boleh buat. Ada yang mungkin curang dengan suami. Dia sengaja membuat kes-kes penipuan mengatakan dia didera dengan suami kerana dia hendak suaminya menceraikan dia, sedangkan suaminya tidak pukul dia mungkin dia boleh buat macam-macam supaya nampak bahawa ada kesan-kesan. Jadi di sini dalam kes ini apakah selain daripada laporan yang dibuat oleh isteri, saksi-saksi apakah perlu untuk memastikan bahawa pengadu itu tidak melakukan penipuan apabila didakwa dia didera supaya tidak ada berlaku penipuan dan apakah suami juga akan dikenakan tindakan dengan cara lain untuk mengesahkan.

Kalaulah suami dia itu tidak bersalah, sekiranya dibawa ke mahkamah alhamdulillah perkara ini tidak dibuktikan bersalah tetapi sekiranya mungkin suaminya kerana pandai pujuk rayu, pandai dia buat helah menyebabkan suaminya ataupun pasangannya dijatuhkan hukuman, jadi apakah tindakan adakah prosedur dalam undang-undang ini untuk kes-kes yang saya sebutkan seperti ini.

Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan pasangan kurang upaya, orang OKU yang mungkin berlaku juga keganasan di kalangan pasangan bisu. Pasangan bisu

ataupun pasangan pekak ataupun pasangan yang cacat penglihatan. Jadi mungkin maknanya macam mana pembuktian yang membuktikan mereka ini hendak mengadu, hendak memberitahu, hendak membawa maklumat ini kepada pegawai kebajikan sebab mereka tidak boleh berbicara macam orang biasa. Jadi apa prosedur yang dibuat dalam undang-undang ini untuk memastikan golongan ataupun pasangan seperti ini juga mendapat pembelaan yang sepatutnya.

Seterusnya saya ingin tahu tentang persediaan pegawai sebab kita tahu dalam menangani isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga ini bukan mudah sebagaimana isu-isu yang lain sebab ia melibatkan sentimen kekeluargaan dan sudah tentulah pasangan yang mengalami ini akhirnya tidak mustahil akan membawa kepada perceraian selepas di penjara dan sebagainya. Mungkin suaminya sudah tawar hati atau isterinya dan sebagainya dan akhirnya berlaku perceraian jadinya mangsa kanak-kanak.

Jadi saya ingin tahu apakah prosedur latihan khusus diberi kepada pegawai kebajikan masyarakat ataupun pihak polis yang akan mengendalikan keganasan ini sebab kadang-kadang mereka memerlukan juga bimbingan, kaunseling dan sebagainya untuk memastikan supaya tidak berlaku lebih ganas lagi. Takut-takut selepas daripada itu dia akan ulang dengan keadaan dendam yang lebih teruk lagi.

Jadi perkara ini perlu kita beri perhatian yang serius. Kalau kita lihat dalam Islam mengajar kita dalam apabila berlaku pertembungan masalah kekeluargaan ini patutnya pihak ibu bapa sama ada pihak ibu bapa sendiri ataupun mertua seharusnya memainkan peranan. Jadi di sini adakah pihak dalam akta ini mengambil perhatian terhadap peranan keluarga ataupun pihak ketiga dalam keluarga ataupun pihak ibu bapa kedua-dua pasangan ini untuk memastikan keluarga ini tidak terus menjadi mangsa keganasan.

Saya mengambil kesempatan ini juga terutama untuk kita sebagai ibu menasihatkan kepada anak-anak muda yang berkahwin supaya kita kena bina rumah tangga ini dengan rasa "*mawaddah warahmah*", rasa kasih sayang kerana Allah. Itu sangat penting jangan jadikan kebiasaan menggunakan tangan ataupun penampar ataupun menggunakan aksi fizikal yang ganas untuk menyelesaikan apa-apa isu. Jadi dalam inilah perlunya pendidikan daripada rumah.

Jadi untuk penyelesaian terhadap semua ini rang undang-undang sangat penting, akta juga penting tetapi ia bukanlah penyelesaian terhadap segala-galanya. Ia perlu bermula daripada pendidikan agama dan saya mengharapkan *insya-Allah* kerajaan boleh menyusun program-program pendidikan rumah tangga ini lebih kerap tidak cukup hanya dua hari kursus untuk mendapat sijil sebelum berkahwin tetapi kita mengadakan program berkala.

Program keibubapaan, program untuk melahirkan kasih sayang sebagaimana kita buat di Kelantan, program hari suami isteri. Mungkin kita boleh buat di peringkat negara untuk melahirkan rasa mawaddah kasih sayang di antara suami dan isteri kita mungkin

programkannya untuk merapatkan lagi ukhuwah dan kasih sayang, saling bertanggungjawab, suami ada peranannya, isteri ada peranannya, ibu bapa juga ada peranannya supaya kita dapat melahirkan keluarga yang mawaddah, keluarga yang sentiasa diberkati oleh Allah yang akan menjadi tempat berlindung anak-anak dan untuk membimbing generasi masa depan. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

### **3.16 ptg.**

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 atau dikenali sebagai Akta 521. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga merupakan satu usaha kerajaan menimbangkan kebajikan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang kian meningkat sejak kebelakangan ini. Didapati kes-kes jenayah keganasan rumah tangga kian meningkat dari 3,468 kes pada tahun 2000 kepada 5,796 kes pada tahun 2016. Ini telah menunjukkan satu masalah isu sosial yang tersangat serius.

Tuan Yang di-Pertua, perintah perlindungan atau dipanggil Protection Order (PO) dan juga Interim Protection Order (IPO) perlu diperkasakan untuk melindungi mangsa yang terbabit. IPO adalah perlindungan yang dilaksanakan untuk melindungi mangsa keganasan semasa proses siasatan polis manakala PO dilaksanakan untuk melindungi mangsa semasa prosiding mahkamah.

Dalam pindaan ini satu PO akan bermula apabila tempoh waktu IPO itu telah tamat. Walau bagaimanapun, ini satu pindaan yang baik. Saya ingin memberi perhatian kepada kenyataan bahawa di bawah seksyen 6 ini PO ini hanya tidak melebihi satu tahun atau 12 bulan. Jika dibandingkan dengan waktu satu kes mahkamah boleh berlarutan dan tempoh ini mungkin tidak mencukupi.

Walaupun PO ini tidak boleh dipanjangkan atau *extended*, dengan izin tempoh ini akan menambahkan tidak melebihi 12 bulan dan permohonan ini hanya boleh dilakukan sekali. Untuk perlindungan yang melebihi tempoh tersebut mangsa perlu memfailkan satu PO yang baru. Pada pendapat saya, proses yang memfailkan satu PO yang baru selepas *extension* itu tamat bukanlah sesuatu yang mudah untuk mangsa terutamanya selepas terpaksa mengharungi pelbagai kesusahan. Maka saya mencadangkan bahawa tempoh asas PO itu diberikan pertimbangan untuk dipanjangkan ataupun permohonan untuk memanjangkan PO itu dibenarkan dilakukan lebih daripada sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta 521 ini didapati tiada peruntukan yang jelas untuk kes keganasan rumah tangga bagi pasangan yang tidak berkahwin. Pemakaian akta ini adalah terhadap pasangan yang sudah berkahwin. Akta ini tidak menjelaskan hak-hak atau

memberi peruntukan untuk pasangan yang tidak berkahwin yang tinggal bersama dalam satu rumah. Ini bermakna pasangan yang tidak berkahwin tidak akan mendapat perlindungan yang sama seperti pasangan berkahwin di bawah akta ini. Sekiranya ada pasangan yang sudah bertunang yang mengalami masalah keganasan maka haknya tidak dilindungi di bawah akta ini.

■1520

Kemungkinan bilangan kes keganasan sebenar adalah jauh lebih tinggi sekiranya kes pasangan tidak berkahwin termasuk juga. Perkara ini tidak akan membendung keganasan secara keseluruhan. Maka saya cadangkan untuk memberi hak kepada pasangan yang tidak berkahwin yang menjadi mangsa keganasan. Ini akan menjadi satu langkah yang memastikan pasangan yang tidak berkahwin tidak mengambil kesempatan ke atas ketiadaan peruntukan ini. Itu sahaja. Saya menyokong pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga. Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga. Saya rasa, saya memang setuju dan menyokong segala pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kita. Akan tetapi saya rasa di sini, walaupun pindaan telah diperkenalkan beberapa kali dan kali ini kita memperkenalkan EPO ini. Satu langkah yang bagus. Akan tetapi bagi saya, apa yang lagi penting adalah kita memastikan bahawa kes-kes keganasan rumah tangga ini selepas mangsa membuat laporan polis, kes-kes itu adalah dibawa ke mahkamah dan sesiapa yang dituduh itu adalah dijatuhi hukuman. Itu yang lagi penting.

Kita nampak pada tahun 2015, okey, ini adalah statistik yang dibekalkan oleh KDN pada bulan Mac yang lalu. Antara tahun 2015, jumlah kes keganasan rumah tangga yang terima oleh KDN kita adalah sebanyak 5,014 kes. Akan tetapi, kes yang dibawa ke mahkamah hanyalah 1,404 kes. Iaitu 28 peratus sahaja dan kes-kes yang dijatuhi hukum hanyalah 308 kes sahaja. Maksudnya, kalau kita banding kes-kes yang dijatuhi hukum dengan jumlah laporan yang diterima oleh pihak polis, tidak sampai lah enam peratus punya kes yang dijatuhi hukum. Pada tahun 2016, situasinya lebih kurang sama. Jumlah kes yang PDRM terima meningkat lagi. Tahun yang lalu kita menerima 5,796 kes yang berkenaan keganasan rumah tangga. Kes yang dibawa ke mahkamah memang meningkat secara mendadak. Tahun yang lalu kita ada 3,066 kes yang dibawa ke mahkamah iaitu lebih daripada lima peratus.

Saya di sini hendak ucap tahniah kepada PDRM dan kepada pendakwa negara kita. Akan tetapi isu yang sama, kes yang dijatuhi hukum tidak sampai 500 kes. Kes yang jatuh hukum itu hanyalah 491 kes sahaja. Jadi kalau kita banding kes yang jatuh hukum dengan jumlah aduan yang diterima oleh PDRM, tidak sampailah. Lebih kurang hanya lapan peratus punya kes yang dijatuhi hukum. Jadi saya hendak tanya di sini, kita ini EPO adalah satu

langkah yang bagus, *Emergency Protection Order* ataupun *Protection Order*. Ini adalah satu langkah yang bagus, saya memang menyokong sepenuh-penuhnya. Akan tetapi saya hendak tanya sekiranya kebanyakan kes yang berani buat laporan polis, 90 peratus punya kes pada akhirnya hanya dibebaskan sahaja. Masih kita boleh pakai EPO ini atau PO lagi tidak? Kalau orang yang dituduh itu pun telah dibebaskan tanpa sebarang hukuman. Sama ada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini masih boleh dapat EPO ataupun PO.

Jadi saya rasa ini adalah satu *root cause* ataupun satu isu yang besar yang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat perlulah mengambil berat. Saya rasa selagi *ratio case* yang jatuh hukuman ini begitu rendah. Saya rasa pertamanya, mangsa-mangsa yang cukup berani untuk buat laporan polis jumlahnya akan menjadi rendah dan walaupun ada yang berani untuk buat laporan polis tetapi akhirnya saya rasa suami ataupun isteri yang dituduh itu akan lari, lepaskan sahaja. Jadi kita tidak dapat itu, nampak kesan itu ataupun *protection*, perlindungan yang kita ingin untuk golongan isteri dan suami itu.

Isu kedua, juga saya merujuk kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada bulan Mac yang lalu. Statistik menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa keganasan rumah tangga lebih kurang ada 20 peratus ini adalah mangsa umurnya adalah di bawah 25 tahun. Pada tahun 2015, lebih kurang 888 punya kes yang umur mangsanya adalah di bawah 25 tahun, iaitu 17 peratus. Pada tahun 2016, mangsa yang umurnya di bawah 25 tahun adalah sebanyak 1,076 kes. Ini adalah lebih kurang 18 peratus.

Jadi, ini menunjukkan bahawa memang sepanjang masa ini mangsanya ada lebih kurang dua peratus umurnya adalah di bawah 25 tahun. Ini sebenarnya juga disokong oleh pelbagai kajian yang telah dibuat yang menunjukkan bahawa memang orang yang muda ini mereka tidak cukup matang untuk melindungi diri sendiri dan kebanyakan masa muda mereka menjadi mangsa keganasan sama ada fizikal ataupun mental.

Jadi saya hendak tanya di sini, terutamanya kes-kes yang melibatkan perkahwinan bawah umur ini. Apa peranan ataupun rancangan ataupun langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan bahawa pengantin-pengantin ataupun rumah tangga yang melibatkan perkahwinan bawah umur ini adalah dilindungi, mereka tahu hak-hak mereka dan kita memastikan bahawa mereka tidak akan jadi mangsa keganasan rumah tangga.

Di sini saya hendak sebut dua kes kerana dalam kedua-dua kes ini, sebenarnya pengantin itu adalah mangsa rogol, *statutory rape* punya mangsa. Perogol ini, saya ada dua kes di sini, satu adalah bernama Riduan Masmud dan kedua namanya adalah Ahmad Syukri Yusuf. Walaupun kedua-dua orang ini sekarang dituduh di bawah *statutory rape*. Akan tetapi mangsa, mereka kahwin dengan perogol ini. Jadi di sini saya hendak tanya mangsa rogol bawah umur ini, mereka semua adalah 14 tahun sahaja. Tidak sampai 16 tahun.



Jadi apa langkah yang telah diambil Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan bahawa pengantin-pengantin bawah umur ini adalah di bawah jagaan yang baik terutamanya dalam kes Riduan Masmud. Orang ini sebenarnya telah dijatuhi hukum. Sekarang di dalam penjara dan dia juga ada seorang isteri. Anak yang paling bongsu kepada Riduan Masmud ini sebenarnya umurnya lebih tua daripada mangsa rogol dia. Jadi saya hendak tanya apa itu langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan bahawa pengantin-pengantin bawah umur ini mereka di bawah perlindungan yang baik, jagaan yang baik? Sama ada mereka ada pergi ke sekolah, masih bersekolah ataupun mereka terus menjadi mangsa keganasan rumah tangga kerana risikonya adalah cukup tinggi.

Saya rasa perkahwinan bawah umur ini bukan sahaja melibatkan kaum Muslim. Di antara tahun 2010 sampai tahun 2015, kes-kes bawah umur ini, perkahwinan bawah umur ini, ada juga 2,775 kes yang melibatkan kaum bukan Muslim. Saya hendak tanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mengatasi isu ini? Jawapan lalu yang diberi oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bahawa memang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga setuju bahawa perkahwinan bawah umur ini adalah satu isu yang tidak digalakkan.

Jadi, tetapi sampailah hari ini, apa langkah yang telah kita ambil untuk mengatasi isu ini kerana bulan Mac yang lalu apabila kita ada satu Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak, tetapi malangnya akta tersebut tidak mengharamkan perkahwinan bawah umur, perkahwinan kanak-kanak.

#### ■1530

Jadi apa langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa golongan ini mereka tidak akan- oleh sebab kahwin awal, dan mereka menjadi, mempunyai risiko yang tinggi untuk menjadi seorang mangsa keganasan dalam rumah tangga. Saya rasa pada awal tahun ini, satu kes yang cukup sedih berlaku di Kepong. Seorang gadis yang bernama Cheng Xiang Ting. Beliau bunuh diri dan sebenarnya kalau kita tengok balik cerita dia, dia juga seorang yang kahwin awal, umur 16 tahun sudah kahwin.

Jadi ini sebenarnya- ini juga adalah salah satu contoh perkahwinan kanak-kanak. Sebenarnya dia kahwin oleh sebab sudah mengandung, sudah hamil tetapi semasa beliau masih hamil, sudah berlaku keganasan di antara dia dengan suami dia. Dia sudah menjadi seorang mangsa keganasan rumah tangga. Akan tetapi oleh sebab dah tidak tahu hendak pergi ke mana untuk dapat bantuan. Jadi pada akhirnya, selepas beberapa tahun, beliau buat satu keputusan yang cukup sedih, beliau membunuh diri. Jadi saya rasa di sini, kita perlu tahu bahawa, dan kita perlu faham bahawa banyak mangsa keganasan rumah tangga ini, mereka tidak berani untuk bercerai oleh sebab mereka tidak tahu bagaimana kita boleh memastikan kehidupan dia dan juga anak-anak dia.

Sekarang sistem kita, kalau selepas penceraian, seseorang ibu tunggal kalau hendak dapat itu nafkah daripada suaminya, cukup susah. Cukup susah. Tidak ada satu institusi yang boleh bantu mereka. Untuk kes-kes perkahwinan sivil, mereka perlu pergi ke mahkamah. Dapatlah satu *committal order* untuk minta pihak polis atau pembela pergilah tangkap suami itu letak di penjara, barulah mereka boleh dapat nafkah untuk kanak-kanak mereka.

Saya hendak tanya di sini, saya setuju dengan usaha Yang Berhormat Menteri untuk memperkenalkan EPU ini. Akan tetapi saya rasa, untuk mangsa-mangsa keganasan rumah tangga ini, kita perlulah memberi satu jaminan bahawa selepas mereka keluar daripada keluarga ini, apa yang mereka dapat untuk menjamin kehidupan mereka. Sama ada selepas penceraian, senang tidak untuk mereka dapat itu nafkah ataupun semasa siasatan, semasa mereka dapat itu EPU ataupun PO, di mana mereka boleh dapat sumber kewangan untuk menanggung kos kehidupan mangsa tersebut dan juga anak-anak dia. Jadi saya rasa itu adalah isu yang penting dan saya harap boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### 3.33 ptg.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang Batu Kawan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini yang amat penting, yang akan membawa perubahan yang signifikan kepada perlindungan yang diberikan oleh badan kerajaan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

Namun saya terkilan, setelah mendapati pindaan kepada rang undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga ini yang sepatutnya dibahaskan dalam sidang yang lepas telah ditangguhkan ke sidang ini untuk memberi laluan kepada satu rang undang-undang yang telah diperuntukkan satu hari penuh untuk dibahaskan.

Apa-apa pun, usaha untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini sekali lagi tidak tercicir atau memberi laluan kepada rang undang-undang yang lain, patut diberi pujian terutama sekali apabila Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sendiri yang memberi komitmen agar ianya harus dibentangkan dalam sidang ini. Syabas kepada pasukan pejabat Dato' Seri Rohani, NGO serta semua agensi yang terlibat dalam memastikan rang undang-undang ini disiapkan dan dibentangkan dalam sidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbincangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Duduk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat berhujah, tidak payah menyindirilah. Sudah cukup terima kasih saya bagi laluan kepada Yang Berhormat untuk berhujah tanpa tengok kepada barisan di sebelah sana.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya tidak menyindir Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya duduk sini saya dengar Yang Berhormat, walaupun saya menulis.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Kawan, sudahlah. Sila teruskan perbahasan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya bawa isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya bawa isu sebab ianya isu yang penting patut dibahaskan dalam sidang yang lepas. Perlindungan untuk wanita. Bukan menyindir, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, walaupun Yang Berhormat berbahas dengan alasan begitu..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Perbahasan saya, saya mesti teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah kaitkan dengan bahawa, ini kenapa tidak dibawa pada persidangan yang lalu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Because it's a important issues that should been debated,* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kan kita yang mengatur itu prosedur, Yang Berhormat. Tidak payah sebut begitu. Yang Berhormat mahu berhujah kah tidak? Mahu berhujah kah tidak?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *That is why I'm here* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Thank you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan lagi panjangkan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Sebelum saya memulakan perbahasan saya ini. Ingin saya kemukakan rasa kesal saya di Dewan yang mulia ini kerana Ahli Parlimen daripada sebelah sini tidak diberikan sebarang taklimat mengenai rang undang-undang ini untuk apa-apa penjelasan atau pindaan lanjut terhadap rang undang-undang ini yang akan memberikan fokus dan perspektif menyeluruh dalam pencegahan keganasan rumah tangga serta hukuman terhadap penjenayah sebelum dibentangkan. Jadi saya ingin cadangkan satu SOP di sini agar satu taklimat diberikan, diuruskan oleh mana-mana kementerian sebelum ia dibentangkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana rang undang-undang ini, dimasukkan dalam sidang ini. Terutama sekali dengan pembabitan semua agensi-agensi

kerajaan atau NGO seperti JACK, WAO, WCC, PPW dan juga PWDC. Secara keseluruhan, pindaan ini adalah satu pindaan yang positif yang akan memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia yang semakin meningkat tahun demi tahun. Dalam jawapan Parlimen sesi lepas, PDRM telah menyatakan sejumlah 62,670 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dari tahun 2000 sehingga Januari 2017. Dengan anggaran purata lebih 3,800 kes setahun. Iaitu kira-kira 320 kes sebulan dan anggaran 10 kes sehari bagi kes keganasan terhadap pasangan. Lebih membimbangkan lagi, WHO menetapkan bagi setiap kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan, lima lagi tidak dilaporkan. Maka kita sedang berdepan dengan satu senario di mana lebih 313,000 mangsa keganasan rumah tangga sedang seksa memikul beban menjadi mangsa keganasan ini dalam tempoh 17 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting juga untuk direkodkan insiden keganasan rumah tangga mengikut kaum atau etnik di Malaysia untuk tujuan kajian dan penyelidikan agar pendekatan spesifik atau *tailor made* dapat digunakan untuk menangani gejala keganasan rumah tangga ini. Dari tahun 2000 sehingga Januari tahun ini, seramai 33,301 kes telah dilaporkan dari pecahan kaum Melayu. 14,164 kes dari kaum India. 8,942 kes dari kaum Cina dan 6,263 lain-lain.

Adakah bilangan ini berkadar terus dengan sifat *misogynistic* dan budaya patriarki di mana wanita dianggap satu objek yang akan dimiliki oleh kaum lelaki seperti *handphone*, atau motosikal atau rumah? Di mana pemangsa dapat menggunakan kekerasan ke atas isteri mereka, kerana menganggap isteri mereka ini bertaraf status kelas kedua, atau dengan izin, *second class*. Malaysia merupakan negara pertama dalam rantau Asia Pasifik yang telah mengukir sejarah dalam membentangkan dan meluluskan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang dikuatkuasakan pada tahun 1996. Namun masalah besar yang dihadapi oleh mangsa ialah penyebaran maklumat oleh agensi kerajaan berhubung proses memperoleh keadilan bagi mangsa keganasan rumah tangga ini. Inisiatif pindaan kepada rang undang-undang merupakan sesuatu yang benar-benar diperlukan oleh mangsa keganasan rumah tangga dan sebagai satu pendekatan mencegah jenayah ini.

Dari tahun 1994 sehingga tahun 2017, prasarana kita telah berubah dengan mendadak untuk bersaing dengan pembangunan yang pesat. Ini termasuklah penggunaan telefon bimbit dan kini telefon pintar di laman-laman sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook* atau *Wechat*. Malangnya platform ini juga digunakan untuk mengancam, mengugut dan menghendap atau, dengan izin, *stalk* mangsa dengan ancaman psikologi atau intimidasi jenayah, atau *criminal intimidation*. Setakat ini di Malaysia belum ada lagi mana-mana undang-undang yang menyentuh *stalking* secara menyeluruh atau menghendap mangsa di media sosial atau *face-to-face* dengan berdepan dengan mangsa.

## ■1540

Awal Februari tahun ini seorang bekas suami telah menembak mati bekas isterinya dan telah membunuh diri di tempat kerja isterinya di sebuah firma guaman di Kuala Lumpur. Pemangsa telah memanggil isterinya keluar dari ruang tempat menyambut tetamu dan mula bertengkar dengan kuat sebelum dua das tembakan kedengaran. Pasangan ini telah bercerai lima tahun lalu dan sering mengalami masalah sejak mereka cerai disebabkan sering dikacau oleh bekas suami, si isteri terpaksa menukar tempat kerja beliau dan telah bekerja dengan firma baru ini sejak dua tahun yang lepas. Si suami mempunyai rekod jenayah dan telah pun didakwa di bawah seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja menyebabkan kecederaan dengan senjata.

Tuan Yang di-Pertua ini menunjukkan bahawa mangsa si isteri ini telah dihendap atau dengan izin *she was stalked by her ex-husband*. Memandangkan kita tidak ada apa-apa undang-undang *stalking* maka dia telah didakwa di bawah Kanun Keseksaan dan *stalking* pun tidak tertera di mana-mana dalam Kanun Keseksaan mahupun dalam pindaan baru rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang lagi satu seorang wanita yang juga telah berpisah daripada suami telah diserang oleh dua lelaki yang tidak dikenali selepas bekas suami didapati menghendap dan mengambil gambar rumah mereka dan anak-anak mereka. Si isteri ditetak di atas muka dan ibu jarinya putus. Laporan polis telah dibuat sebanyak 23 kali tetapi tidak diberikan perlindungan yang sewajarnya. Ini merupakan contoh klasik *stalker* atau penghendap yang dikenali sebagai dengan izin, *a person who harasses or persecutes someone with unwanted and obsessive attention*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu laporan media bulan Oktober 2016, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencadangkan untuk menjadikan *stalking* ini satu jenayah atau dengan izin *to criminalize stalking*. Malaysia tidak mempunyai apa-apa peruntukan dalam undang-undang yang mendefinisikan *stalking* terutama sekali dalam kes keganasan rumah tangga. Satu kajian USM tahun 2014 menganggarkan sembilan wanita daripada 100 pasangan wanita dan lelaki telah mengalami dan telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Ini bererti kira-kira hampir satu juta wanita telah menjadi mangsa dan 26 hingga 33 peratus daripada wanita ini telah menjadi mangsa kepada pasangan mereka yang menghendap mereka atau menghantui mereka.

Ini tidak termasuk kanak-kanak dan lelaki, maka bilangan mangsa *stalking* pastinya lebih tinggi. Satu kajian tahun 2012 di *National Institute of Justice* di Amerika Syarikat memutuskan bahawa pemangsa yang menghendap mangsa mereka jauh lebih berisiko untuk mengongkong dan mengancam dan mengganas secara seksual terhadap pasangan mereka berbanding dengan jenis pemangsa yang tidak menghendap. Banyak memorandum telah

diberikan kepada pihak kerajaan sejak tahun 2005 untuk memasukkan *stalking* sebagai satu jenayah. Namun sudah masuk 2017 masih belum dimasukkan lagi.

Saya berharap dan ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar pindaan rang undang-undang ini memasukkan *stalking* dan menjenayakan *stalking* atau aktiviti menghendap atau menghantui mangsa ini sebagai satu jenayah dalam Akta Keganasan Rumah Tangga dan juga Kanun Keseksaan. Ini kerana undang-undang sedia ada tidak mencukupi kerana perintah perlindungan melarang orang yang dituduh menghampiri mana-mana orang yang dilindungi dan mengarahkan orang tertuduh untuk mengelakkan sebarang komunikasi dengan apa-apa cara sekalipun terhadap orang yang dilindungi.

Walau bagaimanapun *protection order* sering tidak dapat melindungi daripada aktiviti menghendap. Pertama, mangsa hanya boleh memohon PO sekiranya kes keganasan rumah tangga dibawa ke mahkamah. Kebanyakan kes berakhir selepas siasatan polis. Seterusnya, mahkamah boleh memilih untuk tidak memasukkan *protection order* serangan *stalking*. Terakhir, *protection order* hanya sah selama maksimum 12 bulan dan hanya boleh diperbaharui sekali.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan isu-isu teknikal yang sering menghantui mangsa keganasan rumah tangga ini. Menghendap juga tidak jelas diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan, maka ianya seolah-olah satu pas percuma yang boleh digunakan oleh golongan yang berpotensi untuk mendera. Negara Singapura, Filipina, UK, India dan Kanada antara negara yang kesemuanya mempunyai peruntukan perundangan yang menjenayakan tindakan menghendap ini. Sudah tentu undang-undang sahaja tidak mencukupi, agensi penguat kuasa mesti diperkukuhkan dengan pengetahuan dan berdayakan dengan sumber latihan dan pengawasan yang mencukupi.

Walau bagaimanapun meminda undang-undang adalah langkah pertama yang amat perlu yang akan melengkapkan agensi penguat kuasa supaya mangsa mendapat perlindungan yang sewajarnya. Ada juga pegawai polis yang sampai hari ini tidak pasti dengan SOP *procedure* dan ada juga yang menawarkan diri mereka sebagai *negotiator* dengan izin. Apakah mekanisme oleh kementerian untuk memantau dan menambah baik penguatkuasaan undang-undang ini? Saya ingin mencadangkan agar satu mesyuarat peringkat negeri diadakan oleh semua *stakeholders* dengan izin daripada pihak polis, JKM, majistret, daripada *AG Chamber*, NGO kira-kira tiga atau empat kali setahun supaya pembaharuan boleh di *update* kepada semua *stakeholders*.

Saya juga ingin mencadangkan agar penderaan dan keganasan rumah tangga di antara pasangan intim yang belum berkahwin seperti *boyfriend* dan *girlfriend* dan dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kota Raja dan ramai lagi dan juga yang bertunang sebab rang undang-undang ini pindaannya tidak termasuk *boyfriend*, *girlfriend*, pasangan yang belum lagi berkahwin dan juga yang telah bertunang. Andai kata salah seorang daripada

mereka menjadi mangsa keganasan rumah tangga maka mereka tidak akan dapat perlindungan daripada pindaan RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Akta Keganasan Rumah Tangga tidak melindungi seperti yang saya katakan tadi teman lelaki atau teman wanita ataupun tunang daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Perintah perlindungan hanya mempunyai tempoh 12 bulan dan boleh diperbaharui sekali sahaja. Ini amat membahayakan mangsa kerana selepas proses mahkamah, selepas 12 bulan tiada perlindungan diberikan kepada mangsa. Saya ingin mencadangkan agar PO ini kekal sehingga pemangsa membuktikan bahawa dia tidak lagi menjadi ancaman kepada mangsa sebelum PO ini ditarik balik semula.

Akhir kata, sudah tiba masa satu suruhanjaya menangani keganasan terhadap wanita ditubuhkan di peringkat Parlimen agar hak dan perlindungan yang terbaik diberikan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Sekian, terima kasih.

### **3.48 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Berucap dalam bahasa Arab] Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta 521, Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.

Di mana akta ini telah dibentangkan telah digubal pada 1994 dan telah diimplemenkan 1996 dan telah ada pindaan pertama berlaku pada tahun 2012 kerana pada masa itu, pada masa digubal kes penderaan rumah tangga sudah banyak. Pada masa pindaan pertama kes meningkat dan saya nak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengadakan program-program kekeluargaan. Kursus *parenting*, pra-perkahwinan dan juga mengadakan konsultasi dengan agensi dan juga NGO dan mewujudkan jawatankuasa untuk kaji semula undang-undang ini dan sekarang ini bawa ke Parlimen untuk dibahaskan rang undang-undang untuk pindaan tahun 2017.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri dan kementerian kerana mengambil berat tentang perkara ini dan saya bersyukur kerana dapat mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana saya kira ini adalah satu perkara yang sangat-sangat penting tetapi tidak nampak dengan jelas. Bagan Serai secara keseluruhannya amat-amat menyokong pindaan ini dan melihat kepada objektifnya iaitu untuk melindungi, untuk kebajikan dan juga untuk pemulihan, inilah perkara-perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada *WHO Report 2016* dengan izin, *almost one in three, 33 percent women worldwide have experienced physical and sexual violence by their partners in lifetime.*

## ■1550

Kalau kita lihat kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh PDRM 2014, 15,600 kes yang mana dikatakan 74 peratus wanita dan hanya 26 peratus lelaki. Kita lihat statistik yang telah ditunjukkan lagi PDRM, bermula tahun 2000 ada penurunan sedikit. Bermula dengan lebih kurang 3,500 kes kepada 2,500 kes. Pada tahun 2004, berlakulah peningkatan daripada 3,000 dan meningkat sehingga tahun lepas 2016, hampir-hampir 6,000 kes, hampir-hampir 100 peratus naik. Aktivitilah saya katakan keganasan rumah tangga ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kita ada statistik yang menunjukkan selain daripada lelaki atau perempuan, berapa peratus antara bangsa-bangsa di Malaysia? Umpamanya, berapa peratus orang Melayu? Berapa peratus orang Cina? Berapa peratus orang India dan lain-lain? Berapa peratus orang muda? Berapa peratus orang tua? Berapa peratus yang melibatkan profesional? Berapa peratus yang melibatkan orang kampung, orang biasa? Adakah kita mempunyai statistik yang menunjukkan berapa peratus orang yang biasa dan berapa peratus orang yang terlibat dengan dadah. Ini adalah perkara yang penting kerana menjurus kepada situ, barulah kita dapat *tackle problem* sebenarnya. Kita hendak *tackle problem* macam mana sebenarnya?

Saya mendengar dengan teliti perbincangan-perbincangan tadi. Ada yang kata di mana hendak lapor? Hari ini kita ada banyak pertubuhan-pertubuhan NGO-NGO wanita, mana pergi? Tidak ada tempat hendak melaporkan selain daripada balai polis, selain daripada JKM. Kita ada banyak pejuang-pejuang wanita. Kalau kita lihat bagaimana kita hendak *tackle problem* ini, kita lihat orang ini ada dadah kah tidak ambil dadah, orang ini profesional atau orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada awal-awal ini sebenarnya saya hendak bawa satu perkara yang penting yang perlu kita ceritakan dahulu sebelum kita bahaskan panjang lebar benda ini iaitu wanita itu sendiri. Siapa wanita dalam kehidupan kita? Siapa wanita di hati kita? Kalau dikatakan banyak yang terlibat adalah orang Melayu contohnya, statistik saya tidak tahu, kalau statistik banyak orang Melayu dan orang Melayu hampir 100 peratus adalah orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam wanita mendapat tempat yang tinggi dan mulia. Dalam Islam, Allah SWT dan Rasulullah SAW melalui hadisnya sudah beritahu banyak tempat bahawa wanita ini mulia, wanita ini sama dengan lelaki, wanita patut diberikan pendidikan yang sama, banyak hak yang sama. Bahawa wanita ini dijadikan daripada tulang rusuk lelaki dan mereka perlu diberikan perhatian yang baik. Malah dalam al-Quran diwujudkan satu surah iaitu Surah An-Nisa' yang bermakna wanita. Surah An-Nisa' cerita habis pasal wanita, bagaimana untuk jaga wanita. Kalau orang pukul wanita, maknanya dia pukul anak dia atau dia pukul isteri dia atau dia pukul emak dia, dia pukul kakak dia, itu perandai orang macam itu. Orang yang pukul, bermakna dia ingkar dengan perintah Allah SWT.



Tuan Yang di-Pertua, dulu-dulu wanita ini tidak ada nilai. Wanita ini sial, ini dulu, ini dulu, sabar, sabar, jangan marah. Saya bercerita tentang zaman dahulu sebelum Islam, sama ada di dalam atau di luar Jazirah Arab. Kalau orang itu kata anak dia dilahirkan wanita, hitam muka dia, benci dia, tidak suka dia, lari dia, dia tanam budak itu hidup-hidup, itu dahulu. Malah, bukan sahaja di luar Jazirah Arab, malah di negara Yunani, bangsa Roman, Persia, wanita tidak dapat, *there is no place for ladies, for women*, ini dahulu. Inilah rahmat Allah SWT, dengan kedatangan agama Islam yang mementingkan, yang meningkatkan taraf wanita ini, mewujudkan ini. Ini satu rahmat Allah SWT. Sebab itu disebutkan dalam Surah Al-Ahzab ayat 35, saya bacakan— mafhumnya menceritakan bahawa persamaan lelaki dan wanita dan wanita ini emosional kerana apa, kerana ada perbezaan hormon dalam badan dia. Masa *period* dia, masa mengandung dia, masa— dia berubah. Apabila habis *period* dia pun, dia berubah juga perangai dia. Oleh sebab itu kita tidak hairan, kadang-kadang dia bagus, kadang-kadang dia senyum, kadang-kadang dia tidak mahu senyum dan kita marah dekat dia. Jangan, kita tidak faham perkara ini kerana wanita memang dia ada hormon yang lebih daripada lelaki dan hormon yang *balance* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita kena muliakan wanita. Ini perkara pertama yang saya hendak cakap. Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang doktor sudah lama, sudah praktis. Banyak yang datang kepada saya. Kadang-kadang saya tanya kenapa datang sini, saya pergi pejabat agama mereka tidak layan. Ini yang dia cakap, so dia datang jumpa doktor. Dia datang jumpa saya, dia cakap dia sakit kepala tetapi sakit kepala menangis kuat daripada sakit kepala. Menangis-menangis, bila dalam pemeriksaan saya tengok ada benjol dekat kepala, ada bola pingpong dekat kepala. Kenapa ini? Ada terhantuk-terhantuk tetapi cakap terhantuk tidak kuat. Saya tanya kenapa ini? Kena *boxing*. Main *boxing* dekat rumah. Ini wanita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya hendak beritahu satu, kalau orang itu pukul wanita, dia ingkar wanita Allah, ini untuk orang Islam. Dia ingkar perintah Allah, dia ingkar Rasulullah, dia berdosa. Jadi, maknanya ini salah satu daripada pemulihan yang kita hendak buat, kita kena bawa kepada pendidikan agama ataupun dia sakit jiwa. Ini satu perkara yang penting. Ada penyakit-penyakit ini sebenarnya, kita panggil *battered woman syndrome*. *Battered woman syndrome* ataupun *battered wife syndrome* saya katakan. Tadi ada diceritakan tadi. Dia pukul, pukul, pukul, mula-mula dia marah, marah, lama-lama dia pukul. Selepas dia pukul, dia pujuk balik, selepas dia pujuk, sudah berbaik balik, ini masa dipanggil *honeymoon syndrome*. Selepas itu dia pukul balik, benda ini berjalan bertahun, berbulan, bertahun, *battered woman syndrome*.

Tuan Yang di-Pertua, orang perempuan ini tinggi sifat dia. Malu dia cukup kuat, dia hendak pergi cerita dekat orang dia kena pukul dekat rumah, dia tidak mahu. Dengan doktor pun dia tidak cerita. Dia cakap dekat saya dia sakit kepala, dia kena pukul, dia malu hendak cerita, dia hendak jaga maruah suami dia, dia hendak jaga maruah keluarga dia, dia hendak

jaga anak-anak dia, dia risau, dia tahan-tahan. Akhirnya, kalau kena pukul, kalau sudah tidak tahan sangat, itu yang kita dengar tengah-tengah malam dia ambil pisau, dia kerat benda itu. Tuan Yang di-Pertua, saya sunat orang sikit sahaja, yang ini dia sunat habis. Dia potong habis, itu sudah tidak tahan. Akan tetapi kes tadi yang dibawa oleh pembahas tadi, dia katakan dia bunuh diri, kalau bunuh diri dia sedih. Akan tetapi kalau sudah ambil pisau, dia potong terus, kerat habis. Hendak, hendak kerat habis? Jadi, ini masalah yang timbul apabila orang ada penyakit. Oleh sebab itu saya sarankan dalam pindaan ini dalam pemulihan. Perlu juga ada satu pemeriksaan kesihatan yang detil. Adakah dia ada sakit mental? Adakah dia ada masalah-masalah yang melibatkan fikiran dia ataupun ada penyakit.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, *Systemic Lupus Erythematosus* (SLE). Satu penyakit imun yang kalau kena bahagian otak boleh jadi macam gila, jadi macam gila. Kita ingat dia gila, kita hantar rumah sakit gila, bukan. Apa yang sebenarnya kita kena *treat*, kita kena rawat SLE dia itu, penyakit dia itu dan hilanglah gila dia, itu ceritanya. Jadi, pemeriksaan kesihatan sangat penting. Jadi, apabila buat tangkapan, apabila ada laporan, kita cek dia, kita kena hantar untuk pemeriksaan yang *detail*, perubatan dan juga ini. Ini cerita keganasan rumah tangga. Ini apa cerita sebenarnya ini? Kamu kahwin, kamu pukul. Ini betul-betul jahatlah. Saya hendak ambil peluang— jahat ini binatang punya perangailah. Dahulu masa hendak kahwin buat kenduri besar-besaran, lepas itu pukul, habis duit banyak untuk pukul orang. Dahulu masa hendak kahwin, orang tidak bagi kahwin, orang kata tidak sesuai, degil juga hendak kahwin juga, kalau tidak dapat dia kata gila. Hendak juga, kalau tidak dapat nanti gantung diri pula, bila dapat dia jadi begini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang-orang yang mengamalkan keganasan ini dia ada dua personaliti. Dia cakap dengan kita baik, kita tengok muka dia bagus sahaja, dia pusing dekat isteri dia, dia kata hoi bodoh! Tidak faham, pekak kah orang suruh buat air! Terajang nanti! Tuan Yang di-Pertua, yang inilah yang dahulu panggil sayang, cayang, yang panggil sayang ini inilah, akhirnya jadi macam ini. Ini satu penyakit ataupun dia cari penyakitlah. Orang yang ada dadah umpamanya.

#### ■1600

Saya dapat lihat perkara ini. Kadang-kadang pesakit-pesakit yang datang ke klinik, saya dapat lihat perkara ini. Oleh sebab orang perempuan ini dia malu hendak cerita, dia hendak jaga anak dia, dia hendak jaga maruah suami dia, dia tidak cerita dan benda ini berlarut-larut akhirnya. Ini pusingan. Kena pukul, kena pukul, kena lanyak, kena maki, tiap-tiap tahun mengandung juga. Itu yang hebatnya.

Jadi ini keganasan rumah tangga yang kita lihat hari ini oleh sebab mereka tidak ceritakan, maka *it might be*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it might be the tips of the iceberg*. Yang kata *one in three percent*, yang kata 5,000 setiap tahun, *maybe it's more than that*. Mungkin lebih daripada itu sebab kita tidak tahu.

Benda penderaan ini, dia boleh jadi penderaan fizikal ataupun penderaan emosional, penderaan dalaman. Habis, kalau sudah kena maki. Kita pun kalau dah kena maki bodoh, kita rasa macam bodoh tak? Ini masalah kita hari ini. Sebab apa saya rasa ini perkara penting? Jadi apa sebab dia sebenarnya? Saya lihat dalam penerangan tidak dinyatakan sebab. Sebab apa? Tadi kita dengar pembahas kata sebab kahwin muda. Adakah sebab kahwin muda? Atau sebab pasangan curang? Pasangan curang. Pasangan curang apa masalah? Sebab perangai dia berubah. Kalau perangai berubah, jadi masalah, ada masalah. Dan juga saya katakan tadi penyakit, ataupun orang yang terlibat dengan dadah umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengah cerita tentang keganasan rumah tangga yang saya kira *tips of the iceberg*. Kalau macam ini kita lihat, apa yang kita hendak buat sebenarnya? Kita kena lihat *angle* mana supaya kita dapat menyelamatkan mereka-mereka ini? Saya melihat kepada undang-undang yang telah ada tadi— RM4,000, kena setahun. Saya dengar tadi pembahas kata kalau orang kaya RM4,000, *what is RM 4,000?* Jadi mungkin RM4,000 tidak cukup, kena lebih lagi. Mungkin setahun penjara tidak cukup, kena lebih. Atau takut dia buat perangai lagi. Saya bimbang juga dengan EPO ini. Kalau EPO ini yang hendak jalankan EPO ini ialah pegawai JKM, hari Ahad macam mana? *After office hour* macam mana? Macam mana dia? Perlu tak ada orang lain?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh bercakap?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan. Bagi saya bernafas.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai, tadi saya tertarik tentang *segmentation* yang baru-baru di sebut tadi. Ada tidak Yang Berhormat Bagan Serai berpandangan mungkin sebab keganasan disebabkan oleh *segmentation* kerja— contohnya isteri kerja hotel atau kerja *airlines stewardess* contohnya yang banyak berjalan— selepas itu suami pula kerja lain, apakah ada *percentage segmentation* dari segi kerja di kawasan rumah pangsa— contohnya *stress*— ataupun di kampung— contohnya tidak ada orang— adakah kerajaan mempunyai *segmentation* yang kita boleh kenal pasti punca-punca keganasan ini? Apa pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Itu satu kemungkinan. Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan bersedia menjawab perkara itu. Akan tetapi sudah tentulah saya melihat kadang-kadang benda ini terjadi, macam saya kata tadi, umpamanya berlaku disebabkan kecurangan. Macam mana boleh bermulanya kecurangan ini? Sebab dia tidak jaga adab-adab pergaulan dia. Di situ bermulalah bibit-bibit penyakit dan akhirnya ada masalah-masalah yang timbul.

Saya melihat tadi perlindungan, kebajikan dan juga pemulihan. Kalau kita lihat dalam pindaan-pindaan ini yang berkenaan dengan penambahbaikan, saya lihat penambahbaikan ini dia kata untuk memberi maklumat-maklumat dan sebagainya itu macam tidak jelas. Sebab apa, apa yang tambah baiknya IPO dengan EPO ini? Apa yang tambah baiknya? Hendak beritahu bila tarikh mahkamah? Itu tambah baiknya? Selama ini macam mana? Jadi kita dapat lihat ini. Macam saya beritahu tadi tentang pemulihan itu, saya menekankan aspek kesihatan. Sebab, kita perlu buat sebab kita tidak tahu mungkin orang-orang ini ada mempunyai masalah penyakit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyatakan bahawa Bagan Serai amat setuju dengan pindaan rang undang-undang ini dan saya kira kita berharap program pemulihan yang dilakukan yang merujuk kepada peningkatan kefahaman ilmu dan sebagainya untuk mengukuhkan institusi keluarga, untuk meningkatkan dan istiqamahkan kasih sayang dan juga untuk menentukan rawatan-rawatan perubatan yang patut diterima. Ini adalah perkara-perkara yang penting yang saya kira perlu diberi pandangan lebih supaya kes-kes penderaan ini akan turun.

Kalau kita lihat statistik daripada undang-undang ini digubal sampai sekarang, memanglah tidak memuaskan. Dan seperti yang saya katakan tadi, saya rasa ini adalah *tips of the iceberg*. Ramai lagi yang dekat luar sana yang senyap-senyap. Ramai lagi yang di luar sana yang datang kerja senyum-senyum tetapi balik rumah menangis. Ramai lagi yang kelihatan tersenyum tetapi dalam hati luka Allah sahaja yang tahu tetapi tidak tahu mana hendak cerita, tidak berani hendak cerita. Tambah-tambah pula saya katakan tadi orang perempuan dia malu, dia malu hendak cerita. Dia rasa tanggungjawab, dia tak nak cerita. Dia tidak mahu cerita. Ini jelas saya nampak dalam semasa saya mengendalikan klinik di tempat saya dan juga selama saya bekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan Bagan Serai peluang untuk menyatakan pendapat saya dan perbincangan ini Bagan Serai menyokong pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tebrau. Sebab tadi Yang Berhormat Tan Sri bagi laluan kepada Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Batu Kawan. Ya, sila.

#### **4.06 ptg.**

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini, Tebrau memang menyokong, tetapi saya hanya ada beberapa ulasan.

Pertama, pada saya, saya rasa bahawa keganasan rumah tangga ini merupakan satu penyakit sosial yang mungkin amat serius tapi kita tak tahu berapa seriusnya. Berkenaan

dengan keganasan rumah tangga, pada keseluruhannya, pandangan saya ialah masyarakat kita agak *gender bias* dan masyarakat kita kebanyakannya akan fikir selalunya mangsa itu adalah wanita. Akan tetapi seperti ramai Ahli Parlimen pun sudah setuju dan sudah bangkitkan, mungkin ramai juga di kalangan lelaki. Dan mungkin oleh kerana ego, mungkin oleh sebab kalau lelaki kata kena dera orang tak percaya atau mungkin takut orang kata takut isteri, jadi tak berani sebut. Jadi, mungkin angka yang kita ada ini tidak tepat. Akan tetapi, pada saya, saya percaya penderitaan mereka mungkin lebih lagi daripada perempuan oleh kerana mereka tidak berani suarakan. Jadi, bagaimana kita nak membantu mereka?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita tahu, keganasan boleh berbentuk fizikal seperti memukul, mungkin boleh berbentuk emosional ataupun mental ataupun psikologi ataupun yang lain-lain. Jadi, ia banyak bentuk. Tidak semestinya fizikal. Apakah tindakan yang boleh kita ambil terhadap pengganas atau pendera itu? Setakat ini apa yang kita bincang dalam akta ini ialah tindakan undang-undang. Akan tetapi, saya sebagai seorang pendidik, pada saya, saya rasa selain daripada undang-undang, kita juga perlu berikan bantuan dari segi yang lain. Khususnya seperti doktor Yang Berhormat Bagan Serai pun sebut, ramai yang mungkin emosional, *psychological* dan sebagainya.

Jadi, kalau dia mental, kalau dia emosional, kalau dia *psychological*, kalau dia *stretch* dan kalau kita tidak cari punca masalah, kita tidak akan selesaikan masalah ini. Ia akan berulang. Kita ambil tindakan undang-undang, kita hukum, tapi dia punya punca masalah masih wujud. Kalau dia *stretch*, dia masih *stretch*. Kalau dia mental, dia masih mental. Jadi, ini akan berulang-ulang.

Tadi daripada Yang Berhormat Bagan Serai, baru saya tahu SLE pun boleh menyebabkan orang itu tak stabil. Dan mungkin penagih dadah juga.

#### ■1610

Perhatian saya ialah kalau wanita yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga, mereka mungkin lebih mudah mendapat bantuan daripada masyarakat. Misalnya yang saya tahu *Safe Home* dan sebagainya, hampir semua berikan perlindungan kepada wanita sahaja. Saya pernah tanya-tanya, tidak ada yang untuk lelaki. Jadi lelaki hendak buat apa, hendak pergi mana.

Apa yang saya tahu selain daripada kerajaan, ada juga NGO-NGO yang menyediakan kemudahan ini dan mungkin pada saya, kalau NGO mengambil inisiatif untuk bantu atasi masalah sosial ini, kerajaan harus berilah bantuan dan mungkin kalau kerajaan berikan bantuan kepada NGO untuk melaksanakan program-program ataupun rumah-rumah seperti ini, mungkin kosnya lebih rendah daripada kerajaan sendiri mengelolakan atau mewujudkan tempat yang baru. Sebab itu saya cadangkan bahawa kita mungkin berikan bantuan kepada NGO dan menggalakkan NGO yang layak tetapi mesti NGO yang ada kepakaran. Jangan sebarang siapa yang tidak tahu apa-apa dibenarkan mereka buat.

Tadi saya dengar beberapa Ahli Parlimen, Yang Berhormat Ahli Parlimen yang cadangkan *walk out* oleh isterikah, oleh suamikah, tetapi pada saya, saya percaya mungkin tidak begitu mudah. Mungkin bukan setakat masalah cinta butakah cinta bodohkah tetapi mungkin dia ada masalah yang lain. Misalnya kalau mangsa itu, misalnya kalau isteri ini, dia tidak *financially independent*, dia tidak ada kerja, dia tidak ada punca pendapatan. Kalau dia laporkan suaminya, kalau suaminya ditangkap, macam mana dia dan anak-anak. Kalau selagi kita tidak bantu mereka mengatasi masalah ini, mereka tidak berani buat laporan. Jadi, saya berharap bahawa kementerian mungkin akan fikirkan kalau ada kes seperti ini, kita berikan bantuan kemasyarakatan seperti orang miskin. Kalau kita janji bahawa suami itu dipenjarakan, ditangkap, sekurang-kurangnya mereka tidak hilang punca pendapatan.

Berkenaan dengan yang tadi saya sebut, mungkin yang ada masalah *psychological*, mental, jadi selain daripada tindakan undang-undang, kita juga harus berikan mereka bantuan dari segi ini, mungkin beri kaunseling, mungkin beri perubatan dan sebagainya. Saya percaya sekarang seperti ramai Ahli Parlimen yang sebut ramai mangsa tidak mahu laporkan dan tadi saya sebut mungkin salah satu sebabnya mereka tidak mahu laporkan ialah kerana mereka mungkin ada pengalaman walaupun dihukum, diambil tindakan undang-undang, selepas itu masalah balik semula. Jadi, selepas itu mereka rasa tidak ada guna.

Kedua, mungkin yang rasa bahawa dia laporkan pun, suami atau pun pihak yang satu lagi menjadi mangsa. Akan tetapi kalau kita sedarkan mereka bahawa melaporkan kes seperti ini sebenarnya dia bantu pasangannya. Kalau suami ada masalah emosional, masalah mental, masalah seks dan sebagainya, jadi selain daripada tindakan undang-undang, kalau kita berikan bantuan kaunseling ataupun perubatan dan sebagainya, dan kita boleh yakinkan isteri ataupun mangsa bahawa apa yang mereka buat ini betul, bukan hendak tangkap suamikah atau sesiapa, hendak tangkap pasangan tetapi apabila dia laporkan, dia sebenarnya membantu pasangannya untuk menjadi lebih baik.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sebut ialah saya ingat akta kita tidak memberi sebarang perlindungan kepada pasangan yang belum kahwin, *boyfriend*, *girlfriend*. Ini pun ada. Jadi mungkin kepada kita, kita rasa kalau belum kahwin senanglah *walk out* tetapi kalau mangsa itu ada bukti yang tertentu di dalam tangan pegganas, pendera itu, mungkin dia ada gambar yang tertentu, video yang tertentu, dia tidak berani *walk out*. Macam mana kita hendak bantu. Ini adalah sesuatu yang saya harap bahawa kementerian akan fikir macam kita selain daripada rumah tangga yang *boyfriend*, *girlfriend* itu, yang ada masalah itu, macam mana kita bantu dan kalau mereka ada bukti yang tertentu di tangan pegganas, macam mana kita hendak bantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Tebrau, minta penjelasan sikit. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Corner* sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada pembahas yang telah mencadangkan supaya definisi pasangan ini dilebarkan kepada mereka yang tinggal sekali tetapi tidak melalui proses perkahwinan, adatkah atau agamakah. Adakah Yang Berhormat Tebrau sekarang ini mencadangkan isu *girlfriend, boyfriend* ini yang tidak melibatkan mereka yang tinggal sekali? Ertinya kes terbuka yang ada *girlfriend, boyfriend* pun juga dimasukkan dalam definisi *couple*? Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Sebenarnya saya cadangkan kita mesti ada cara. Jadi apakah caranya sama ada kita hendak memperluaskan definisi rumah tangga ataupun dengan hendak peraturan lain, saya serahkan kepada Menteri yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar juga ada Ahli-ahli Parlimen yang sebut tentang *stalking* ataupun menghendap. Jadi, di samping cadangan pindaan ini, saya ingin mendapatkan penerangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sekiranya mangsa keganasan rumah tangga yang telah ditempatkan di *Safe Home* berjaya dikesan dan *stalking* oleh penderanya atau pengganas itu, apakah tindakan dan langkah pencegahan yang boleh diambil oleh mangsa serta kaedah pengukuhan yang akan kementerian laksanakan bagi memastikan keadaan ini tidak berlaku? Apabila saya sebut *stalking*, bukan setakat *psychically holding some person* tetapi sekarang mereka boleh gunakan cara elektronik. Misalnya hantar mesej, tiap-tiap hari hantar mesej, *WhatsApp* kah ataupun cara-cara lain ataupun telefon. Pada saya, ini juga *stalking*. Jadi macam mana kita hendak bantu mereka?

Kedua, keperluan untuk melanjutkan kepada perintah perlindungan. Selain daripada perintah perlindungan (EO) ataupun perintah perlindungan interim (IPO), pindaan telah memasukan satu langkah baru kepada perlindungan kesejahteraan mangsa iaitu perintah perlindungan kecemasan ataupun EPO. Keadaan ini juga memberikan satu ruang yang lebih anjal kepada penglibatan pihak penguat kuasa seperti polis ataupun pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelamatkan mangsa dan juga kanak-kanak yang terlibat dalam isu keganasan rumah tangga.

Walau bagaimanapun, tempoh ataupun had masa yang ditetapkan tidak memadai kepada mangsa. Di sini saya ingin membangkitkan satu situasi iaitu mangsa yang memperoleh perintah untuk melindungi mangsa setiap peringkat sehingga peringkat mahkamah, mangsa dilindungi dengan PO. Keadaan yang lebih buruk berlaku apabila tempoh perintah yang ditetapkan singkat di dua situasi yang mungkin berlaku.

Pertama, apabila dakwaan oleh mangsa terhadap pendera telah gagal. Maka lanjutkan perintah untuk perlindungan mangsa dan juga kanak-kanak daripada pesalah amat penting, ini untuk memastikan tiada keadaan yang berulang perlu dialami oleh mangsa. Situasi ini,

pendera akan kembali dengan cara yang lebih bijak dengan *stalking* ke atas mangsa dan juga kanak-kanak.

■1620

Situasi kedua, dakwaan oleh mangsa terhadap pendera berjaya tetapi mangsa mungkin akan diganggu oleh pihak ketiga ataupun lain seperti ahli keluarga pendera dengan tujuan untuk seksa serta balas dendam ke atas mangsa ataupun kanak-kanak. Jadi pengganas sendiri tidak - bukan dia sendiri yang melakukan tetapi dia gunakan pihak yang lain. Maka lanjutan tempoh perintah adalah untuk *by time* untuk mangsa meninggalkan lingkungan sosial pendera ataupun memulakan kehidupan baru. Jadi saya ingat kita punya undang-undang pun selain daripada pengganas sendiri kita juga kena berhentikan *stalking* oleh pihak lain atas arahan langsung ataupun tidak langsung daripada pengganas.

Perkara yang satu lagi ialah tiada pertimbangan mengenai hak mengakses ataupun lawatan ke atas anak di bawah Akta 521. Satu lagi perkara yang kebiasaannya tidak dibincangkan termasuk dalam pindaan ini ialah hak ke atas anak-anak dan masalah keganasan rumah tangga. Perlindungan anak-anak dan mangsa keganasan rumah tangga amat jelas dalam akta ini. Hak ke atas anak-anak secara automatiknya ditarik daripada pendera apabila kejadian keganasan rumah tangga dilaporkan, dikenal pasti dan berjaya didakwa. Namun saya ingin mendapatkan pencerahan daripada Kementerian adakah hak untuk mengakses ataupun melawat ke atas anak juga ditarik daripada pendera selepas menjalani hukumannya.

Ini adalah kerana diperlihatkan pendera yang telah menyelesaikan hukumannya dan insaf ingin memulihkan pertalian keluarga terutamanya dengan anaknya perlu di pertimbangkan oleh Kementerian. Jadi Kementerian perlu lebih terperinci dan pengendalian mengenai akses ataupun hak lawatan oleh pendera selepas menjalani hukumannya. Maka Kementerian perlu mewujudkan satu mekanisme yang menyeluruh untuk mengendali perkara ini supaya *the best interest of the children* dipertimbangkan sepenuhnya oleh semua pihak pada masa yang sama memastikan pendera tidak mempergunakan alasan tersebut untuk sekali lagi mendera mangsa ataupun anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan. Pertama ialah selain daripada tindakan undang-undang apakah program-program yang dijalankan oleh jabatan ataupun agensi di bawah KPWKM untuk mengukuhkan institusi keluarga dengan harapan ia akan kurangkan kes-kes keganasan rumah tangga dan mewujudkan lebih banyak keluarga yang bahagia. Kedua, adakah KPWKM akan mewujudkan mekanisme pemantauan antara *stakeholders* iaitu kerajaan dan NGO untuk memantau pemantauan yang lebih berkesan. Sekian, terima kasih dan dengan ini Tebrau mohon menyokong Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

**4.24 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang telah pun mengambil satu daya usaha untuk membuat satu pindaan terhadap rang undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Ini sesuai dengan kaedah yang dipegang oleh Islam iaitu [*Bercakap dalam bahasa Arab*] iaitu kita hendak menolak kemudaratan yang lebih *aula*, lebih dahulu untuk kita hendak mengambil *masalah* terutama di dalam soal pembelaan kepada golongan wanita.

Walaupun kita faham dari segi statistik yang ditunjukkan oleh PDRM daripada tahun 2014 hingga 2016 terdapat 15,617 kes, 74 peratusnya ialah wanita dan 26 peratusnya ialah lelaki. Semua Ahli Parlimen tadi agak terkejut apabila ada orang lelaki yang terlibat di dalam kes penderaan ini. Walau bagaimanapun kes itu agak terpencil dan pada kita tidak sepatutnya berlaku juga lah dalam sama ada berlaku lelaki ataupun kepada wanita ia merupakan satu lambang keruntuhan di dalam rumah tangga. Ini kerana kita tahu kalau macam ini punya rupa bentuk macam mana kita hendak membentuk negara kita yang lebih baik dan yang akan menjadi mangsanya ialah anak-anak.

Oleh sebab itu kalau kita *check* pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang mengalami masalah disiplin. Pertama apabila kita lihat ialah emak bapa ini ialah terdiri daripada di kalangan orang yang ada masalah. Jadi sebenarnya dari segi psikologi sebenarnya kanak-kanak ini walaupun dia kecil pertengkaran, pergaduhan antara emak dengan ayah itu sebenarnya difahami oleh anak. Walaupun mereka masih kecil lagi tetapi itulah dia akan memberikan kesannya kepada besar nanti akhirnya mereka akan terlibat dengan kes-kes juvana, kes-kes vandalisme yang berlaku di dalam negara kita berpunca daripada soal keruntuhan rumah tangga yang berlaku. Begitu juga kita melihat bagaimana peningkatan yang dilaporkan Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Kuala Lumpur setiap bulan telah pun meningkat sampai 150 kes satu bulan kalau dulunya hanya 10 hingga 70 kes sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di sana ada beberapa punca yang berlaku keganasan rumah tangga ini. Pertama ialah sikap lelaki. Kita tahu orang lelaki ini dia ada satu sikap ego dekat dia kerana kita bercakap ini kita seorang lelaki termasuk juga Tuan Yang di-Pertua. Kita ini ada sifat ego ini ada kepada kita orang lelaki yang tidak sepatutnya ada tetapi itulah sikap yang ada kepada kita kerana jarang kita lihat orang lelaki ini dia hendak ambil dengar pandangan isteri walaupun betul. Yang Berhormat Bagan Serai boleh bagi komen lah sikit.

Oleh sebab itu sikap lelaki ini kadang-kadang menyebabkan dia rasa ego maka akhirnya dia boleh bertindak dengan luar daripada perikemanusiaan.

Kedua ialah bahana daripada pada alkohol dan juga dadah. Ketiga, kita tengok bagaimana kekurangan pegangan agama. Kalau ada dari segi pegangan agama yang kukuh maka tidak timbul kerana hari ini kita lihat ramai dari kalangan isteri-isteri yang berpangkat besar. Suami yang berpangkat kecil tetapi kalau dia memahami bagaimana di dalam sistem rumah tangga walaupun dia itu berpangkat besar dari segi gaji dan sebagainya. Maka dia ialah sebagai seorang isteri yang perlu di sana adanya ketaatan kepada suami. Maksudnya ketaatan-ketaatan perkara-perkara yang baik dan dia tidak melakukan kepada perkara-perkara yang dicegah oleh agama. Ini faktor dia ramai hari ini kalau kita lihat bagaimana pasangan-pasangan yang bahagia yang kita lihat walaupun isterinya berpangkat besar kadang-kadang bertaraf sebagai JUSA, suaminya hanyalah sebagai pekerja biasa sahaja tetapi mampu hidup dengan baik dan melahirkan generasi yang baik. Akibat dan berpunca kurang pegangan agama ini akhirnya ini lah yang berlaku. Walaupun kita lihat kadang-kadang suami isteri itu berpangkat JUSA tetapi oleh kerana pegangan agama tidak ada akhirnya berlaku lah juga seperti mana keganasan dalam rumah tangga.

#### ■1630

Begitu juga faktor lain ialah kerana faktor masalah ekonomi, masalah ekonomi. Ini kadang-kadang kita lihat apabila berlaku masalah keruntuhan ekonomi seperti pembuangan kerja, ditamatkan kontrak dan sebagainya. Kadang-kadang gangguan emosi ini berlaku. Suami isteri pula kadang-kadang tidak faham, minta tuntutan macam-macam, dia minta. Lelaki pula dia emosi. Jadi akhirnya berlaku perkara yang tidak sepatutnya itu berlaku.

Begitu juga faktor yang lain juga ialah kahwin lebih. Maka kadang-kadang kemampuannya tidak ada, bekerja hanyalah sebagai cukup untuk sara anak isteri seorang dua, seorang anak atau dua orang anak tetapi mereka telah berkahwin. Sifat orang perempuan ini kita tahu antaranya ialah sifat "cemburu". Maka lelaki saya sebut tadi dia ada sifat dia, ialah sifat yang untuk marah dan sebagainya. Maka akhirnya kita lihat berlakulah tindakan-tindakan ganas yang tidak sepatutnya berlaku kepada orang perempuan.

Akhir sekali kita tengok puncanya ialah kerana ada di sana pihak ketiga. Ini pun sebab banyak berlaku kita lihat. Saya banyak kawan saya, kebetulan abang saya ialah merupakan seorang naib kadi, imam di kampung. Banyak kes yang dirujuknya kadang-kadang ada pihak ketiga yang mengganggu hubungan rumah tangga. Akhirnya berlakulah, emosi itu berlaku maka kita tengok di luar kemanusiaan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi persoalan saya hendak tanya juga kepada Yang Berhormat Menteri, apakah penderaan itu hanyalah sama ada kepada suami atau isteri hanyalah penderaan dari segi sudut fizikal semata-mata? Ini kerana di sana ada juga, apakah ini tidak boleh termasuk dalam maksud penderaan? Ini kerana ada yang suami isteri yang tidak mahu

bercakap. Kadang-kadang tidak mahu bercakap sampai bertahun pun ada tidak mahu bercakap tetapi tidak bercerai. Adakah ini juga termasuk dalam kategori kesalahan yang boleh dianggap sebagai satu penderaan kepada keganasan rumah tangga?

Kedua ialah membelakangkan isteri atau memalingkan muka semasa berada di atas katil misal katakan. Maknanya tidak— buat hal masing-masing. Ini benda yang kita lihat ada kes-kes yang berlaku begitu. Adakah ini juga termasuk dalam kategori penderaan?

Akhir sekali pertanyaan saya ialah berkenaan dengan ada mereka yang mengutamakan perempuan lain tetapi mereka tidak bercerai sebagainya. Akan tetapi menyebabkan berlakunya sana gangguan emosi terhadap— kepada wanita itu tadi. Jadi di sini ada beberapa cadangan yang saya hendak mencadangkan. Pertamanya ialah kena segera kes-kes yang melibatkan soal keganasan rumah tangga ini kena disegerakan. Kalau boleh kena ada mahkamah khas untuk hendak selesaikan persoalan yang membabitkan soal keganasan dalam rumah tangga ini. Keduanya cadangan saya ialah supaya di sana ada rumah perlindungan dalam masa yang segera. Ini kerana kita tahu apabila seorang isteri - terutamanya kita rujuk kepada isteri apabila buat satu *report* mungkin antara bendanya ialah dia hendak balik rumah, mungkin tidak balikhlah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Bukit Gantang. Sedarkah Yang Berhormat Bukit Gantang juga kadang-kadang masalah ketidakcekapan pejabat-pejabat kadi di daerah-daerah juga menjadi punca kepada masalah keganasan rumah tangga? Kadang-kadang ada isteri yang sentiasa mengalami masalah rujuk pejabat kadi minta nasihat. Kadang-kadang masalah itu boleh selesai apabila penceraian yang berlaku contohnya. Akan tetapi kadi kadang-kadang memberikan nasihat yang kadang-kadang tidak masuk akal menyebabkan jalan keluar tidak ada. Dari masa ke semasa wanita-wanita ini terus mengalami masalah dan nampaknya dalam banyak hal, kadangkala pejabat-pejabat kadi juga tidak membantu kerana ada kes-kes yang tertangguh begitu lama. Adakah Yang Berhormat lihat bahawa di sana juga ada masalah di pejabat kadi ini? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, Limbang belakang ini, sikit.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya ingin hendak bertanya dengan Yang Berhormat Bukit Gantang iaitu tentang masalah-masalah kita sebagai wakil rakyat ini memang selalu didatangi dengan wanita-wanita, ibu-ibu yang kena kepala tali pinggang besi apa itu, pernahlah mengadu dengan kita. Memang betul

setengahnya mengadu kita pula daripada agensi-agensi yang sepatutnya. Apa yang saya perhatikan Yang Berhormat Bukit Gantang sebagaimana Yang Berhormat Bukit Gantang kata tadi mesti disegerakan. Saya juga mendapati banyak aduan ini yang mengadu kepada kita ialah pergi sana lambat, prosesnya terlalu panjang sehinggakan boleh menyebabkan perkara-perkara—sempat lagi hari mereka mengadu itu sampailah tindakan diambil sempat lagi mereka ini dibelasah dan sebagainya.

Keduanya ialah tentang pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang tentang kalau suami yang dipengaruhi syabu dan sebagainya. Ini juga yang saya dapati proses ini hendak tangkap diambil tindakan orang kena suami yang ada pengaruh syabu ini macam-macam proses terlalu panjang sehinggakan akhirnya apabila sudah kata Yang Berhormat Bagan Serai tadi, dapat tiga anak barulah kes diambil tindakan dan seterusnya penceraiannya akhirnya. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih. Sama seperti mana kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Yang Berhormat Limbang. Oleh sebab itu kita harapkan supaya mesti ada *National Blue Ocean Strategy*, supaya membabitkan semua agensi ini, supaya mereka ada SOP di dalam menyelesaikan masalah. Sama ada pejabat kadi kah, pejabat Peguam Negara kah, polis kah dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh selesaikan. Kita tidak hendak perkara-perkara ini yang menjadi mangsanya ialah wanita terutamanya. Saya yang paling sedih sekali ialah bukan sahaja ibunya tetapi ialah anaknya. Kita fikir anak, mak itu mungkin masa sudah lanjut. Akan tetapi apa yang penting sekali ialah anak ini kebanyakannya akan menjadi mangsa apabila berlaku.

Begitu juga Yang Berhormat Limbang, saya pun kadang-kadang saya hairan juga. Saya tengok kadang-kadang duduk dekat rumah itu sudah bergaduh ini. Ini pengalaman saya tengok, datang rumah abang saya sebagai imam. Datang rumah sudah bergaduh, bengkak semua. Yang syoknya waktu naik atas motosikal itu elok. Perjalanan daripada rumah ke rumah abang saya itu agak jauh. Elok berjalan, tongkat motosikal sahaja dia terajang bini dia pula. Sepatutnya dia terajang bini dia jatuh dalam sungai awal lagi, ini pelik kadang-kadang. Akan tetapi *alhamdulillah* selepas kita nasihat-nasihat pula dia baik elok, mengandung pula selepas itu. Jadi itu satu perkara yang kadang-kadang—yalah perempuan ini Allah Taala berikan kepada dia sifat—sebenarnya sifat ketaatan. Dia sifat taat ini ada kepada perempuan sebab itu Allah Taala jadi perempuan ini isteri. Dia tidak jadi lelaki, kita pun tahu penggerak kepada pilihan raya ini kebanyakan perempuan yang taat setia, yang tidak ada berbelah bahagi. Yang lelaki ini kadang-kadang 'duk' habiskan bubur kacang dengan bubur jagung dekat markas sahaja. Jadi orang perempuan ini dia rajin, rumah ke rumah dan sebagainya. Dia memang taat, dia dengar, dia tidak ada—itu kita beri pengiktirafan kepada perempuan. Akan tetapi kadang-kadang dieksploit oleh orang lelaki, tidak kena.

Jadi sebab itu juga yang keduanya ialah rumah perlindungan dalam masa yang segera saya sebut tadi ialah perintah perlindungan ini mesti diberikan dengan segera. Kalau dulu mungkin *red tape* payah, agak prosedur. Akan tetapi sekarang ini mungkin arahan daripada pejabat itu kalau dapat arahan malam dan sebagainya pun boleh pindahkan perempuan ini ke rumah perlindungan tadi.

Ketiganya kalau boleh disediakan beri modal teroka kepada— kalau kita hendak ambil tindakan kepada suami itu antara sebab kadang-kadang wanita dia takut untuk hendak *report* masalah dia. Kalau suami dia kena tangkap nanti, siapa hendak bagi anak hendak beri makan, itu yang difikirkannya. Oleh sebab itu kita kena fikirkan juga untuk kita berikan modal teroka untuk mereka mulakan penghidupan baru mereka.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** [*Bangun*]

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Keempatnya ialah pendidikan pencegahan kepada masyarakat. Kadang-kadang saya tengok terutamanya di kalangan wanita yang berada di luar bandar, kadang-kadang mereka tidak terdedah sebenarnya apa hak mereka yang mereka boleh buat. Hatta dalam konteks hari ini pun ada di kalangan wanita dia tidak faham dia ada hak dia, dalam konteks kita katakan wanita Islam. Dia tidak faham di sana dia ada *fasakh*. *Fasakh* ini dia boleh buat, dia *duk* fikir talak sahaja, sedangkan *fasakh* ini ialah kuasa daripada pihak perempuan tetapi dia tidak gunakan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Bukit Gantang saya ingin bertanya dalam Islam lah suami yang mendera isteri ini, dari segi syarak apa hukumannya? Adakah Yang Berhormat Bukit Gantang bersetuju suami-suami yang begini ini kita pukul di khalayak ramai seperti yang akan dilakukan di Kelantan? Sebat di khalayak ramai untuk memberi pengajaran dan pendidikan kepada kaum lelaki supaya menjaga isteri seperti yang diamanahkan Allah SWT.

■1640

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey terima kasih. Saya bersetuju. Ini kerana ia merupakan —hukum ta'zir ini dia pulang macam mana prosedur untuk kita buat yang pentingnya untuk kita hendak menginsafkan dia. Kalau boleh pun kita letak dalam raga ayam. Letak tengah-tengah dekat *traffic light* pun tidak apa. Beritahu '*saya ini pukul isteri*'. Biar orang tengok setiap hari pergi pejabat tengok muka dia. Ini muka dera isteri. Itu juga salah satu daripada cara boleh buat juga selain daripada kita hendak sebat tadi. Jadi, yang lainnya ialah soal saya sebut tadi ialah pendidikan hak tadi.

Seterusnya ialah supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga perkara-perkara berkaitan tadi tidaklah mereka ini hanya menjadi pegawai meja. Maksudnya mereka mesti turun dan mesti pantau. Ini kerana tidak ramai pun dalam satu daerah itu yang sefahaman saya setiap dekat daerah itu dia ada jaga. Macam tempat saya sendiri pun dia ada tiga DUN itu dia ada tiga pegawai jaga ini —DUN-DUN tertentu dan seingat kes-kes terpencil. Mungkin mereka ini boleh untuk turun bukan sahaja menjadi orang yang jadi pegawai meja semata-mata. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Merbok.

#### 4.41 ptg.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga. Apabila kita menceritakan mengenai keganasan rumah tangga ini, biasanya ia akan mendatangkan kecederaan kepada mangsa dan sudah semestinya mangsa itu cenderung kepada wanita dan kanak-kanak. Akan tetapi, persepsi ini sudah boleh diubah berikutan statistik daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendedahkan dari 2014 hingga 2016 mencatatkan sebanyak 15,617 kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini dengan 25 peratus daripadanya membabitkan penderaan terhadap suami.

Kita tidak boleh memandang ringan berkenaan mangsa keganasan rumah tangga yang melibatkan lelaki. Ini kerana ia akan menjejaskan penghidupan mangsa ini sendiri serta penghidupan keluarganya kelak. Hanya kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa yang digunakan sebagai statistik dipercayai terdapat banyak lagi kes yang dilaporkan kerana sikap kaum lelaki itu sendiri yang mungkin malu sekiranya isu keganasan rumah tangga yang melibatkan diri mereka sebagai mangsa menjadi gurauan masyarakat sekeliling. Ada yang mempunyai anggapan segala peruntukkan undang-undang hanya diberi fokus perlindungan terhadap kaum wanita dan kanak-kanak sahaja. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 Akta 521, kita merangkumi aspek perlindungan bukan sahaja terhadap wanita malahan lelaki juga.

Kewujudan Akta 521 merupakan antara usaha kerajaan melalui kerjasama badan bukan kerajaan ataupun NGO bagi menangani masalah keganasan rumah tangga. Tidak menjurus kepada keganasan rumah tangga terhadap lelaki, saya juga berpendapat tidak kira sama ada suami atau isteri perlu mengambil inisiatif bagi membendung masalah keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga berlaku biasanya berpunca daripada masalah komunikasi, dendam, cemburu, panas baran, tekanan hidup, keketekan pengetahuan agama,

personaliti pendera, personaliti mangsa, kemiskinan, tekanan hidup dan lain-lain. Keganasan rumah tangga telah memberi banyak kesan negatif terhadap berbagai pihak. Kes-kes ini akan menyebabkan perpecahan keluarga, anak-anak dalam sesebuah keluarga menjadi mangsa. Biasanya, anak-anak ini akan kehilangan kasih sayang daripada ibu atau bapa. Ini menyebabkan anak-anak murung, kurang keyakinan diri dan akan mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah seperti bunuh diri. Selain itu, beberapa —mereka juga akan kemungkinan meluahkan perasaan mereka dengan membuli orang, memukul orang, menagih dadah, berjudi dan sebagainya. Secara tidak langsung kes jenayah di negara kita akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, jika permasalahan ini berterusan masa depan keluarga ini sentiasa termasuk suami isteri dan anak-anak akan terancam. Ini kerana kita mengetahui apabila terjadi masalah keganasan rumah tangga, seseorang individu ataupun mangsa ini akan merasa tertekan. Seterusnya, menjurus kepada permasalahan lain pula. Sebagai contoh, akibat berlaku tekanan si isteri didera oleh si suami dan si isteri tidak ada tempat untuk berlindung dan si isteri boleh mengambil keputusan untuk membunuh diri kerana terlalu tertekan didera oleh si suami. Jika statistik keganasan terhadap wanita pada tahun 2016, diunjurkan sebagai hanya keganasan rumah tangga, jumlah sebenarnya wanita Malaysia di luar sana yang pernah mengalami situasi tersebut atau sedang mengalaminya ialah menjangkau 100,000 orang dan ia bukanlah satu jumlah yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat bahawa definisi keganasan rumah tangga adalah besar. Ia meliputi keganasan fizikal, seksual dan *physiological* termasuk memaki hamun, mencaci, mengeluarkan kata-kata kesat atau menghina dan kebanyakan mangsanya hanya yang benar-benar serius sahaja yang sampai ke pengetahuan umum. Selebihnya didiamkan secara ia dianggap sebagai masalah peribadi, krisis sementara perkara biasa dalam rumah tangga, takut dan berbagai alasan lain yang sering digunakan. Berdasarkan kajian yang dijalankan di Australia, mereka mendapati bahawa 15 peratus daripada mangsa takut pemangsa akan membalas dendam atau akan terus mendera mereka. 24 peratus lagi merasa malu dengan apa yang berlaku dan merasakan apa yang berlaku hanyalah perkara kecil sahaja. Satu daripada 10 mangsa mendakwa bahawa polis tidak membantu melindungi mereka apabila laporan dibuat manakala lapan peratus lagi berfikir bahawa pihak berkuasa tidak akan membuat apa-apa.

#### ■1650

Bagi yang tidak melaporkan, mereka merasakan ia adalah tindakan yang paling selamat dan merasakan bahawa mereka boleh menyelesaikannya sendiri serta merasakan bahawa proses yang perlu dilalui selepas membuat laporan adalah terlalu remeh dan menyusahkan. Jika kes keganasan rumah tangga ini dibincangkan oleh umum, ramai yang

menganggap bahawa wanita yang mengalaminya kurang bijak kerana sanggup didera secara fizikal, emosi dan tanpa melakukan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kes yang tersiar di media. Mangsa mendapat kecaman kerana lewat melakukan sesuatu dan pelbagai lagi cacian dan stigma terhadap mereka yang sebenarnya tidak wajar. Secara umumnya, semua merasakan bahawa sebagai seorang yang waras, wanita-wanita ini tidak wajar mendiamkan diri sehingga ada yang merasakan mangsa memang wajar menjadi mangsa kerana tidak pandai mempertahankan diri. Apakah kemungkinan yang berlaku terhadap mereka yang kerap didera bertahun-tahun namun masih berdiam diri sehingga mereka menjadi terlalu naif sebagainya.

Masyarakat, pihak berkuasa, NGO, kementerian dan media massa harus memainkan peranan bagi mengatasi permasalahan ini. Masyarakat setempat perlu mempunyai rasa tanggungjawab sosial untuk bersama-sama membantu mengatasi masalah ini. Ini dapat menganjak paradigma masyarakat yang bersifat individualistik. Media massa perlu haruslah berperanan secara proaktif sebagai sumber sebarang maklumat yang berwibawa dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang keganasan rumah tangga. Untuk mendapat tahu organisasi keluarga yang bahagia, datangnya daripada suami dan isteri itu sendiri. Didikan awal kepada anak-anak tentang keburukan dan bahayanya keganasan rumah tangga itu penting bagi menghasilkan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, sesungguhnya pun penderaan ke atas suami isteri dan kanak-kanak telah lama wujud di negara ini, namun kebaikan insiden penderaan ini tidak dilaporkan. Keadaan ini berlaku oleh kerana mangsa tersebut tidak tahu bagaimana dan di mana untuk meminta bantuan. Mereka juga berasa takut untuk membuat laporan. Semua pihak harus bekerjasama untuk mengatasi masalah keganasan rumah tangga supaya melahirkan masyarakat yang aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap semua mangsa tidak berdiam diri dan berkongsi masalah yang dihadapi dengan orang lain. Orang-orang lain tidak boleh membantu anda jika anda diatkan diri. Hanya anda boleh menyelamatkan diri sendiri. Kata-kata yang ingin saya kongsi, "Anda mestilah hentikan keganasan rumah tangga. Sayangi diri sendiri. Setiap orang berhak mendapat dan memiliki kehidupan yang bahagia". Itu sahaja.

Sekian lagi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Sekian. *Wassalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**4.55 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang untuk mengambil bahagian juga. Pertamanya saya ingin



mengucapkan tahniahlah kepada kementerian di atas pindaan ke atas rang undang-undang ini. Saya telah baca rang undang-undang ini, walaupun mungkin tidak dapat baca keseluruhan pun tetapi saya sudah lihat. Secara *substance*-nya, saya rasa satu pindaan yang baik. Cuma ada beberapa perkara yang, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin *highlight*-kan kepada Parlimen ini untuk mungkin dapat difikirkan oleh pihak kementerian.

Pertamanya, saya rasa, saya minta maaf ya. Saya rasa saya mempunyai perspektif yang berbeza sedikit dengan ramai daripada Ahli Parlimen di sini. Sebab bagi saya, kita tidak boleh membincangkan mana-mana akta khususnya akta ini secara terpisah dengan perkara-perkara di luar akta itu. Sebab kita harus mengambil pendekatan holistik. Sebab apabila kita kata keganasan rumah tangga, keganasan domestik ini, saya rasa ia tidak terpisah dengan apa yang berlaku di luar rumah. Sebab apa yang berlaku di luar rumah itu akan dibawa ke dalam rumah tangga.

Sebab itulah, bagi saya, di sinilah kenapa khususnya Pakatan Harapan, kami ini agak vokal terhadap perkara-perkara yang berlaku di luar, di dalam negara ini kerana kita merasakan, kalau apa yang berlaku dalam negara ini sama ada masalah ekonomi kah, masalah apakah, ia akan menjejaskan, akan sedikit sebanyak mempengaruhi keharmonian rumah tangga, apa yang berlaku dalam rumah tangga dan sebagainya. Sebagai contoh, saya hendak bagi contoh. Kalau seorang bapa sebagai *bread winner*, dengan izin, tiba-tiba balik dalam keadaan gaji yang rendah, dalam keadaan mungkin tidak cukup duit untuk menyara keluarga dan sebagainya, dia mungkin akan menjadi *violence*. Dia akan mudah di-*provoke*. Kadang-kadang anak nangis sedikit sahaja, dia akan jadi ganas dan sebagainya.

Jadi kita tidak boleh, sama sekali tidak boleh memisahkan perbincangan mengenai Akta Keganasan Rumah Tangga dengan apa yang berlaku di luar ini. Akan tetapi saya tidak nampak lagi, minta maaf dari segi perbincangan tadi, kita seolah-olah, kita hanya memfokuskan akta ini seolah-olah mengetepikan perkara-perkara lain. Yang ini, saya minta maaf, saya rasa saya tidak bersetuju dengan apa yang- jika kita hanya menyelesaikan masalah ini dengan hanya melihat akta sahaja. Itu yang pertama.

Terus pergi yang keduanya, berkaitan dengan istilah. Kalau kita lihat ada nampaknya macam ada nampak satu perbezaan. Kalau kita lihat dalam Bahasa Melayu, dia kata, Akta Keganasan Rumah Tangga. Akan tetapi kalau kita lihat dalam bahasa Inggeris, ia kata, *Domestic Violence Act*. Kerana apa saya membangkitkan istilah ini kerana saya melihat dengan perbezaan istilah ini, ia akan menyebabkan sebab itu dibangkitkan tadi isu-isu *boyfriend, girlfriend* dan sebagainya. Saya antara mereka yang menyokong bahawa ataupun mencadangkan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga ini mungkin boleh dijenamakan semula ataupun diberikan nama lain. Sebab apa saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya rasa *domestic violence* itu patut diterjemahkan sebagai "Akta Keganasan Domestik." Saya mencadangkan begitu.

Sebab apa saya kata begitu, kalau kita mencadangkan Akta Keganasan Domestik bermakna kita melihat lebih luas lagi sebab apabila kita hanya memfokuskan Akta Keganasan Rumah Tangga, ia seolah-olah *presuppose*, dengan izin, mesti wujudnya *marital relationship*. Ada wujudnya satu hubungan pernikahan yang sah, barulah seseorang itu boleh dilindungi di bawah akta ini. Akan tetapi kalau kita mengatakan Akta Keganasan Domestik, bagi saya, kita harus melindungi isi rumah, isu domestik itu. Dalam hal ini, saya minta Menteri memikirkan mungkin kita sudah sampai ke peringkat bukan sahaja melindungi manusia sebab dalam rumah ini kita ada ibu, ayah, isteri, anak, suami. Kita juga ada pembantu rumah. Kita ada juga haiwan peliharaan. Jangan kita ingat apabila kita hendak pelihara keluarga, kita boleh seksa pula, contohnya haiwan peliharaan.

#### ■1700

Tadi kita dengar perbincangan daripada pihak PAS tentang Islam. Saya hendak katakan bahawa Islam mengambil berat tentang isu *pet* ataupun haiwan peliharaan. Oleh sebab itu dalam hadis Rasulullah, riwayat Muslim ini yang menyatakan bahawa seseorang wanita, Rasulullah kata masuk neraka kerana menyeksa seekor kucing yang diikat tidak diberi makan, tidak diberi minum dan tidak dibiarkan untuk dia makan serangga di luar. Jadi itu adalah contoh *domestic violence* tapi melibatkan bukan manusia tapi binatang bernyawa.

Oleh sebab itu, dalam Islam hatta orang Islam sendiri apabila Rasulullah SAW, apabila seorang mayat Yahudi lalu di hadapan dia, Rasulullah bangun dan menghormati mayat itu sehingga ada sahabat tanya “*Ya Rasullah, ini mayat seorang Yahudi, bukan Islam*”. Rasulullah berkata, [*Berucap dalam bahasa Arab*] kerana dia juga seorang manusia bernyawa. Maknanya sebarang makhluk yang bernyawa sama ada manusia ataupun bukan manusia harus dilindungi. Ini bagi saya adalah pendirian Islam. Oleh sebab itu, saya mencadangkan kalau hendak perluaskan juga termasuk perluaskan kepada haiwan peliharaan sebab kita ada anjing, ada kucing, ada arnab dan macam-macam yang mungkin juga akan menerima— kalau manusia sudah gila, dia boleh seksa bukan sahaja manusia hatta haiwan peliharaan. Jadi kalau kita hendak betul-betul hendak *extend*, hendak *expand* pemakaian undang-undang ini kita mesti lindungi segala isi rumah itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar juga daripada— okey tentang istilah khas *husband and wife* ataupun *boyfriend and girlfriend*. Saya merasakan bahawa dari segi hal ini, akta ini mesti dengan izin, mesti neutral dari segi agama sebab kita tahu akta ini terpakai untuk semua bangsa, semua agama. Walaupun kita orang Islam ada pendirian kita mengenai hubungan *boyfriend* dan *girlfriend* dalam satu rumah. Kita orang Islam tidak boleh tinggal lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin, tidak bernikah tidak boleh tinggal bersama. Ini pendirian orang Islam tapi hakikatnya realitinya apa yang berlaku dalam negara ini adalah ada orang-orang yang tidak berkahwin tinggal bersama dan kadangkala mereka ini juga akan menjadi mangsa keganasan.

Jadi saya rasa boleh bersetuju dengan setengah-setengah daripada sahabat-sahabat daripada Ahli Parlimen yang mengatakan bahawa sudah sampai masanya kita harus meluas pakai kepada golongan-golongan seperti itu, *boyfriend* dan *girlfriend* yang tinggal bersama yang mungkin diseksa dan sebagainya. Jadi kalau kita hendak menyelamatkan anggota masyarakat dan walaupun kita orang Islam ada pendapat kita sendiri tentang hubungan yang bukan melibatkan perkahwinan ini tapi kita harus mengetepikan pandangan itu kerana akta ini adalah akta yang terpakai untuk umum. Jadi janganlah kita cuba mencampuradukkan pegangan agama kita sehingga kita menafikan perkara itu.

Tadi dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai ini saya suka, dengar dia cakap berapi-api. Dia mengatakan dari segi Islam, Islamlah agama yang *protect* tentang wanita dan sebagainya. Saya setuju dengan dia tapi kadangkala apabila kita berbincang ini kita kadang-kadang nampak lebih kepada penderaan fizikal. Kita nampak seolah-olah penderitaan kita, kita yang bercakap ini kadang-kadang kita juga menjadi ejen kepada mendera orang. Sebagai contoh, saya hendak bagi contoh, dalam Parlimen ini kita ada anggota-anggota Ahli Parlimen yang wanita dan kita tadi bercakap tentang soal hormon dan sebagainya sedangkan kita bawa dalam Parlimen.

Parlimen ini juga tempat saya guna "*domestic violence*" sebab kita berbahas sampai pukul tiga pagi, membiarkan seorang ibu dipisahkan dengan anak dia, sebagai contoh Ahli Parlimen Kulai ada anak kecil, terpaksa tunggu sampai pukul tiga pagi, balik mungkin anak perlukan susu dan sebagainya. Jadi kita bercakap tentang harus *protect* wanita tapi kita menjadi ejen yang mendera wanita di dalam Parlimen ini. Yang Berhormat Bagan Serai dengar tak? Mana Yang Berhormat Bagan Serai? Tidak ada pula.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia panggil itu, kena cakaplah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sila, saya bagi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ini petang, mungkin paras gula sudah rendah *kot*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang, yang kita bincang ini ialah tentang rumah tangga dan penderaan ini ialah penderaan yang menyakitkan fizikal atau *emotional* atau *mind* dan sebagainya.

Jadi adakah kita terpaksa melakukan tanggungjawab kita berada di dalam Dewan lebih sedikit dan hanya sekali itu dianggap penderaan yang dikatakan *domestic violence* itu. Ingat Yang Berhormat Sepang kena buat *correction*. Tidak apalah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, saya kalau jadi pesakit saya tidak hendak jumpa doktor inilah, takutlah. Okeylah, *anyway* terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Maksud saya begini, kita kena *consistent* kalau kita hendak menentang keganasan rumah tangga, kita mesti tunjukkan, kata orang kita mesti bermula dari ini dulu sebab di sinilah kita buat undang-undang. Kalau di sini pun kita tidak boleh tunjukkan

bahawa kita tidak mendera orang jadi macam mana orang hendak percaya bahawa kita buat undang-undang tidak mendera, yang tidak boleh selesaikan masalah penderaan. Itu maksud saya, bukan saya kata saya setuju dan sebagainya, itu soal lain. Persoalan saya ialah di sini juga berlaku penderitaan ataupun penderaan ke atas emosi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Betul-betul.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nampak Yang Berhormat Kulai pun setuju.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang saya tidak setuju Yang Berhormat Sepang, boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak setuju tidak apa, saya sudah jawab, tidak apa. Terpulanglah ini saya punya giliran, minta maaf...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak pernah mendera orang di sini itu tanggungjawab, melaksanakan tanggungjawab kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu masalah. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tidak apalah saya jawab, tidak dera tidak betul. Di sini kita dera, mungkin tidak dera dari segi fizikal tapi dera dari segi emosinya. Tadi ada perbincangan dari Yang Berhormat Tebrau kata penderaan ini bukan sahaja melibatkan fizikal tapi juga *emotional*, perasaan dan sebagainya. Kalau kita tengok seorang wanita sampai pukul tiga pagi, tidak dera kah ini? Kalau ini pun tidak dera baik *review* balik lah kelulusan kedoktoran itu. Minta maaf, saya minta supaya *review* balik, mungkin kena tarik baliklah ijazah itu, memalukan, menghina jurusan perubatan, minta maaf.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kulai di sini boleh ? Okey, saya hendak bantu sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya. Saya hendak bantu sikit, tadi saya rasa semasa perbincangan kita semua setuju di sini bahawa penderaan bukan sahaja terhad kepada fizikal tetapi juga termasuklah mental, *emotion* punya penderaan dan apa yang lagi penting di sini sahaja pemisahan dengan itu *baby* bukan satu penderaan kepada ibu sahaja. Sesiapa ayah, bapa yang ada anak-anak yang kecil saya rasa perpisahan itu tidak sepatutnya dan tidak sewajar juga.

Kita ada kakitangan kerajaan, kakitangan yang bekerja di Parlimen yang mempunyai anak-anak kecil. Kalau suami ini tidak balik rumah, siapa yang bantu isteri dia untuk menjaga anak-anak itu dan saya amat tidak setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Bagan Serai yang menyatakan bahawa kami di sini jalan tugas. Itu saya setuju, betul! Kami semua di sini jalan tugas tetapi kenapa kita perlu bersidang sampai 3.00 pagi, 4.00 pagi, 5.00 pagi dan bukan satu hari sahaja tapi sepanjang satu minggu.

Jadi saya rasa itu satu penderaan dan saya rasa yang paling penting ialah saya amat setuju bahawa kita perlu menjadi *consistent* dan saya rasa apabila Yang Berhormat Bagan

Serai menyatakan bahawa “*You need to be professional, bertanggungjawab, ini adalah tanggungjawab*”. Saya rasa kalau majikan lain ataupun suami-suami lain yang mempunyai pemikiran sebegini mereka akan rasa bahawa pekerja wanita mereka di tempat kerja “*Hah, itu tanggungjawab you, kerjalah sampai 3.00 pagi, itu tanggungjawab you*”. Kalau *you* bagi alasan bahawa ada anak-anak kecil di rumah maksudnya ini bukan seorang pekerja yang bagus. Ya, betul di sini kita bincang tentang rumah tangga tetapi pemikiran kita perlu betul, kalau tidak kami tidak menghormati ibu bapa yang mempunyai anak-anak kecil di rumah. Saya rasa keganasan ini akan teruslah berlaku. Terima kasih Ahli Parlimen Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai. Ini baru Ahli Parlimen cakap, faham Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Yang Berhormat Sepang, boleh tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, duduk-duduk. Relakslah.

**Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Memang hendak relaks. Perangai dia tidak berubah, sakit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang tidak berubah. Makin baik, biasalah.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi laluan tak kalau Yang Berhormat Sepang bagi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terpulang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah, bagilah tidak apalah.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Oh! Terima kasih. *Alhamdulillah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya dengar Yang Berhormat Kulai bercakap tadi soal tanggungjawab, soal kalau memang sudah tanggungjawab dia seorang wanita bekerja sampai malam, betul tidak tadi?

#### ■1710

Contohnya, dia *nurse*-kah, dia bekerja sampai malam, itu tanggungjawab dia. Persoalannya sekarang ini kita Ahli Parlimen, pegang tanggungjawab kita, kita jangan persoal, soal kita berada di Dewan yang mulia ini. Kalau hatta di kampung pun kita diminta untuk pergi tengok orang tengah malam, dinihari, contohnya. Adakah ini satu penderaan oleh rakyat kepada kita? Kita berada di sini kerana rakyat. Kalau kita berada di kampung juga kerana rakyat. [*Tepuk*] Orang panggil pukul lima dinihari, kita kena pergi tengok juga kerana

rakyat, ini tidak perlu dipersoalkan. Sekejap Yang Berhormat Kulai, sebab saya mendapat laluan daripada sahabat saya, saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah belum? Sudah?

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Ada lagi, tidak habis lagi, kalau bagilah. Kalau tidak bagi, saya terpaksa kena duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan panjang-panjang, relaks lah.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Okey, sikit lagi. Dan soal kita bersidang sampai pukul dua atau tiga pagi adalah kerana keperluan dan tuntutan pada waktu itu. Bukan hari ini, malam ini bukan pukul tiga pagi, pukul 5.30 petang balik, tidurlah. Lepas masak apa, saya takut Yang Berhormat Kulai masak dekat rumah pun tidak tahu. Hendak balik masak kah, hendak apa...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila hendak makan, nanti saya masak untuk Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Ini saya rasa...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bukan masalah saya masak.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Soalnya Yang Berhormat Sepang bagi laluan pada saya, takkan saya hendak bagi, takkanlah. Inilah masalah kalau jadi Ahli Parlimen undang-undang pun tidak faham. Fahamlah, saya mendapat peluang ini pada Yang Berhormat Sepang. Soalnya, sebulan sekali pun tidak, dua bulan sekali tidak, tiga bulan sekali tidak, enam bulan sekali pun sampai pukul tiga pagi tidak, apabila ada keperluan, ini berkorbanlah untuk negara. Kita di sini kerana cakap soal sayangkan negara apa semua sekali. Maka, bagi tidak perlulah, bagi pandangan saya tidak perlulah kita bangkitkan isu ini. Saya terima kasih. Yang Berhormat Sepang, memang saya kalau ada peluang bila-bila saya akan bagi Yang Berhormat Sepang laluan. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. *I love you* Yang Berhormat Sepang.

*[Dewan ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Itulah masalah kita ada Timbalan Menteri macam itu, dia tidak mahu dengar penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Duduklah dengar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ha, baru *gentle*.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bagus, ini baru *gentleman*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduk, duduk, Kapar pun bangun lagi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Biar saya ajar Yang Berhormat Timbalan Menteri ini sikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Floor* siapa ini?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila ada kebakaran...

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Selepas ini boleh bagi atau tidak?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...itu adalah kecemasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Lepas ini boleh bagi atau tidak?

*[Dewan Riu]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau kecemasan, dengan urusan biasa Parlimen pun tidak faham, tidak boleh baca, itulah sebab rakyat kita menderita sekarang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak, sudah bagi belum?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kecemasan dan urusan Parlimen pun tidak boleh faham!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia belum minta lagi, dia belum minta lagi. Tidak, Yang Berhormat Sepang sudah bagi belum?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Dan saya hendak cakap lagi...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagi, Yang Berhormat Sepang bagilah dulu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tidak apa, sudah bagi laluan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang sudah bagi belum, laluan?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Sepang tidak bantah kenapa *you* hendak naik suara?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, bagi-bagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dahsyatlah Yang Berhormat Setiu ini, sudah jadi Speaker kah?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini *floor* Yang Berhormat Sepang, dia pun tidak ganggu saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Speaker pun duduk diam, Yang Berhormat Setiu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kedua, saya hendak cakap...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hai, Yang Berhormat Kapar, *you* duduklah, duduk.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Pertama, urusan harian Parlimen dengan situasi kecemasan, itu dua perkara yang banyak berbeza. Timbalan Menteri pun tidak faham, saya

rasa baliklah *study* itu SPM. [*Dewan ketawa*] Kedua, saya hendak cakap di sini, saya bukan cakap bahawa saya tidak mahu bersidang di sini. Sekarang sudah hampir 5.30 petang, saya masih berada di sini. Tidak macam Timbalan Menteri sudah hendak lari keluar. Itu, jadi kami di sini sudah banyak kali cakap bahawa kalau hendak bersidang, kita tidak ada bantahan, tambahlah hari sidang kan? Sekarang kita bersidang kurang daripada 80 hari setahun, 60 hari sahaja, kenapa tidak boleh tambah hari untuk bersidang?

Dulu cakap bahawa Dewan Negara dan Dewan Rakyat perlulah kongsi Dewan. Jadi, oleh sebab itu hari persidangan perlulah pendek sedikit. Sekarang bangunan ini begitu cantik tetapi satu tahun berapa hari kita Ahli Parlimen bersidang di sini? Jadi, kalau hendak jadi seorang Ahli Parlimen yang berkualiti, yang berkhidmat untuk rakyat jelata, biarlah kita bersidang di sini sekurang-kurangnya 80 hari setahun. Saya tidak ada bantahan. Akan tetapi tidak perlulah kita bersidang sampai pukul tiga, pukul empat, pukul lima pagi. Eh, saya hendak mengingatkan Timbalan Menteri di sini ya, Sultan Negeri Selangor juga tidak setuju untuk Parlimen bersidang sampai selepas pukul 12 tengah malam. Jadi, saya hendak tanya di sini, Timbalan Menteri bersetuju tidak dengan pandangan Sultan Negeri Selangor? Itu sahaja, saya pulangkan *floor* kepada Ahli Parlimen Sepang. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Yang Berhormat Sepang, tidak acilah kalau dia...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah, nanti-nanti.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** ...Dia tidak bagi saya keluar, dia bantai saya. Sedikit, saya hendak jawab balik...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, seminit-seminit, bagi seminit.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Seminit boleh, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya takkan melalut tidak tentu fasal. Okey, Yang Berhormat Kulai, saya bersetuju. Okey, ada yang saya bersetuju, ada yang saya tidak bersetuju. Inilah kita Barisan Nasional, ada yang kita setuju, kita setuju, tidak setuju, kita tidak setuju. Kita memang berhemah. Okey, saya bersetuju kalaulah dipanjangkan sedikit. Panjang sangat tidak boleh masa tempoh bersidang sebab kita ada tanggungjawab pada rakyat. Kita belah sini kita ada tanggungjawab pada rakyat banyak, belah sana ada tanggungjawab pada rakyat banyak, sama sahaja. Saya bersetuju kalaulah dipanjangkan sedikit. Akan tetapi kalaulah hendak panjang sangat tidak boleh, kita ada tanggungjawab, yang ini saya bersetuju. Akan tetapi ada yang saya tidak bersetuju sebab kita bukan selalu sampai pukul tiga pagi. Isu ini kalaulah hendak membangkitkan pandangan, boleh tetapi jangan kalau hendak bandingkan dengan itu dengan ini, ini tidak bolehlah sebab kita bukan selalu, yang kedua.

Ketiga, apa juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Sepang itu saya perhatikan ada kebenarannya. Memang ada kebenarannya berkaitan dengan isu ini, ada kebenaran, saya setuju ada kebenaran. Akan tetapi bab saya tidak setuju tetap saya tidak setuju.



Keempat, cakap saya keluar, bukan. Saya hendak pergi sembahyang. Saya masuk, saya tertarik dengar dok bercakap, itu saya mintalah bangun. Kemudian jangan lengahkan sembahyang. Jangan kamu melengah-lengahkan sembahyang, tanya Yang Berhormat Pasir Puteh, betul tidak. Tidak boleh lengah sembahyang. Saya tidak tahulah kalau Yang Berhormat Kulai boleh lengah sembahyang Yang Berhormat Kulai, saya tidak tahu. Belah kita tidak boleh. Saya bukan hendak—ingat saya hendak lari? Eh, saya tidak pernah lari dari gelanggang, tahu tidak? Jangan suka memperli-perli orang, tidak baik. Hari ini kita perli orang, satu hari musibah akan kena pada kita, orang akan perli kita, kena ingat. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat sambung sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit sahaja, sekejap ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kapar, sekejap Yang Berhormat Kapar, sekejap-sekejap. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya, saya yang fasal sembahyang itu saya- kita beginilah, sebab Yang Berhormat Kulai ini kalau dia hendak sembahyang pun tidak boleh sebab dia bukan orang Islam, tidak payahlah bangkit isu sembahyang ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, boleh Yang Berhormat Sepang.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, boleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapar, bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar dulu.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Dan Kota Raja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, silakan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya ingin bawa balik kepada tentang masa dipanjangkan dan sebagainya sebelum ini. Kalau kita masuk kepada sesi persidangan sebelum ini ketika sehari sebelum hari terakhir itu dipanjangkan sehingga tiga pagi. Hari Rabu. Hari Isnin dan Selasa, kita selesai lebih awal. Akta-akta dibincangkan pun bukan akta yang memerlukan perdebatan panjang lebar. Akan tetapi masa diberikan agak luas untuk kita debat dan sebagainya tanpa gangguan. Tiba-tiba masuk ke hari Rabu, kita *thresh* sampai tiga pagi. Saya rasa Datuk Setiausaha Dewan ini dan juga Tan Sri boleh—memang bijak boleh mengatur masa dan sebagainya. Saya tidak ada masalah dengan mereka. Mereka saya rasa boleh atur peraturan mesyuarat dan sebagainya. Akan tetapi di sebalik apa yang mereka aturkan, ada tanggungjawab ataupun tindakan Eksekutif yang mengganggu benda ini dan tarik sampai tiga pagi. Itu yang mencemarkan budaya yang sedang kita pamerkan dalam Dewan yang mulia

ini. Itu pandangan saya. Kalau pelan seperti yang mereka hendak, maksud saya Setiausaha dan juga Speaker, saya rasa tidak ada masalah, dia boleh ikut.

Kalau kita tahu macam kali ini berapa banyak akta yang kita hendak bentangkan, berapa hari kita hendak bentangkan. Seperti macam akta ini berapa hari kita hendak bentangkan? Kalau kita sudah pelan lebih awal, tidak ada isu-isu sampai tiga atau empat pagi dan sebagainya. Pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, sedikit Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat Setiu. Saya bagi sekejap lagi, sekejap. Terima kasih kepada sahabat-sahabat saya daripada Kulai, Kapar, Timbalan Menteri. Saya fasal isu masa inilah, bagi saya, poin saya sudah terangkan tadi yang saya hendak tekankan tadi ialah tentang kalau boleh kita elakkanlah perbincangan sampai lewat malam ini sebab ini boleh dielakkan. Sesuatu yang di bawah kawalan kita, kecuali kalau tidak boleh elak itu satu hallah. Tadi macam contoh, macam kes banjir semua itu, Ahli Parlimen Kulai saya rasa dia pun faham. Kalau memang sudah berlaku terpaksa kita pergi, itu pun saya rasa anak-anak kita pun faham, suami kita pun faham. Kalau kita seorang suami, isteri kita pun faham. Akan tetapi ini satu perkara yang kita boleh kontrol. Saya bagi contoh, di negara lain sebagai contoh, kita ambil negara Singapura sahaja, mereka punya persidangan lebih kerap. Mereka boleh katakan dan saya pernah berbincang dengan Ahli Parlimen Singapura, dia kata setiap minggu ada. Jadi, kita boleh *adjust* balik. Ini bukan satu benda yang orang kata sampai tak boleh ubah langsung.

#### ■1720

Persoalannya, kita hendak atau tidak? Bagi saya, minta maaf, saya rasa isu masa ini sebenarnya dia melibatkan juga unsur-unsur politik. Saya hendak bagi contoh yang pada persidangan yang lepas. Walaupun ramai yang hendak bahas RUU 355 tetapi kita tamatkan pada pukul 4 lebih sudah tamat padahal yang Akta Hasutan sampai pagi. Maknanya ini berdasarkan *political will*, kita ada *political will* atau tidak. Kalau kita tak hendak bahas, kita boleh gunakan alasan kita tutup perbincangan. Selepas itu, persidangan ini pun saya nampak nombor 10, tak ada harapanlah. Jadi PAS minta tolong bangkit minta bahas. Memalukan Islam ini. Kita benda bentang tak bahas. Ini apa punya nama? Orang akan nampak Islam seolah-olah tidak buka untuk bahas.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Boleh ya Yang Berhormat Sepang ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sekarang boleh.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang ini duduk bincang, duduk bahas fasal apa ini sebenarnya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu pun soalan pun tak tanya lagi. Cepat tanya itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak, saya hendak tanya, cerita fasal keganasan rumah tangga sekarang. Dah lari jauh. Tak tahu— ini yang kita *wasting time* orang kata ini. Sebab itu jadi lambat, lewat. Tak payah bincang fasal benda lain. Kita sekarang ini hendak bahas berkenaan dengan keganasan rumah tangga. Parlimen bukan anggota rumah tangga.

Tadi Yang Berhormat Sepang sebut fasal hendak ubah jadi domestik. Yang mana yang *prevail* sebenarnya, sama ada yang *Malay version* ataupun yang *English version*? Kita bincang fasal rumah tangga, cerita fasal rumah tangga sahajalah, anggota rumah tangga. Sudah dinyatakan dalam definisi siapa dia, MOC kah, apakah yang terlibat dalam rumah tangga itu. Ini yang susah ini. Kita cuba hendak mengelirukan Dewan ini sendiri. Ini yang susah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, dah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Faham itu. Jangan hendak kelirukan Dewan ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya rasa tak ada orang yang keliru kecuali Yang Berhormat Setiu seorang sahaja keliru ini. Orang lain tak keliru langsung. Yang Berhormat Setiu ini daripada dulu, daripada dulu, daripada hari pertama sehingga sekarang tak pernah...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cerita keganasan rumah tangga dengan Parlimen ini apa kena mengena? Itu yang saya hendak tanya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dah. Saya tak bagi, saya tak bagi. Duduk, duduk. Saya tak bagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jawab soalan saya dulu. Jawab soalan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *This is my turn to reply.* Duduk, duduk, duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Adakah Parlimen ini anggota kepada rumah tangga? Itu yang saya hendak soal.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu tak payah jawablah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau Parlimen tak masuk, tak payah cerita fasal Parlimen.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang orang tahu Parlimen ini memang bukan rumah tangga tetapi di sinilah tempat undang-undang dibuat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, undang-undang dibuat itu tahu tetapi masalah apa kena mengena dengan hendak tambah masa dengan apa semua? Kalau

tambah masa pun 80 hari, 20 hari dah kena tinggal keluarga. Ke Yang Berhormat Kulai ada bawa keluarga dekat sini daripada Kulai?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apalah punya hujah ini?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa benda yang... Itu yang kata kena tinggalkan lebih lama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, isunya bukan isu...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kita sudah ada di Parlimen, kita habiskan apa yang ada. Tetapi nak cerita sekarang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Biar saya jawab. *Let me reply, okay?*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu yang masalahnya dengan Yang Berhormat Sepang. Saya bertanya benda lain, dia jawab benda lain. Ini yang payah. Cuba fahamkan. Kita sebagai pengamal undang-undang, faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Please, let me explain, let me explain okay?*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang mana *prevail*? Kita nak guna yang mana? Kalau sebut rumah tangga, rumah tanggalah kita sebut. Tak payah cerita fasal benda lain.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Biar saya jelaskan. Dengar dulu saya jelaskan. Isunya sekarang bukannya isu kita 80 hari kita tinggalkan keluarga. Sekarang ini pun kita tinggalkan keluarga. Sekarang ini pun Yang Berhormat Kulai sedang tinggalkan keluarga dia, tidak ada masalah. Isunya ialah kita boleh panjangkan waktu untuk mengelakkan kita bersidang sampai pukul 3 pagi. Itu isunya.

Soalan saya tadi ialah kenapa saya bangkitkan isu ini ialah kerana kita bercakap tentang penderaan bukan melibatkan fizikal sahaja. Dia daripada dululah, daripada hari pertama, dia tidak faham. Saya pun hairanlah macam mana dia boleh jadi Ahli Parlimen, saya pun peliklah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jawab soalan sayalah. Tak payahlah hendak cerita fasal saya pasrah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sudah jawablah itu. Saya sudah jawablah itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalahnya sekarang Yang Berhormat Sepang tidak faham soalan saya. Soalan saya, apakah kena mengena Parlimen dengan rumah tangga? Itu soalan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Parlimen...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak ada kena mengena pun.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tak payah jawablah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada kena mengena. Parlimen tempat di mana Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga dibuat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu semua orang tahu!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah tahu kenapa tanya lagi?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau sudah tahu, apa kena mengena dengan akta? Baca akta dulu. Seksyen mana.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sepang, *urgent*. Saya. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang pun bukan sihat sangat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ada orang kata *time* dia diam orang ingat dia bodoh. Bila dia bercakap, *confirm* bodoh. Ini Ismail Kamus kata. Masa dia diam, kita ingat dia ini mungkin bangang *kot*, bila dia bercakap *confirm* bangang. Ini Ismail Kamus kata.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini kalau bangang punya, ini Yang Berhormat Sepang lagi bangang. Banyak kali sebut bangang punya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sepang, izinkan saya peluang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Perkataan bangang ini sebenarnya orang-orang yang bodoh macam Yang Berhormat Sepang ini. Dia bodoh tapi dia cerita dia cerdik. Cerita melalut-lalut bukan fasal akta. Kita cerita fasal akta. P.M. 36(1) jelas, cerita fasal pindaan sahaja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya bagi, okey.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tengok peraturan dalam Dewan. Peraturan dalam Dewan jelas! Peraturan Dewan pun tak ikut, macam mana ini?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okeylah, saya bagi.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Sepang katakan mengenai perspektif keganasan itu mesti dilihat secara holistik. Jadi bila kita bercakap mengenai keganasan di dalam rumah tangga, saya kira perlu juga kita lihat tentang penderaan-penderaan yang berlaku dalam institusi kerajaan terutamanya di dalam *interrogate* polis— tahanan-tahanan dan sebagainya. Jadi saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat Sepang, bagaimana kita hendak mengurangkan keganasan dalam rumah tangga sedangkan institusi-institusi kerajaan sendiri menggunakan teknik penderaan untuk mendapatkan maklumat daripada orang yang kena tahan dan sebagainya? Dan banduan. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja. Sebenarnya penderaan ini dalam apa bentuk pun, tak kiralah dalam rumah kah, dalam Parlimen kah, dalam penjara kah, dalam apa institusi pun saya tak setuju. Saya rasa ini kita semua boleh bersetuju. Sebab itu kita tak boleh terima langsung apa-apa bentuk penyiasatan yang mengizinkan *torture* ya. *Torture* ini bila kita benarkan, bermakna kita membenarkan maklumat-maklumat yang mungkin diberikan secara paksa dan dari segi kualiti maklumat itu pun boleh dipertikaikan. Jadi saya rasa saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja itu. Maknanya kita tak boleh *tolerate* dalam bidang ini. Kita mesti *zero tolerance* terhadap sebarang bentuk keganasan.

Okey, berkaitan dengan Yang Berhormat Setiu tadi. Poin saya, Yang Berhormat Setiu, poin saya adalah apabila kita bercakap tentang penderaan ini, kita mesti bermula di sini. Jangan kita dera Ahli Parlimen khususnya wanita. Itu maksud saya. Sebenarnya masa ini, Yang Berhormat Setiu, kita boleh *adjust*. Kalau kita hendak, kita boleh *adjust* sebab kita yang *control* Parlimen ini, kenapa tak boleh *adjust* pula? Ini bukan *something* yang kata orang *beyond our reach*, dengan izin. Kita boleh, kalau kita hendaklah. Tetapi kalau kita tak mahu, kita akan cari seribu satu alasan lah. Sebab negara lain sudah membuktikan mereka boleh.

Tadi saya hendak cerita sikit fasal apabila kita bercakap tentang ada satu pepatahlah, pepatah bahasa Inggeris, dia kata, *if the problem is well stated*, kalau satu masalah ini kita betul-betul kemukakan dengan betul, *half of the problem* mungkin dapat diselesaikan. Jadi saya rasa kalau kita hendak menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga ini, kita mesti memahami masalah ini sebenarnya. Kita mesti mencari apakah punca dia. Saya rasa punca ini bukan hanya daripada akta sahaja.

Saya sudah melihat keganasan rumah tangga ini dan saya bukan sahaja terlibat sebagai membaca sahaja tetapi saya juga pernah terlibat dalam membuat kes-kes yang melibatkan akta-akta rumah tangga. Jadi saya ada pengalaman secara langsung. Saya tahu dekat mana kelemahan dan kekurangan akta ini. Saya rasa Yang Berhormat Setiu sebagai bekas hakim pun dia mungkin dapat *appreciate* kelemahan-kelemahan itu dan sebab itu saya katakan tadi saya memuji tindakan pihak kementerian yang cuba hendak perbaiki rang undang-undang ini. Saya rasa saya tidak ada masalah untuk menyokong.

Cuma, saya membawa persepsi-persepsi lain itu untuk membantu. Mungkin kementerian boleh memikirkan selepas ini macam mana kita boleh hendak selesaikan masalah ini. Sebab, jangan sesekali kita dalam membuat undang-undang ini kita melihat undang-undang secara terpisah dengan benda-benda lain sebab undang-undang tidak boleh terpisah dengan benda-benda lain. Undang-undang ini dia mesti dilihat secara holistik. Ini peranan undang-undang. Kalau *you*— saya hendak bagi contoh ya.

Saya ini seorang yang saya boleh katakan saya mengkaji tentang *sentencing* ini dari segi undang-undang Islam. Saya belajar, saya ada *degree* dan saya *study* betul-betul. Kalau

kita lihat dalam undang-undang Islam, undang-undang Islam boleh katakan khususnya dalam undang-undang yang berkaitan dengan jenayah-jenayah berat, tak ada langsung dalam hukuman-hukuman penjara. Tengok dalam hukuman hudud sebagai contoh, tak ada langsung penjara. Kerana apa tidak ada penjara? Ini ulama bincang panjang ini. Kerana apa tidak ada penjara sebab penjara ini hakikatnya kita bukan hanya menghukum penjenayah tetapi kita juga menghukum keluarga penjenayah. Bila kita pisahkan seorang bapa kah, ibu kah dipenjarakan, kita memisahkan mereka dengan keluarga mereka. Jadi jangan kita ingat Islam sahaja-sahaja tak mahu jatuhkan hukuman penjara. Hukuman penjara ini— sebab itu Sayidina Ali berkata hukuman penjara adalah hukuman yang paling *barbaric* sebenarnya.

Sebenarnya di Amerika pun, saya baca banyak jurnal mengenai *sentencing* ini, sekarang pun orang bincangkan bahawa hukuman penjara, adakah ini adalah hukuman yang *barbaric* atau tidak. Selalu kita kata hukuman yang potong tangan, *stoning to death* ini *barbaric*. Tetapi sebenarnya kalau kita hendak katakan, hukuman penjara pun sebenarnya hukuman yang *barbaric*. Cumanya kita tak pernah bincang. Itu sahaja. Sebab, hukuman ini pada hakikatnya kita mesti hukum orang yang buat jenayah, bukan hukum orang yang terlibat dengan penjenayah. Sebagai contoh, kita menghukum seorang bapa, bapa itu sahajalah. Tetapi jangan hukum anak-anak dan juga isteri dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah habis ya. Oh, sudah dekat 5.30 ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa sebagai kesimpulan, saya menyokonglah. Jangan takut, Yang Berhormat Menteri, saya menyokong. Yang ini saya sokong. Minta maaf, saya tidak ada masalah untuk menyokong. Seratus peratus saya sokong. Cuma saya minta, Yang Berhormat Menteri, yang saya bangkitkan itu minta Menteri juga fikir-fikirkanlah untuk memperbaiki pada masa akan datang sebab kita hendak sama-sama supaya masalah *domestic violence* ini dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, sambung esok kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Yang Berhormat, sidang kita tangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]**